



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 937]

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat
[Ruangan 985]

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Tanah Runtuh Lombong di Kampung Kandan, Kuala Lumpur [Ruangan 985]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Polis (Pindaan) [Ruangan 987]

Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda (Pindaan) [Ruangan 1000]

Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah [Ruangan 1064]

USUL PENANGGUHAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Tanah Runtuh Lombong di Kampung Kandan, Kuala Lumpur [Ruangan 1026]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., S.I.M.P., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- „ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.J., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, **DATO LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- „ **Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- „ **Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- „ **Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- „ **Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (KOTA BHARU).**
- „ **MENTERI PELAJARAN, DATO MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- „ **Menteri Kewangan, Y. M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).**
- „ **Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- „ **Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- „ **Menteri Penerangan, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).**
- „ **Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- „ **Menteri Perusahaan Utama, DATO PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).**
- „ **Menteri Pertanian, DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Trengganu).**
- „ **Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).**
- „ **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., D.P.M.J. (Muar).**

- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
 DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S., P.C.M.
 (Sungai Siput).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO MOKHTAR BIN
 HAJI HASHIM, D.S.N.S. (Tampin).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,
 D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD,
 J.B.S. (Santubong).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATO MANSOR BIN OTHMAN,
 K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO SRI HAJI
 KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO CHAN SIANG SUN, D.I.M.P.,
 J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK
 (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK
 SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat,
 DATO K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO LEW
 SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK
 (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
 DATO HAJI ZAKARIAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T.,
 K.M.N., S.M.T., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
 DATO ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu
 Nerus).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN SANUSI BIN
 JUNID, S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO MAK HON KAM, D.P.M.P.,
 J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO MOHD. NAJIB BIN TUN
 HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S., D.S.A.P. (PEKAN).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO DR NIK
 HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan
 Awam, DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO CHIN
 HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO HAJI EMBONG BIN YAHYA,
 D.P.M.J., D.S.I.J., A.M.N., P.I.S. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL
 SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N., D.J.N. (Kepala Batas).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N., S.M.S. (Sepang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, P.C.M., A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK THAMBY CHIK, A.M.N., P.J.K. (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMAD (Machang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S., S.M.S. (Ulu Langat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ TUAN ABBAH BIN MENGIMBAL *alias* George Abbah (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TAN SRI DATO HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J., S.S.I.J. (Tenggaroh).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATO ABDUL SAMAD BIN IDRIS, D.P.M.J., J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ, A.M.N. (Tanjong Karang).
- „ DATO ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

- Yang Berhormat TUAN ALIAS BIN MD. ALI P.J.K. (Ulu Trengganu).
- ” TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON, A.S.D.K., A.D.K., J.P.U., J.P.
(Labuk Sugut).
- ” DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- ” TUAN AU HOW CHEONG, P.M.P. (Telok Anson).
- ” TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- ” TUAN CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- ” TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- ” DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- ” TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- ” TUAN V. DAVID (Damansara).
- ” TUAN EDWARD ESNEEN UNANG (Mukah).
- ” DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S.
(Batang Lupar).
- ” DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- ” TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- ” DATO’ SERI HAJI HAMZAH BIN DATUK HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P.,
S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J.
(Ulu Padas).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI ENDUT, A.M.K. (Ulu Muda).
- ” TUAN HAJI HASHIM BIN HAJI GHAZALI, A.M.N. (Matang).
- ” TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M.
(Bagan Datoh).
- ” DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- ” DATO HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA, S.A.P. (Maran).
- ” TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- ” TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N.
(Rantau Panjang).
- ” TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- ” TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- ” TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- ” TUAN JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, A.M.N., P.J.K.
(Sabak Bernam).

Yang Berhormat TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).

- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DATUK LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Kluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING, A.M.K. (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, D.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, P.M.P., A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S., S.M.J. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO NIK HASSAN BIN WAN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.N.B.S., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI, D.I.M.P. (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K., S.D.K., J.P. (Alor Setar).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Bukit Mas).
- „ DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Silam).

- Yang Berhormat DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN, P.G.D.K. (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, J.M.N., A.M.P., P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P.
(Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFAH DORAH BINTI MOHAMMED, A.M.N., B.S.I., P.S.I.
(Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TAN SRI DATO SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, A.M.P., P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B.
(Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DATUK DR WONG SOON KAI, P.N.B.S., P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU, J.P. (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K.
(Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ DATO HAJI YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN
MOHD. JANI, D.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI, P.J.K. (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Khamis, 26hb Mac, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,
Tuan Lim Kit Siang.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua,
soalan yang pertama.

**PETRONAS—PENGAWASAN DAN
PENGAWALAN MINYAK**

1. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan apakah tindakan pihak PETRONAS telah mengambil untuk memastikan tidak terdapat 'over-lifting' atau 'pencurian' minyak oleh syarikat-syarikat pengeluar minyak di Malaysia, dengan memberikan butir-butir lanjut termasuk nama dan tarikh pakar-pakar dan penyiasat-penyiasat asing diupah, perakuan-perakuan yang dibuat oleh mereka dan tindakan-tindakan yang diambil oleh PETRONAS.

Pemangku Perdana Menteri (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, PETRONAS telah mengambil langkah-langkah berikut untuk mengawasi dan mengawal operasi-operasi pengeluaran dan eksport minyak oleh kontraktor-kontraktornya:

- (a) Menggunakan perkhidmatan pakar-pakar daripada pihak ketiga untuk menentukan jumlah minyak yang diisikan ke dalam tiap-tiap kapal;
- (b) Menggunakan perkhidmatan jurukur-jurukur kapal, jurukur-jurukur bahan, pakar-pakar meter, saluran paip dan

lain-lain kemudahan apabila diperlukan;

- (c) Memeriksa, merekod dan mengawasi dengan teliti penjenisan kapal-kapal, sijil-sijil muatan, jadual-jadual kadar dan tangki-tangki oleh PETRONAS dan perunding-perunding asing sebelum dan sesudah operasi mengisi minyak dalam kapal;
- (d) Mengadakan pengawasan operasi-operasi mengeksport oleh Pegawai-pegawai Kanan Kastam;
- (e) Mengawasi dengan rapi dan memeriksa dua kali sehari pergerakan dan penyimpanan minyak di terminal simpanan.

Saya fikir tidak perlu untuk diumumkan nama pakar-pakar dan pegawai-pegawai yang terlibat dengan kerja-kerja pengawasan ini. Walau bagaimanapun, usaha untuk memperteguhkan lagi sistem pengesanan dan pengawasan pengeluaran minyak akan terus dijalankan mengikut kemajuan teknologi dalam bidang ini.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya adalah diketahui bahagian minyak yang dimiliki oleh Kerajaan kita disimpan dalam satu sumber yang sama juga, jadi Kerajaan kita sudahkah atau belum mengasingkan sumber minyak yang dimiliki oleh Kerajaan kita itu.

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, pada waktu ini minyak yang diangkat (up-lift) disimpan di dalam sebuah tanker di laut. Dengan kerana itu kita memasukkan dalam tempat yang sama-sama ada minyak PETRONAS ataupun minyak untuk syarikat-syarikat kontrak. Tetapi kita tahu sebenarnya bahagian minyak yang dipunyai oleh kita sendiri.

Sekarang ini kita sedang menjalankan kerja untuk membawa minyak daripada flat form

yang berada 190 batu jauhnya dari daratan membawa minyak daripada situ ke daratan untuk disimpan di daratan di Trengganu.

KERAJAAN NEGERI—SISTEM EXCO KERJA SEPENUH MASA

2. **Tuan Haji Zabidi bin Haji Ali** minta Perdana Menteri menyatakan apakah semua negeri telah melaksanakan sistem exco kerja sepenuh masa dan apakah benar dikatakan bahawa sistem itu membazirkan wang bagi negeri yang tidak banyak urusan dan masalah.

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, semua Kerajaan Negeri di Semenanjung telahpun melaksanakan sistem pentadbiran yang menghendaki seseorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan ataupun Ahli Exco bertugas sepenuh masa bagi menjalankan tanggungjawab dan kewajipan mengenai satu-satu perkara atau portfolio yang telah diserahkan kepadanya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sistem ini telah diperkenalkan untuk membantu Yang Amat Berhormat Menteri Besar/Ketua Menteri menjalankan tugas, tanggungjawab dan kewajipannya serta dengan tujuan memperkemarkan lagi perjalanan pentadbiran negeri masing-masing.

Soalan sama ada sesebuah negeri itu mempunyai banyak urusan dan masalah atau sebaliknya tidaklah boleh dijadikan ukuran untuk Kerajaan yang berkenaan meningkatkan keupayaan sistem pentadbirannya. Suatu masalah tidak kira besar atau kecil yang dihadapi oleh rakyat perlu diselesaikan.

Dalam hubungan ini sistem pentadbiran yang diperkenalkan itu akan dapat membantu Kerajaan dan rakyat mengatasi masalah-masalah yang timbul dengan lebih cepat dan berkesan.

Dalam keadaan di mana pentadbiran menjadi bertambah kompleks dan rakyat menaruh harapan yang tinggi kepada Kerajaan maka tanggungjawab yang diserahkan kepada Ahli-ahli Exco dalam sistem ini adalah berat. Mereka perlu menumpukan sepenuh masa, tenaga dan pemikiran terhadap tugas dan tanggungjawab

dan kewajipan masing-masing. Oleh hal yang demikian, soal pembaziran wang tidaklah berbangkit.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat tahu dari Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri adakah Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak bersetuju dan jikalau State Cabinet Minister paksa menjalankan tugas ini full-time, apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri sudah menjawab iaitu semua negeri sudah menjalankan sistem ini. Kalau ada Yang Amat Berhormat hendak tambah lagi? Tak ada.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri sedar bahawa sungguhpun semua negeri sudah menjalankan sistem Exco yang sepenuh masa, masih ada Ahli-ahli Exco yang meneruskan perniagaan atau penglibatan dalam sektor swasta macam consultant bank-bank yang ada terus dijalankan. Adakah ini melanggar dengan sistem Exco sepenuh masa?

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya semua ahli-ahli Exco telahpun menamatkan perkhidmatan mereka dengan pihak swasta, melainkan ada yang mengambil masa untuk menamatkan perkara ini kerana bergantung kepada mesyuarat-mesyuarat Lembaga-lembaga syarikat masing-masing.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Dato' Sri untuk meringankan beban Menteri Besar dan juga Chief Minister serta dengan elaun yang berpadanan kepada ahli-ahli Exco ini, apakah pihak Kerajaan bercadang menggantikan jawatan Exco itu kepada jawatan Minister of State, saya suka kata, yang mempunyai kuasa-kuasa tertentu dan dalam bidang tertentu yang boleh mengataskan tugas-tugas negeri yang lebih berkesan lagi?

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, yang penting bukanlah namanya tetapi tugas yang dijalankan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri mengapakah ada perbezaan nama dan bilangan portfolio-potfolio yang ditubuhkan di peringkat negeri itu. Adakah ada usaha untuk menyelaraskan dengan negeri-negeri yang ada?

Pemangku Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, keadaannya serupa juga dengan Kerajaan-kerajaan Negeri yang terdapat di seluruh dunia ini. Umpamanya bilangan Menteri di negara seperti Negeri China yang mempunyai 1,000 juta manusia, tidaklah menjadi 100 kali ganda bilangan Menteri di Malaysia. Jadi ini bukan bergantung kepada besar atau luasnya negeri itu tetapi kepada kepentingan dan budi bicara Kerajaan itu sendiri. Tentang nama ini juga kita dapati umpamanya kalau di sini kita memanggil Menteri yang bertanggungjawab terhadap masalah luar negeri sebagai Menteri Luar Negeri, di Amerika Syarikat nama mereka ialah Secretary of State. Ini tidak bermakna bahawa Secretary of State itu adalah rendah daripada Menteri Luar Negeri Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Chan Teck Chan. Tidak hadir.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Chan Teck Chan tidak hadir).

KAWALAN BANK-BANK PERNIAGAAN

4. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kesannya kepada ekonomi negara, ekoran dari langkah Kerajaan mengenakan Sistem Kawalan Kewangan ke atas Bank-bank Perniagaan di Malaysia baru-baru ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan tidak pernah mengenakan Sistem Kawalan Kewangan ke atas Bank-bank perdagangan seperti yang didakwakan tersebut.

RANCANGAN ASEAN—AMERIKA MENGENAI KAMPUCHEA

5. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada

Malaysia dan lain-lain anggota ASEAN menyokong kenyataan yang dilaporkan dibuat oleh Timbalan Perdana Menteri Singapura dalam satu sidang akhbar sekembalinya dari Amerika Syarikat baru-baru ini yang memberitahu para pemberita mengenai rancangan ASEAN Amerika untuk menghalau Vietnam dari Kampuchea. Jika ya, tidakkah rancangan ini berlawanan dengan hasrat dan semangat ASEAN yang menyokong konsep pengecualian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, Rancangan ASEAN—Amerika untuk menghalau Vietnam dari Kampuchea sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah merupakan pendapat akhbar semata-mata. Perkara seumpama itu tidak pernah dicadangkan secara rasmi dan tidak pernah diterima menjadi pendirian bersama negara-negara ASEAN. Justeru itu, sebarang ulasan mengenai apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat boleh dibuat.

Walau bagaimanapun, saya ingin menegaskan sekali lagi di Dewan yang mulia ini, apa yang sebenar dipersetujui oleh ASEAN ialah suatu penyelesaian politik, haruslah diusahakan bagi menyelesaikan pertikaian di Kampuchea. Penyelesaian itu mestilah berdasarkan kepada Resolusi 35/6 Bangsa-bangsa Bersatu yang antara lain menyeru supaya diundurkannya tentera-tentera asing dari Kampuchea, memberikan hak kebebasan kepada rakyat Kampuchea menentukan corak kerajaan yang mereka sukai tanpa campurtangan dan pengaruh dari luar dan mengadakan pilihanraya bebas di Kampuchea di bawah kelolaan Bangsa-bangsa Bersatu.

ASEAN juga bersetuju untuk terus mengiktiraf Kerajaan Demokratik Kampuchea. Walau bagaimanapun, jika rakyat Kampuchea memilih suatu pucuk pimpinan gantian dalam Kerajaan Demokratik Kampuchea menerusi suatu pilihanraya bebas di bawah kelolaan Bangsa-bangsa Bersatu, kita akan menghormati pilihan rakyat Kampuchea itu. ASEAN tidak sekali-kali bercadang mencampuri urusan dalam negeri Kampuchea tetapi apa yang dikehendaki oleh ASEAN ialah supaya rakyat Kampuchea

diberi peluang menentukan masa depan mereka sendiri tanpa sebarang campurtangan dan pengaruh dari kuasa-kuasa luar.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, setelah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menolak apa yang disebut dalam soalan asal tadi di antara mengenai hubungan Amerika dan ASEAN dalam konteks soalan asal, soal saya apakah harapan (expectation) daripada ASEAN kepada Amerika dalam masalah hendak menyelesaikan soal Kampuchea.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kita mengetahui Amerika adalah kuasa besar. Apa yang kita harap kepada kuasa besar seumpama Amerika itu ialah supaya ianya sentiasa mendesak dan mencari jalan semoga penyelesaian politik dapat dicapai dengan serta-merta.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kadang kalanya terdapat kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh pemimpin-pemimpin Republik Singapura agak keterlaluan sedikit sehingga ianya menjejaskan credibility ASEAN untuk mencari satu penyelesaian yang adil di Kampuchea. Jika pihak Kementerian sedar, adakah perkara ini akan dibangkitkan dalam satu mesyuarat ASEAN supaya keikhlasan kita untuk mencari satu penyelesaian yang adil di Kampuchea itu tidak akan dipersoalkan?

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, masalah pendapat di dalam satu pertubuhan memanglah kadang kala bercanggah sedikit sebanyak di sana-sini tetapi jikalau pendapat-pendapat berbeza ini dapat satu masa dicantumkan sebagai pendapat umum ataupun kita mencapai satu consensus, maka saya rasa tidak menjadi satu masalah. Jadi pendapat Singapura barangkali mungkin berlainan sedikit sebanyak, ada naunces di sana-sini tetapi pada asasnya adalah tidak begitu berbeza. Jadi saya rasa kalaulah ASEAN ini berpegang teguh dengan prinsip asalnya maka saya rasa tidaklah kita akan terjejas dalam segi hubungan kita dengan Vietnam dan juga kuasa-kuasa lain.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, berbangkit daripada soalan asal, apakah pendirian Kerajaan Malaysia terhadap usaha-usaha Putera Norodom Sihanouk untuk menyatukan rakyat di Kampuchea untuk mengadakan satu Kerajaan yang bebas, dan adakah pegawai-pegawai Kerajaan Malaysia pernah mengadakan hubungan dengan Putera Norodom Sihanouk dalam masalah ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu luar daripada soalan asal.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menjawab bahawasanya kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Singapura hanya berbeza dari segi naunces sahaja, tetapi adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kenyataan-kenyataan Singapura ini memang memberi satu gambaran yang tujuannya adalah untuk menjadikan Kampuchea dari pro-Soviet menjadi pro-China? Selagi gambaran ini diberi maka selagi itulah usaha kita untuk membawa Vietnam ke meja perundingan akan gagal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tambahan ini membangkitkan satu hal spesifik (khas). Peraturan Mesyuarat tidak mengizinkan soalan tambahan yang seumpama itu.

UMUR MENGUNDI

6. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meminda Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan untuk memperuntukkan supaya umur mengundi dikurangkan kepada 18 tahun selaras dengan kedudukan lain-lain negara membangun.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang meminda Perkara 119 (1) Perlembagaan Persekutuan bagi mengurangkan umur mengundi kepada 18 tahun. Adalah tidak benar kesemua negara membangun telah memperuntukkan supaya umur mengundi dikurangkan kepada 18 tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengundi adalah kebiasaannya dihadkan

kepada orang-orang yang cukup dewasa tidak sebegitu mendalam dan faham isu-isu negara dan politik dan dengan itu mudah dipengaruhi oleh kumpulan-kumpulan yang tidak bertanggungjawab yang bertujuan memusnahkan stabiliti politik serta ekonomi negara kita ini.

Juga didapati adakalanya lingkungan umur yang masih muda tidak dapat membuat pilihan yang rasional dan bebas dan oleh itu tidaklah wajar bagi umur mengundi ini dikurangkan kepada 18 tahun.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, adakah Timbalan Menteri berkenaan sedar bahawa Age of Majority Act menghadkan umur dewasa 18 tahun, bukan 21. Oleh kerana itu apakah sebabnya Age of Majority tidak boleh 20 atau di bawah 21 seperti terkandung di dalam Perkara 119 Perlembagaan, untuk mengundi?

Tuan Yang di-Pertua: Di dalam mana-mana Akta atau Undang-undang Perlembagaanlah yang menjadi supreme law.

Tuan Karpal Singh: Itu betul, Tuan Speaker, Perlembagaan jadi supreme law tetapi apa yang saya cakap bahawa Age of Majority Act menetapkan 18 sebagai umur dewasa, itu menjadi satu undang-undang Parlimen juga. Oleh kerana itu Age of Majority Act untuk mengundi tentu akan menjadi 18 juga. Jikalau di bawah Age of Majority Act boleh jadi 18 sudah tentu . . .

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahannya apa?

Tuan Karpal Singh: Adakah Menteri yang berkenaan sedar Age of Majority Act itu menetap age of majority menjadi 18 juga.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar umur 18 tahun di bawah Age of Majority itu ialah umur dewasa. Tetapi bagi maksud mengizinkan seseorang yang berhak mengundi di bawah Perlembagaan ialah 21 tahun.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan sama ada beliau sedar bahawa memandangkan negara ini adalah sebuah negara yang muda, sejarah pelajarannya muda dan segala-galanya baru,

maka perlu dikekalkan Article 119 (1) sehingga satu masa kelak apabila difikirkan patut dipinda.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dikekalkan buat masa ini.

BUMIPUTRA SEBAGAI PENGURUS BANK

7. Tuan Haji Hashim bin Haji Ghazali minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar yang bumiputra tersangat kurang menjawat Pengurus Bank di Bank-bank seluruh negara; jika sedar:

- (a) berapa banyak cawangan Bank di seluruh negara dan sebutkan nama bank-bank tersebut;
- (b) daripada sebanyak itu, berapa ramai bumiputra yang menjadi pengurusnya.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ini terdapat sebanyak 550 buah cawangan-cawangan bank di seluruh Malaysia. Oleh sebab terlalu banyak perangkaannya, saya tidak bermaksud untuk memberi perangkaan tersebut secara lisan. Jika Ahli Yang Berhormat memerlukan perangkaan tersebut, Kementerian saya bersedia memberinya kepada Ahli Yang Berhormat.

Bagi menjawab bahagian (b) sukalah saya memohon maaf kepada Ahli Yang Berhormat tersebut oleh kerana angka-angka dari segi bilangan Pengurus-pengurus Cawangan yang terdiri daripada bumiputra tidak disimpan oleh pihak Bank Negara Malaysia. Walau bagaimanapun, Bank Negara Malaysia telah diarahkan untuk mengumpulkan data-data yang berkenaan untuk memudahkan memberi pecahan tentang bilangan serta keturunan seseorang Pengurus Bank itu. Walau bagaimanapun, untuk memberi gambaran kepada Ahli Yang Berhormat pada akhir bulan Mac 1980 industri bank mempunyai bilangan kakitangan seramai 21,836 orang yang mana 8,815 orang atau 40.37% daripadanya adalah terdiri daripada Bumiputra. Daripada 420 orang kakitangan di peringkat Pengurusan Kanan 84 orang ataupun 20% adalah Bumiputra. Daripada 5,486 orang di peringkat Penyelia iaitu di

peringkat di mana Pengurus-pengurus Cawangan Bank-bank terdiri 34% daripadanya terdiri daripada bumiputra.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, selain tiga bank di mana Kerajaan mempunyai ekuiti yang besar iaitu Bank Bumiputra, Malayan Banking dan juga UMBC, saya ingin bertanya kedudukan Pengurusan Bumiputra di bank-bank yang lain di dalam negara kita ini.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara itu memerlukan angka-angka yang agak panjang senarainya, saya terpaksa memohon notis untuk menjawab soalan ini.

ZOO NEGARA—PERBELANJAAN MENDURUS

8. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa terdapat baru-baru ini di Zoo Negara mengalami kekurangan peruntukan kewangan untuk menampung perbelanjaan sehari-hari. Satu dari punca besarnya ialah pencemaran alam di sekeliling kawasan. Adakah Kementerian beliau bercadang atau mengatur rancangan jangka panjang supaya dapat mengatasi masalah yang dihadapi oleh Zoo Negara sekarang ini. Jika ya, bila. Jika tidak, mengapa.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, di dalam menjawab soalan ini saya terlebih dahulu ingin memohon izin menjawab juga soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas untuk dijawab pada 27hb Mac, 1981 yang ada kaitan dengan soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bila sampai besok katakan sahajalah sudah dijawab hari ini. Kalau soalan itu ada pada hari ini, itu boleh dikumpulkan sekali.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa baru-baru ini Zoo Negara telah mengalami kekurangan kewangan bagi menampung perbelanjaan mengurus. Sungguhpun demikian, punca utamanya bukanlah kerana masalah pencemaran.

Di sebaliknya, ini adalah kerana perbelanjaan mengurus Zoo Negara secara keseluruhannya telah melebihi pendapatan yang diperolehi oleh pihak pengurusan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Zoo Negara dikendalikan oleh Persatuan Kaji haiwan Malaysia dengan peruntukan sendiri yang diperolehi daripada pungutan bayaran pintu, skim Tajaan-tajaan, derma dan lain-lain bayaran yang berkenaan. Sebahagian besar daripada pendapatan ini adalah bergantung kepada pungutan bayaran masuk yang telah terjejas baru-baru ini oleh kerana kemerosotan bilangan pelawat-pelawat ke Zoo Negara.

Sesungguhnya memanglah sukar bagi saya menentukan sebab-sebab utama kemerosotan bilangan-bilangan pelawat-pelawat ke Zoo Negara akhir-akhir ini kerana ini adalah terletak kepada beberapa faktor seperti minat dan kecenderungan orang ramai. Walau bagaimanapun, kemerosotan ini mungkin disebabkan oleh kenaikan bayaran masuk yang dikenakan oleh pihak Pengurusan Zoo Negara, iaitu Persatuan Kaji haiwan Malaysia. Semenjak Januari 1980, bayaran bagi orang-orang dewasa telah dinaikkan kepada \$2.50 daripada \$2.00 dan \$1.00 bagi seorang kanak-kanak daripada 80 sen. Kenaikan ini adalah untuk menampung perbelanjaan pengurusan yang telah melebihi pendapatan.

Kementerian saya sedang mengkaji masalah pentadbiran Zoo Negara secara keseluruhannya. Dalam usaha untuk mengatasi masalah kekurangan peruntukan kewangan itu, Kerajaan akan menimbang untuk menambah sumbangannya untuk pembangunan Zoo bagi mengadakan lebih banyak lagi projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat. Sementara ini usaha-usaha juga akan terus dilaksanakan untuk mengawal masalah pencemaran untuk mengelakkan kesan-kesan yang tidak diinginkan yang boleh menambahkan perbelanjaan mengurus Zoo Negara.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah pencemaran di Zoo Negara, saya suka bertanya Yang Berhormat Menteri sama ada beliau sedar bahawa masalah pencemaran telah timbul oleh kerana seorang pemaju perumahan telah diberi kebenaran oleh Kerajaan Negeri untuk

membina rumah-rumah di tepi Zoo Negara dan jika Yang Berhormat Menteri sedar berkenaan dengan hal ini, apakah tindakan pihak Kementerian akan ambil pada masa akan datang kelak supaya dapat mengelakkan perkara ini ataupun masalah ini daripada timbul.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar tentang perkara ini dan satu kajian telah dibuat oleh satu Pasukan Petugas yang laporannya telah disampaikan kepada saya dan saya sedang meneliti perkara ini dengan pihak Zoo Negara.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi nampaknya Zoo Negara ini bergantung kepada derma daripada orang ramai dan kutipan masuk di pintu sahaja. Malang sekali, akhir-akhir ini kutipan pintu itu telah merosot. Adakah Kerajaan tahu sebab musababnya mengapa orang ramai tidak berminat hendak pergi ke Zoo Negara pada masa sekarang?

Tan Sri Ong Kee Hui: Seperti saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, ini bergantung kepada kecenderungan orang ramai, jadi susahlah kita hendak pastikan kenapa orang ramai tidak berminat. Bilangan orang ramai ke Zoo Negara telah merosot, ini satu kajian telah dibuat oleh pihak Zoo Negara juga dan langkah-langkah akan diambil untuk menggalakkan lagi orang ramai pergi ke Zoo Negara.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Zoo Negara ini merupakan satu-satunya kebanggaan negara dan akhir-akhir ini perbelanjaan Zoo Negara ini adalah bergantung rapat sebanyak mana ataupun jumlah wang yang dapat dipungut daripada bayaran pintu Zoo tersebut dan juga sehingga ini Zoo Negara dikendalikan oleh Persatuan Kajian Haiwan Malaysia sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi. Soalan saya, apakah demi untuk menjaga taraf Zoo Negara pihak Kementerian boleh menimbangkan supaya masalah pengendalian daripada soal pengurusan sampailah kepada soal pembangunan Zoo Negara ini dikendalikan sepenuhnya oleh pihak Kerajaan.

Soalan yang kedua, supaya menarik lebih ramai lagi pelancung-pelancung melawat Zoo Negara ini, belanja ataupun bayaran masuk bukannya dinaikkan tetapi hendaklah dikurangkan daripada \$2.50 sekarang kepada \$1.00 bagi orang dewasa dan daripada \$1.00 turun kepada 50 sen bagi kanak-kanak.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi dalam jawapan asal saya, perkara ini sedang dikaji oleh Kementerian saya dan Kementerian Kewangan dari keseluruhannya dan satu keputusan akan dibuat tidak lama lagi.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Yang Berhormat Menteri sedar bahawa salah satu daripada sebab-sebab yang tidak menggalakkan pelawat untuk melawat Zoo Negara itu ialah masa membuka pintu masuk itu terlalu lewat iaitu bermula pada pukul 10.00 pagi sahaja.

Keduanya, pelawat-pelawat tidak dibenarkan membawa camera untuk masuk ke Zoo Negara itu. Dan kalau sedar, adakah Yang Berhormat bercadang supaya perkara ini dapat dikaji.

Yang ketiga, ialah sama ada bayaran bagi kumpulan pelawat itu dikenakan (group payment).

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habiskah belum?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat akan diambil perhatian.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan iaitu saya difahamkan penghuni Zoo Negara itu banyak terdiri daripada binatang-binatang yang sudah tua-tua (*Ketawa*). Jadi, dengan sebab itu orang sudah . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah pergi ke Zoo Negara?

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning: Sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Mengapa cari yang tua-tua sahaja?

Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning: Jadi, adakah Kementerian bercadang hendak menggantikan binatang-binatang yang muda supaya menarik minat.

Tan Sri Ong Kee Hui: Ini telah diambil perhatian oleh pihak Zoo. Dari masa ke semasa memang ada peruntukan diberi kepada Zoo Negara untuk mengambil binatang yang baharu juga.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan. Mengikut kata Kementerian yang berkenaan pelawat-pelawat kurang ke Zoo Negara disebabkan beberapa perkara. Ada satu berita yang saya dapat tahu, biasanya berlaku disebabkan penjagaan tempat binatang-binatang buas seperti pagarnya tidak rapi telah berlaku kepada seorang kanak-kanak terlepas di dalam hutan dan telah disambar oleh binatang buas yang berkenaan dan telah menjadi satu perkara yang amat ngeri dan akhirnya budak itu terbunuh. Adakah berita yang saya dengar ini benar ataupun ini satu berita angin.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, saya belum dengar perkara ini. Jadi saya akan buat siasatan atas apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

BANGUNAN SEKOLAH—MEROBOHKAN SEKOLAH LAMA

9. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah sebabnya projek-projek bangunan baru sekolah yang didirikan, maka bangunan lama mesti dirobohkan walaupun bangunan lama itu tidak kena mengena dengan bangunan baru, tidak merbahaya dan masih boleh digunakan lagi. Adakah beliau sedar dengan merobohkan bangunan lama itu menjadikan bangunan baru itu masih tidak mencukupi bilik darjah dan murid-murid masih belajar dua sesi seperti lama juga.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, dasar yang diamalkan oleh Kementerian Pelajaran mengenai bangunan lama pada masa ini ialah sesuatu bangunan lama itu tidak akan dirobohkan apabila bangunan baru untuk menggantikan bangunan yang lama itu hendak dibina

melainkan jika ini tidak dapat dielakkan oleh kerana kekurangan ruang untuk membina bangunan baru tersebut. Tambahan lagi bangunan lama tersebut akan juga dirobohkan sekiranya Kementerian Pelajaran berpuas hati bahawa bangunan lama tersebut adalah merbahaya dari segi keselamatan dan tidak boleh digunakan lagi. Kementerian Pelajaran tidak akan merobohkan sesuatu bangunan lama melainkan atas nasihat daripada pihak Jabatan Kerja Raya menyatakan bangunan tersebut perlu dirobohkan atas sebab kesesakan atau keselamatan. Kementerian Pelajaran sedar bahawa dengan merobohkan bangunan lama dengan tidak bersebab akan mengurangkan bilangan bilik darjah yang mana akan membawakan kepada keadaan di mana timbul kekurangan bilik darjah dan masalah dua sesi.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kadangkala terdapat bangunan-bangunan lama ini tinggal kosong sahaja iaitu tidak digunakan oleh sekolah yang berkenaan oleh sebab mempunyai bangunan yang baru. Dalam keadaan itu, bolehkah pihak Kementerian memberi kebenaran untuk bilik-bilik kosong ini digunakan, misalnya untuk mengadakan kelas bimbingan kanak-kanak yang dikendalikan oleh pihak KEMAS ataupun kelas-kelas Quran/Tajwid yang dikendalikan oleh Jabatan Ugama Islam Negeri kerana terdapat di kawasan saya sendiri kebenaran seperti ini telahpun diminta tetapi tidak dibenarkan.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh dipertimbangkan mengikut keadaan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya dalam projek bangunan baru ini selalunya terdapat dua jenis bangunan. Satu projek bangunan gantian dan satu lagi projek bangunan tambahan. Sebenarnya sekolah-sekolah selalu minta mengadakan projek gantian dan minta J.K.R. kondem sekolah itu kerana terlampau lama untuk mendapat bangunan baru bagi mengganti bangunan lama. Adakah pada masa akan datang supaya pihak Kementerian

ini hanya akan meluluskan projek tambahan sahaja bukan kepada projek gantian sebagaimana yang berlaku. Sekiranya ada bangunan lama itu yang masih boleh digunakan, misalnya, ada tiga buah sekolah yang berlaku di Pasir Puteh; pihak Kementerian akan meluluskan supaya tidak dirobuhkan bangunan itu.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat Kementerian Pelajaran untuk menggantikan bangunan lama dengan bangunan-bangunan yang baru dan berhubung dengan tiga buah sekolah di kawasan Pasir Puteh bolehlah saya siasat.

KILANG SIMEN DI PADANG RENGAS

10. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan perkembangan setakat ini untuk mendirikan sebuah kilang simen di Padang Rengas dan langkah-langkah yang diambil untuk menentukan alam sekitar kawasan itu tidak dicemar dan juga manfaatnya kepada penduduk-penduduk tempatan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, penubuhan sebuah kilang simen telah diluluskan dalam bulan September, 1979 untuk ditempatkan di Padang Rengas, Perak. Projek ini adalah satu projek usahasama di antara pelabur dari Korea Selatan dan Perbadanan Kemajuan Negeri Perak. Mengikut laporan yang terakhir yang diterima oleh Kementerian saya, setakat ini projek itu masih dalam proses perancangan. Satu perjanjian telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak yang berkenaan dalam bulan Mei 1980.

Berkenaan dengan masalah pencemaran alam sekitar yang mungkin timbul daripada penubuhan projek ini, saya ingin memaklumkan bahawa kilang tersebut bercadang untuk memasang alat-alat pencegah pencemaran alam sekitar yang sesuai. Kilang ini telah juga disyaratkan dalam Lesen Pengilangannya untuk mengambil tindakan yang sesuai bagi menentukan alam sekitar kawasan itu tidak dicemar, mengikut kehendak-kehendak Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Kementerian Sains,

Teknologi dan Alam Sekitar akan mengambil tindakan untuk memastikan kehendak-kehendak Akta ini dipatuhi.

Projek ini akan memberi manfaat yang banyak kepada penduduk-penduduk tempatan. Selain daripada mewujudkan peluang pekerjaan secara langsung kepada lebih kurang 400 penduduk-penduduk tempatan, projek ini akan mewujudkan beberapa perusahaan-perusahaan sampingan dan perkhidmatan yang lain di tempat itu yang akan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan secara tidak langsung dengan banyaknya. Tambahan pula, kilang ini akan menambahkan bekalan simen bagi projek-projek pembangunan di negara ini.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan berapakah capacity pengeluaran kilang simen dan tertubuhnya kilang simen ini bolehkah masalah kekurangan simen di Malaysia ini diatasi?

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ini ialah salah satu projek simen baru yang diluluskan oleh Kementerian saya dan ada keyakinan bahawa projek simen itu ditubuh dan pengeluaran simen dimulakan, kekurangan simen ini akan diatasi.

Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagaimana yang beliau sedar bahawa hari ini telahpun wujud di negeri Perak dua buah kilang simen, satu di Tasek dan satu lagi di Kuantan. Sungguhpun syarat-syarat telah dikenakan kepada kedua-dua buah kilang simen ini tetapi kawasan di sekitar kilang simen ini masih tercemar. Saya ingin mendapat kepastian daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, memandangkan bahawa kilang simen di Padang Rengas ini belum lagi didirikan, sama ada beliau boleh memberi jaminan bahawa apabila didirikan kilang-kilang simen ini, kawasan perkampungan Melayu di sekitar kilang simen ini dan juga tanah-tanah persawahan penduduk-penduduk Melayu di sekitar kilang simen ini tidak akan terganggu.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi, masalah pencemaran alam sekitar atau menjahanamkan

sawah-sawah di sekitar tempat itu telah disyaratkan dalam lesen yang dikeluarkan yang mana kilang itu mesti memasang alat-alat pencegah pencemaran dan saya rasa Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar mesti meneliti penubuhan projek ini dengan mengikut apa-apa syarat yang akan ditentukan.

UNIT PENYENGGARA JALAN

11. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah beliau sedar bahawa jalan-jalan yang rosak, pecah dan berlubang, tiada side-table dan juga garis pembahagi yang mana banyak membawa maut dan kemalangan kepada pengguna-pengguna jalanraya khususnya pengguna-pengguna motor; jika sedar adakah Kementerian ini hendak menubuhkan "Sebuah Jabatan Khas" bagi menjaga "PENYENGGARA" semata-mata.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, suka saya maklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kemalangan jalanraya bukanlah semata-mata berpunca daripada keadaan jalan yang tidak memuaskan tetapi saya sedar bahawa keadaan jalan yang tidak baik boleh membawa kemalangan jalanraya. Sebenarnya Kementerian saya telahpun ada satu unit penyenggaraan jalan, khususnya bertanggungjawab kepada kerja-kerja penyenggara jalan. Kerja penyenggara jalan di peringkat negeri juga adalah dilaksanakan oleh Unit-unit Khas.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar kebanyakan jalan yang telah dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerjaraya baikpun Negeri ataupun Pusat, ada di antara jalan-jalannya yang disiapkan di depan dan disiapkan di belakang tetapi tinggal di tengah-tengah. Maknanya di tengah-tengah tidak dilaksanakan ataupun tidak dibuatkan jalan walaupun jalan.....

Tuan Yang di-Pertua: Tengah ini tilik dari mana (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Misalnya, satu jalan masuk daripada Kampung Paya ke Kampung Sena, lebih kurang 3 batu; di tengahnya iaitu di antara Kampung Paya itu lebih kurang suku batu lagi dibiarkan dengan tidak dibubuh tar dan sebagainya. Ini telah berlaku di negeri Perlis, banyak jalan yang berkenaan. Pintu elok, hujung elok, tengah-tengah tidak elok. Kalau Kementerian berkenaan sedar, adakah Kementerian bercadang supaya perkara ini tidak akan berlaku dan kalau berlaku juga untuk memberi tindakan ataupun arahan kepada tiap-tiap Jabatan Kerajaan Negeri yang berkenaan.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, atas masalah ini saya kasihan dengan Ahli Yang Berhormat, tetapi kuasa ini bukan di dalam tangan saya sebab jalan-jalan di kampung-kampung di dalam bidang kuasa Pegawai Daerah dan juga dalam PLB, tetapi jikalau Yang Berhormat ada masalah-masalah mengenai jalanraya atau jalan-jalan di negeri-negeri boleh ditimbulkan dan saya akan mengambil tindakan.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan, apakah tujuannya rumput-rumput di kiri kanan jalan itu dihapuskan tetapi digantikan dengan tanah dan pasir yang menjadikan kemalangan kerana apabila hari hujan tanah dan pasir ini hanyut maka tinggallah jalan itu tinggi dan rendah. Inilah yang didapati banyak kemalangan berlaku.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berapa faham soalan Ahli Yang Berhormat itu sama ada soalan tambahan atau makluman sahaja. Soalan yang baru sebentar tadi apa soalan tambahannya. Saya minta ulangan.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya mengapa jadi begitu (*Ketawa*). Tinggi rendah. Satu tayar di lereng yang rendah, satu tinggi. Jadi kelajuan tidak sama, berlanggarlah.

Dato S. Samy Vellu: Apabila kita menjalankan projek atau memperbaiki jalanraya mestilah dapat kita ambil tindakan untuk mengadakan jalan untuk lalulintas yang menggunakan jalan itu. Oleh sebab itu

separuh jalan itu masih dibuka apabila separuh jalan lain itu sedang dibaiki. Sistem ini kita dapat tahu adalah satu sistem yang baik. Jika kita tutup jalan itu langsung atau ada lampu isyarat, jadi itu akan mendatangkan lebih masalah daripada apa yang ditimbulkan oleh pemandu-pemandu.

Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan saya ialah apakah sebab rumput-rumput itu dihapuskan dan diganti dengan tanah dan pasir kerana dengan akibat air hujan apabila jatuh akan menghapuskan pasir nampaklah tinggi rendah antara gigi jalan dengan bahu jalan tadi.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu jadi lebih teknikal dan oleh sebab itu saya minta Ahli Yang Berhormat memberi tahu kes yang spesifik yang saya boleh ambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat belum jumpa jalan seumpama itu, nanti saya akan bawakan (*Ketawa*).

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, sebenarnya kemalangan motor dan juga kereta adalah banyak berlaku disebabkan keadaan jalanraya yang tidak elok. Apakah pihak Kementerian ini mempunyai tabung insurans atau satu peruntukan bayaran pampasan ataupun gantirugi, kalau sekiranya sesebuah kenderaan itu rosak atau mendapat kemalangan disebabkan oleh kerosakan jalanraya?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini di luar daripada soalan asal.

Tuan Lee Kaw: Soalan tambahan. Saya ingin meminta penjelasan Menteri berkenaan adakah beliau sedar jalan-jalan ada lubang-lubang itu bukan sahaja menyebabkan kemalangan tetapi ada jalanraya dengan bitumen mixture sangat lebih seperti di Air Bamban di Jalan Ayer Hitam/Johor Bahru. Oleh sebab bitumen mixture itu sangat banyak dan jika keadaan cuaca matahari panas terik, jalan itu sangat licin dan di tempat itu tidak kurang 20 orang sudah mati. Apakah tindakan sudah diambil?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang ditimbulkan tadi saya minta contoh daripada Ahli Yang Berhormat selepas itu saya akan siasat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, boleh dikatakan setengah daripada kemalangan jalanraya itu berlaku disebabkan oleh keadaan jalanraya, tetapi kebanyakan daripada kemalangan berlaku oleh kerana sebab-sebab yang lain seumpama jalanraya yang mutunya baik seperti Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur banyak kemalangan masih berlaku setiap masa. Ini disebabkan oleh kelaiaan pemandu-pemandunya sendiri. Suka juga saya jelaskan sedikit kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Lebuhraya Seremban-Kuala Lumpur lebih kurang 2 minggu lalu seorang pekerja dari Jabatan Kerjaraya telah meninggal dunia selepas kemalangan.

Tuan Hussein bin Mahmood: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan kerana wujudnya satu Unit Penyenggaraan Jalan (UPJ). Saya ingin tahu macam manakah Unit ini menjalankan penyenggaraan jalanraya, misalnya berapa kali dalam seminggu atau dalam sebulan unit ini melawat jalanraya/lebuhraya. Yang kedua, dapatkah Yang Berhormat Menteri dapat memberi jaminan bahawa setiap kerosakan jalanraya itu sebelum ianya diperbaiki tanda-tanda atau lambang-lambang tertentu akan diletakkan di jalanraya itu?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, penyenggaraan jalanraya Persekutuan adalah di bawah tanggungjawab pihak Ibu Pejabat J.K.R. dan penyenggaraan jalanraya negeri pula adalah tanggungjawab pihak J.K.R. Negeri. Untuk maksud itu di Ibu Pejabat J.K.R. ada satu unit penyenggaraan jalanraya, unit ini mengawasi semua penyenggaraan ke atas jalanraya Persekutuan. Walau bagaimanapun kerja-kerja penyenggaraan ini dijalankan oleh pihak negeri dan Kementerian saya telah menerima peruntukan sebanyak \$12,000 sebatu untuk penyenggaraan saja di tiap-tiap tahun. Dengan peruntukan itu kita telah menjalankan kerja-kerja penyenggaraan. Apabila kehabisan peruntukan kita memohon kepada Kementerian Kewangan untuk mendapatkan lebih peruntukan untuk menjalankan kerja-kerja tersebut.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Menteri Kerjaraya iaitu oleh sebab tujuan Kementerian ini hendak menyoegerakan pembinaan jalanraya maka satu sistem tender mengikut "package deal" dilancarkan semenjak mungkin dua tahun lalu, tetapi adakah beliau sedar melalui sistem ini mutu pembinaan jalanraya itu bukan lebih baik tetapi semakin tidak baik. Ada jalanraya seumpama di dalam kampung saya belum setahun sudah rosak. Jadi saya ingin tahu apakah usaha yang dibuat oleh Kementerian bagi menentukan apakah hendak disegerakan pembinaan jalan itu tetapi mutu jalanraya yang dibuat oleh pihak kontraktor di bawah "package deal" itu juga mestilah lebih baik.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerja-kerja yang dijalankan dengan 'package-deal' apabila kita dapat tahu kesesakan daripada jalanraya itu, kita memanggil kontraktor untuk memperbaikinya mengikut "package deal" dan telahpun berjalan sekarang dengan baik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 12.

BANJIR DI SABAH—SEBAB-SEBAB

12. Tuan Lee Kaw (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sebab-sebab banjir di Sabah yang menyebabkan 16 orang terbunuh; sama ada sebahagian sebab berlaku banjir tersebut adalah kerana kerja-kerja pembalakan yang pesat dan melulu serta pembukaan kawasan pertanian yang dijalankan tanpa mengambil kira ekologi kawasan tersebut, jika benar apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian beliau untuk membetulkan keadaan tersebut.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bencana banjir adalah disebabkan oleh beberapa faktor alam yang di luar kawalan Kementerian saya. Punca utama kejadian banjir di Sabah baru-baru ini ialah kerana hujan lebat yang berlanjutan sehingga 29 hari berturut-turut. Sungguhpun demikian, saya tidak menafikan bahawa kegiatan-

kegiatan pembalakan dan pembukaan kawasan pertanian yang dijalankan tanpa mengambil pertimbangan ke atas ekologi juga boleh menimbulkan keadaan bagi berlakunya banjir.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perkara tersebut yang berkaitan dengan penggunaan tanah adalah di dalam bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ting Chek Ming.

Tuan Fung Ket Wing: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No. 13.

PENTADBIRAN MAJLIS-MAJLIS DAERAH

13. Tuan Fung Ket Wing (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapa banyaknya Tabung Federal telah diperuntukkan kepada Majlis-majlis Daerah dan sama ada beliau sedar bahawa Majlis-majlis Daerah tidak berfungsi dengan memuaskan kerana kekurangan bantuan wang untuk membeli alat-alat dan jentera-jentera yang mencukupi dan mengadakan pekerja-pekerja untuk mentadbirkan Majlis-majlis Daerah dengan betul:

- (i) membersihkan longkang dan parit-parit;
- (ii) membuang sampah sarap;
- (iii) memotong rumput;
- (iv) membuang najis (sistem tong); dan sebutkan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian beliau untuk memastikan pentadbiran Majlis Daerah itu akan berjalan dengan lincin.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Haji Zakaria bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya memang sedar bahawa ada Majlis-majlis Daerah yang kekurangan kewangan untuk membeli alat-alat dan jentera-jentera dan mengadakan pekerja-pekerja yang mencukupi untuk mentadbirkan Majlis-majlis Daerah masing-masing dengan sempurna. Untuk mengatasi masalah ini

Kementerian saya telah menambahkan bantuan kewangan kepada Majlis-majlis Daerah dengan tujuan untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan Majlis-majlis Daerah tersebut.' Bagi makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian saya mengeluarkan peruntukan sebanyak \$105,533,400.10 kepada Majlis-majlis Daerah dalam bentuk Geran Pelancaran untuk membolehkan Majlis-majlis Daerah membeli alat-alat kelengkapan, kenderaan dan loji-loji serta lain-lain alatan yang diperlukan.

Di samping Geran Pelancaran tersebut Kementerian saya juga akan memberikan peruntukan-peruntukan yang merupai pemberian tahunan untuk penyenggaraan pihak berkuasa tempatan dan untuk projek-projek pembangunan tertentu seperti pasar, gerai dan lain-lain projek infrastruktur.

Dengan bantuan-bantuan kewangan tersebut adalah menjadi hasrat Kementerian saya supaya semua Majlis-majlis Daerah akan berkeupayaan dari segi kewangan dan dengan yang demikian Majlis-majlis Daerah itu dapat dilengkapi dengan peralatan perkhidmatan dan dianggotai oleh pekerja-pekerja yang mencukupi supaya Majlis-majlis Daerah tersebut dapat memberi perkhidmatan yang sempurna kepada penduduk-penduduk tempatan.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu daripada Kementerian yang berkenaan, sudahkah Kementerian memberi Launching Grant ini kepada Majlis-majlis Daerah kerana di Johor banyak Majlis-majlis Daerah belum dapat grant ini seperti yang dijanjikan. Jikalau belum diberi wang ini, bila boleh diberi semuanya?

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, geran-geran pelancaran diperuntukan kepada satu-satu Majlis Daerah itu setelah Penguasa-penguasa Tempatan atau Majlis-majlis Daerah yang berkenaan itu telah disusun semula dan geran-geran pelancaran ini diberi mengikut anggaran perbelanjaan yang diminta oleh Majlis-majlis Daerah itu pada tiap-tiap tahun untuk projek-projek yang ditentukan oleh Majlis Daerah itu sendiri. Setakat ini kebanyakan Majlis-majlis Daerah di seluruh negara telahpun menerima

peruntukan-peruntukan masing-masing; tetapi peruntukan bagi geran pelancaran ini bukanlah diberi kepada Majlis Daerah itu sekali gus, ianya diberi tiap-tiap tahun mengikut projek-projek yang dikemukakan pada tahun-tahun yang berkenaan itu oleh Majlis-majlis Daerah itu sendiri. Saya ada mempunyai senarai di sini bagi tiap-tiap Majlis Daerah yang telahpun menerima geran pelancaran dan bantuan tahunan itu, tetapi saya rasa kalau saya membaca satu persatunya akan mengambil masa yang panjang.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat selalunya peruntukan yang diberi kepada Majlis-majlis Daerah ini disalurkan menerusi Kerajaan Negeri dan ia lambat sangat sampai, kadangkalanya sehingga bulan Mei dan pernah sekali bulan Jun, jadi akibatnya kebanyakan projek-projek tahunan itu tidak dapat dilaksanakan. Adakah pihak Kementerian bercadang supaya peruntukan tahunan ini dapat dihantar awal sedikit dalam tahun yang berkenaan?

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya dan Kementerian saya memang menyedari masalah ini dan peruntukan-peruntukan bantuan untuk Majlis-majlis Daerah ini dihantar melalui Kerajaan-kerajaan Negeri dan kadangkala berlaku kelambatan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu. Bahagian Kerajaan Tempatan di Kementerian saya sedang mencari jalan bagaimanakah dengan kerjasama pihak Perbendaharaan dapat disegerakan sumbangan wang bantuan ini kepada Majlis-majlis Daerah yang berkenaan supaya projek-projek yang dicadangkan dalam tahun-tahun yang berkenaan itu tidak menghadapi sebarang kegendalaan.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa selain daripada kekurangan peruntukan, salah satu sebab yang mengakibatkan pentadbiran dan perkhidmatan Kerajaan Tempatan merosot ialah kerana sikap pekerja dan juga sistem pentadbiran yang tidak memuaskan. Jika Yang Berhormat sedar, apakah tindakan akan

diambil untuk membaiki sistem pentadbiran dan perkhidmatan serta sikap pekerja-pekerja yang selalu membawa politik dalam bidang pekerjaan mereka?

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat itu bahawa Majlis-majlis Daerah dan Majlis-majlis Perbandaran yang ada sekarang adalah diwujudkan melalui kuatkuasa Akta 171 iaitu dengan mencantumkan Majlis-majlis yang dahulunya dalam berbagai-bagai bentuk dan dikenal sebagai Majlis Bandaran (Town Council), Majlis Tempatan dan sebagainya. Dan usaha percantuman ini hanya baru berjalan beberapa tahun yang lalu dan sukacita juga saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat sehingga sekarang ini pun masih lagi ada daerah-daerah yang belum menyusun semula Penguasa-penguasa Tempatan ini dan di dalam proses penyusunan semula ini sudah tentu tidak dapat dielakkan ada berlaku kelemahan-kelemahan sebagaimana yang digambarkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Walau bagaimanapun pihak Kementerian saya dan pihak Kerajaan Negeri serta pihak Majlis Penguasa-penguasa Tempatan itu sendiri sama ada Majlis Daerah atau Majlis Perbandaran sedang dengan giatnya sekarang ini memperbaiki kedudukan-kedudukan dan kelemahan-kelemahan yang disebut itu, yang dimaksudkan itu, mudah-mudahannya ia akan dapat bertambah baik daripada satu masa ke satu masa.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, daripada jawapan tadi, saya suka meminta penjelasan daripada Timbalan Menteri yang berkenaan adakah Kementerian ini, dengan izin, entertain request dari tiap-tiap Majlis Daerah berkenaan wang ini, dan jikalau tidak, apakah formula yang dipakai oleh Kementerian ini?

Dato Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang saya maksudkan tadi iaitu geran pelancaran adalah menjadi hak kepada Majlis-majlis Daerah itu berasaskan pembahagian mengikut formula yang ditentukan, iaitu berasaskan keluasan satu-satu kawasan Majlis Daerah itu dan keramaian penduduk-penduduknya dan hak

ini, jumlah peruntukan geran pelancaran ini, memang ditentukan bagi satu-satu Majlis Daerah ini. Majlis Daerah itu bertanggungjawab mengemukakan projek-projeknya bagi tiap-tiap tahun dengan menggunakan peruntukan yang disediakan itu. Bagi Projek-projek pembangunan dalam kawasan satu-satu Majlis Daerah itu sebagaimana yang saya sebutkan tadi, termasuk umpamanya, pembinaan pasar, gerai-gerai dan lain-lain kemudahan asas. Ini bergantunglah kepada cadangan projek-projek itu yang dikemukakan tiap-tiap tahun oleh satu-satu Majlis Daerah itu. Kementerian saya yang meneliti projek-projek yang dipohonkan oleh tiap-tiap Majlis Daerah itu, dan setelah dirundingkan bersama dengan pihak Perbendaharaan, meluluskan peruntukan-peruntukan yang berpatutan bagi tiap-tiap Majlis Daerah.

RACUN TIKUS

14. Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj minta Menteri Pertanian menyatakan apakah jenis racun membunuh tikus yang paling berkesan dan adakah jenis ini diberi kepada petani untuk digunakan oleh mereka atau ada jenis-jenis racun yang kurang berkesan diberi kepada petani hingga menyebabkan petani tidak berpuashati menggunakan racun yang kurang bermutu itu.

Timbalan Menteri Pertanian (Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin): Tuan Yang di-Pertua, ada terdapat beberapa jenis racun tikus ada yang lebih berkesan daripada yang lain. Pada masa ini racun yang paling berkesan adalah anti-coagulant, di masa yang lepas racun tikus zinc phosphate telah diberi kepada petani. Walaupun racun ini berkesan tetapi ia adalah berbahaya kepada manusia, oleh yang demikian penggunaan anti-coagulant adalah digalakkan kerana ia kurang berbahaya kepada manusia dan kesannya terhadap tikus samalah seperti zinc phosphate.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3 dan 15 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).

TANAH TERBIAR—PROGRAM PEMBANGUNAN

3. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah tindakan positif telah diambil untuk memajukan lebih 2.2 juta ekar tanah terbiar di kawasan luar bandar supaya rakyat miskin yang tidak bertanah seperti kaum petani dan nelayan dapat diperuntukkan tanah yang mencukupi untuk memperbaiki kualiti kehidupan sosio-ekonominya, kerana ini adalah selaras dengan matlamat DEB, adakah satu undang-undang akan diadakan untuk membolehkan Kerajaan berkuasa untuk memajukan tanah-tanah terbiar ini demi kepentingan ekonomi dan rakyat Malaysia, jika tidak, apakah sebabnya.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Tanah-tanah terbiar yang berselerak berjumlah 2.2 juta ekar itu adalah tanah-tanah yang telah diberi hak milik tetapi atas sebab-sebab tertentu tidak dikerjakan. Kementerian Pertanian telahpun mengambil langkah untuk memajukan semula tanah-tanah itu. Contohnya seluas lebih kurang 4,675 ekar tanah sawah di Seberang Prai Tengah telahpun dilancarkan program pembangunannya baru-baru ini, dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Kawasan-kawasan lain akan dipulihkan sesudah perancangan untuk membangunkannya diselesaikan dan peruntukan disediakan. Pasukan Petugas yang ditubuhkan di bawah Kementerian saya diberi masa hingga akhir bulan Julai, 1981 ini untuk menyediakan "action plan" bagi maksud pembangunan tanah-tanah terbiar tersebut tadi. Buat masa ini undang-undang baru tidak perlu diadakan bagi mengatasi masalah ini.

BUAH-BUAHAN TEMPATAN— PENGEKSPORTAN

15. **Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Pertanian menyatakan oleh sebab perindustrian buah-buahan kita begitu tiada teratur mengandungi banyak sekali dusundusun kecil bertaburan di merata-rata di negara ini berbanding dengan lain-lain negeri; sekiranya Kerajaan ada suatu rancangan yang serba serbi lengkap untuk memperdagangkan perusahaan penanaman buah-buahan di dalam negara kita.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Iklim di negara kita sesuai kepada jenis buah-buahan yang bermusim seperti durian, rambutan, limau, mangga dan lain-lain, serta juga beberapa jenis sahaja buah-buahan yang tidak bermusim seperti nenas, markissa, pisang dan betik. Buah-buahan yang tidak bermusim seperti nenas dan markissa sesuai untuk dieksport selepas ditingkan, dan negara kita telahpun mengeksportnya. Buah-buahan seperti pisang, tembikai, nenas moris, duku, limau bali dan durian memang telah lama dieksport ke negara jiran sebagai buah-buahan segar.

Banyak dari jenis buah-buahan bermusim seperti durian, rambutan, duku dan limau, pengeluarannya masih belum mencukupi kehendak tempatan akibat pengaruh musim ini. Yang demikian buah-buahan tempatan masih belum cukup untuk dieksport secara besar-besaran.

Namun demikian Kerajaan sentiasa menggalakkan pengeluaran berjenis-jenis buah-buahan tempatan bermutu tinggi dengan lebih banyak dan teratur supaya mencukupi keperluan tempatan dan untuk dieksport. Bagi maksud ini, berbagai galakan telah dan terus akan diberikan kepada peladang-peladang kecil seperti bantuan tanaman semula pokok buah-buahan melalui rancangan baik pulih dusun di bawah Jabatan Pertanian yang menekankan kepada jenis mengikut kawasan yang sesuai, serta bantuan pinjaman dan galakan kemudahan alat memproses melalui projek perusahaan kecil pertubuhan-pertubuhan peladang di bawah anjuran Lembaga Pertubuhan Peladang.

Pihak MARDI juga ditugas menyelidik dan memperbaiki jenis-jenis buah-buahan tempatan serta teknik memproses buah-buahan bagi kegunaan peladang-peladang kecil.

Perusahaan tanaman buah-buahan yang dapat diperdagangkan dilakukan oleh peladang-peladang kecil dan sederhana dengan penjagaan dusun-dusun mereka dengan lebih baik lagi, dengan adanya segala galakan dan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan.

PASUKAN ANTI-LANUN KHAS— PENUBUHAN

16. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa ada kapal-kapal asing dan kapal-kapal lanun yang menceroboh di perairan Trengganu dan Kedah-Perlis memusnahkan alat-alat menangkap ikan dan mengancam keselamatan nelayan kita; jika ya, apakah tindakan yang telah diambil, dan selain dari Polis Merin, adakah Kerajaan bercadang hendak menubuhkan Pasukan Anti-Lanun Khas untuk menjaga keselamatan nelayan kita, jika tidak, mengapa.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Kerajaan memang sedar adanya pencerobohan kapal-kapal negara dari asing di perairan kita misalnya di perairan Trengganu terdapat 7 kejadian pencerobohan dalam tahun 1980 dan sehingga bulan Mac tahun ini belum ada laporan yang diterima. Di perairan Kedah-Perlis pula terdapat 1 kejadian rompakan dalam tahun 1980 dan 4 kejadian sehingga bulan Mac tahun ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengambil tindakan tegas untuk mengatasi masalah dengan mempergiatkan rondaan di perairan yang sering berlaku pencerobohan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas kapal-kapal negara asing yang didapati menceroboh dan melakukan kesalahan di perairan kita. Buat masa sekarang Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Pasukan Anti-Lanun Khas. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah sewajarnya untuk menyelaraskan operasi oleh agensi-agensi penguatkuasa seperti Polis Merin, Tentera Laut Di Raja Malaysia dan Jabatan Perikanan supaya kawasan perairan kita tidak dicerobohi oleh kapal-kapal negara asing.

PENGAMBILAN PELAJAR-PELAJAR MELAYU DI UNIVERSITI

17. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan sam ada beliau sedar bahawa pengambilan penuntut-penuntut Melayu dalam sesi 1980/81 di Universiti Malaya (50.6%) dan Universiti

Sains Malaysia (51.8%) telah berkurangan. Adakah ini disebabkan oleh penambahan 2% penuntut bukan Melayu, maka pengambilan penuntut Melayu berkurangan, sama ada sesi 1981/82 dan seterusnya akan berkurangan lagi atau ditetapkan kepada tahap 60-40% seperti tahun-tahun sebelumnya.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Peratus pengambilan penuntut-penuntut Bumiputra bagi sesi 1980/81 di Universiti Malaya ialah 50.6% dan di Universiti Sains Malaysia ialah 51.0%. Angka ini tidak menunjukkan sebarang kekurangan dari segi peratus pengambilan jika dibandingkan dengan sesi 1979/80 di masa peratus pengambilan pelajar Bumiputra di Universiti Malaya adalah juga 50.6% dan di Universiti Sains Malaysia 50.9%.

Dasar Kerajaan ialah supaya pengambilan pelajar Bumiputra dan Bukan Bumiputra di Universiti-universiti tempatan mencerminkan komposisi kaum di negara ini iaitu 55% Bumiputra dan 45% Bukan Bumiputra. Nisbah ini akan dicapai secara beransur-ansur menerusi pengurangan pengambilan pelajar Bumiputra sebanyak 2% tiap-tiap tahun. Adalah dijangka nisbah 55-45 ini akan dapat dicapai pada tahun 1984.

Pada sesi 1980/81 yang lalu, nisbah pengambilan pelajar-pelajar pada keseluruhannya di kelima-lima universiti tempatan ialah 62.3% Bumiputra dan 37.7% Bukan Bumiputra. Sebenarnya semua universiti dikehendaki mengambil pelajar-pelajar mengikut nisbah yang tersebut. Sungguhpun begitu U.K.M., U.P.M. dan U.T.M. dibenarkan mengambil lebih pelajar-pelajar Bumiputra kerana kaum Bumiputra masih berkurangan di bidang-bidang yang ditawarkan oleh universiti-universiti itu. Oleh itu untuk menampung kelebihan pelajar-pelajar Bumiputra di ketiga-tiga universiti tersebut, U.M. dan U.S.M. terpaksa mengambil lebih Bukan Bumiputra supaya kadar keseluruhan pengambilan 62.3% Bumiputra dan 37.7% pada tahun lalu dapat dicapai.

Bagi pengambilan pada sesi 1981/82 yang akan datang, komposisi 60.3% Bumiputra dan 39.7% Bukan Bumiputra pada keseluruhannya akan dilaksanakan. Komposisi

kaum bagi tiap-tiap universiti belum dapat ditentukan kerana urusan pengambilan belum dijalankan.

ANGGOTA POLIS PERCUBAAN MOHON BERHENTI

18. Dato' Hishamuddin bin Haji Yahaya minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah anggota Polis yang belum cukup tempoh perkhidmatan memohon berhenti di dalam tahun 1980.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Jumlah anggota-anggota polis dari Mata-mata Tambahan hingga ke Pegawai Yang Diwartakan yang memohon berhenti di dalam tahun 1980 sebelum cukup tempoh perkhidmatan mereka ialah 365 orang dan 355 daripadanya telahpun diluluskan. Bakinya masih dalam pertimbangan.

KASSIM AHMAD DIPUKUL DALAM KEM TAHANAN

19. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaysia, Encik Kassim Ahmad telah dipukul baru-baru ini di Kem Tahanan dan akibat itu, mata kirinya telah tercedera; jika ya, nyatakan sama ada apa-apa siasatan telah dijalankan ke dalam insiden tersebut dan apakah hasil siasatan tersebut, dan sama ada Kerajaan akan menimbangkan untuk membebaskan Encik Kasim Ahmad ataupun membicarakannya di sebuah mahkamah undang-undang.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kementerian ini memang sedar peristiwa di mana Kassim Ahmad Pengerusi Parti Sosialis Rakyat Malaya telah dipukul oleh seorang tahanan di Tempat Tahanan Perlindungan Taiping baru-baru ini. Kejadian tersebut berlaku pada 24hb Januari, 1981 jam 5.20 petang di kawasan 6 (L) tempat tahanan tersebut. Pergaduhan ini berlaku di antara Kassim Ahmad dengan salah seorang tahanan di situ.

Penyiasatan telah dibuat terhadap peristiwa tersebut dan didapati peristiwa itu berpunca dari salah faham antara Kassim Ahmad dengan salah seorang orang tahanan bersabit dengan perkara-perkara agama khususnya

mengenai asal usul kejadian manusia. Kassim Ahmad menegaskan bahawa manusia adalah berasal daripada buruk, sedangkan pandangan orang tahanan yang menumbuk Kassim Ahmad, manusia adalah dijadikan Allah daripada tanah dan Nabi Adam adalah manusia yang pertama di dunia. Perselisihan faham inilah yang melahirkan perasaan dendam yang akhirnya menyebabkan Kassim Ahmad ditumbuk.

Berhubung dengan pembebasan Kassim Ahmad, sukalah dijelaskan di sini bahawa tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 tidak memerlukan perbicaraan di atasnya. Masalah membebaskan seseorang yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri akan dibuat setelah Kerajaan menimbangkan perakuan-perakuan yang dikemukakan oleh Lembaga Penasihat dan juga setelah Kerajaan berpuas hati bahawa ia tidak lagi menjadi ancaman terhadap keselamatan negara.

CARUMAN KWSP BUMIPUTRA BELI SAHAM AMANAH NASIONAL

20. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Kewangan menyatakan untuk memudahkan kaum Bumiputra membeli Saham Amanah Nasional adakah pegawai-pegawai Kerajaan Bumiputra dibenar mengeluarkan separuh daripada caruman KWSP mereka untuk pelaburan tersebut.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum, tujuan penubuhan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) adalah untuk memberi jaminan kewangan kepada pencarum-pencarum di masa persaraan. Untuk memastikan pencapaian objektif ini, Ordinan KWSP 1951 telah menetapkan berbagai-bagai syarat berhubung dengan pengeluaran caruman KWSP. Buat masa ini, sudahpun ada perbekalan di dalam Ordinan ini yang membolehkan seseorang pencarum mengeluarkan satu pertiga (1/3) daripada carumannya pada umur 50 tahun dan kesemua carumannya pada umur 55 tahun. Peruntukan undang-undang yang ada sekarang ini tidak membenarkan pengeluaran wang untuk tujuan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Walau bagaimanapun,

Kerajaan akan mengkaji perkara ini dengan sedalam-dalamnya untuk menentukan bahawa objektif KWSP seperti yang telah saya sebutkan tadi akan dapat dikekalkan.

PELABURAN DALAM SYARIKAT KOMODITI

21. Dato' Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah beliau sedar bahawa terlalu banyak syarikat-syarikat komoditi ditubuhkan di negara ini tetapi oleh sebab kurang pengalaman di dalam bidang mengendalikan syarikat-syarikat tersebut maka terdapat banyak pelabur-pelabur perseorangan kehilangan wangnya di dalam syarikat-syarikat tersebut. Jika ya, adakah Kementerian ini akan membuat sesuatu peraturan yang ketat yang boleh menjamin pelabur dari ditipu atau dipermainkan oleh syarikat-syarikat tersebut.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong): Saya sedar bahawa terdapat banyak syarikat komoditi yang baru ditubuhkan di negara ini. Sehingga hari ini jumlah syarikat-syarikat tersebut adalah 122. Saya juga sedar adanya pelabur-pelabur perseorangan kehilangan wang di dalam perniagaan di dalam Syarikat-syarikat tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti-aktiviti "hedging" dan spekulasi adalah perlu untuk menjayakan sesuatu Bursa Komoditi.

Walau bagaimanapun, saya suka mengingatkan umum bahawa berdagang kontrek serahan hadapan komoditi adalah merupakan satu aktiviti perniagaan yang baru dan amat kompleks dan mempunyai risiko. Seseorang yang berminat mengambil bahagian dalam perniagaan ini mesti memahami selok-belok perniagaan sebelum menceburkan diri dalam aktiviti perniagaan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Dagangan Komoditi 1980 yang berkuatkuasa mulai 1hb Ogos, 1980, membuat peruntukan untuk menjaga dan menjamin kepentingan orang-orang yang berdagang kontrek serahan hadapan komoditi.

Di bawah Akta ini semua Syarikat-syarikat Komoditi dikehendaki mendaftarkan diri dengan Pesuruhjaya Dagangan Komoditi. Syarikat-syarikat yang berdagang di Bursa-bursa Komoditi di luar negeri pula dikehendaki membayar deposit kepada Pesuruhjaya dan jumlah deposit yang dikenakan adalah bergantung kepada jumlah dagangan syarikat-syarikat itu. Deposit tersebut boleh digunakan untuk membayar tuntutan daripada pelabur-pelabur oleh sebab kemungkiran yang dilakukan dalam masa menjalankan atau berhubung dengan urusan perdagangan serahan hadapan komoditi seseorang peniaga atau Syarikat.

Akta tersebut juga membuat peruntukan di mana Syarikat-syarikat atau peniaga-peniaga adalah dikehendaki:

- (i) Menyimpan rekod pengakaunan dan lain-lain rekod yang akan menghuraikan dengan cukup transaksi-transaksi dan mencerminkan kedudukan kewangan urusan berdagang kontrek serahan hadapan komoditi yang dijalankan olehnya.
- (ii) Mengadakan dan menyimpan di Bank berlesen akaun terasing (segregated account) bagi pembelian atau penjualan kontrak serahan hadapan kelayan-kelayan mereka.
- (iii) Menyerahkan akaun tahunan bersama-sama dengan laporan juruodit kepada Pesuruhjaya Dagangan Komoditi dalam tempoh 6 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan.

Jikalau ada sesuatu aduan, Pesuruhjaya diberi kuasa melantik juruodit untuk memeriksa akaun Syarikat atau peniaga jika ia berpuas hati bahawa ianya adalah untuk kepentingan Syarikat atau peniaga, kelayan-kelayan Syarikat atau peniaga atau orang awam amnya.

Saya suka memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa Bursa Komoditi Kuala Lumpur (KLCE) mempunyai peraturan-peraturan yang cukup untuk perdagangan yang teratur dan juga mempunyai satu kumpulanwang pampasan di mana seorang kelayan boleh menuntut pampasan oleh kerana kemungkiran yang dilakukan oleh Syarikat atau peniaga.

ODIT AKAUN SEKOLAH-SEKOLAH RENDAH

22. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan fakta-fakta utama yang menyebabkan kelewatan dalam mengodit kira-kira sekolah terutama Sekolah-sekolah Rendah dan butirkan:

- (a) bilangan Sekolah-sekolah Rendah yang mana akaunnya telah dan belum dioditkan bagi tahun-tahun 1977, 1978 dan 1979; dan
- (b) bilangan sekolah-sekolah Rendah yang mana akaunnya tidak diodit sebelum 1977;

dan tindakan yang diambil untuk mengatasi perkara ini.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak:

(a) Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, fakta-fakta yang menyebabkan kelewatan dalam pengoditan akaun Sekolah-sekolah Rendah dan tindakan-tindakan yang diambil untuk mengatasi masalah ini adalah seperti berikut:

(i) Kekurangan kakitangan Kementerian Pelajaran untuk mengoditkan akaun semasa dan kebelakangan. Pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan telah meluluskan jawatan sementara sebanyak 25 Pemeriksa Kira-kira, 316 Kerani dan 56 Jurutaip bagi mengatasi tunggakan kerja yang masih banyak.

(ii) Kegagalan sekolah-sekolah untuk menyelenggarakan dan menyediakan penyata akaun yang tepat kerana kekurangan kemahiran. Kes-kes ini diketahui apabila pengoditan dijalankan dan juruodit-juruodit sering kali membantu sekolah-sekolah dalam penyediaan penyata akaun. Kes-kes ini yang memakan masa juga menyebabkan kelewatan dalam

tugas pengoditan. Bagi membantu Guru-guru Besar dalam penyediaan akaun sekolah, Unit Akaun Sekolah di peringkat Kementerian ditugaskan untuk memberi bimbingan dan latihan dalam tugas-tugas kewangan dan akaun. Pihak Kementerian juga mengeluarkan arahan-arahan dan Buku Panduan bagi kegunaan Guru Besar.

(iii) Kelewatan sekolah-sekolah untuk menyerahkan penyata akaun juga menyebabkan kelewatan dalam pengoditan. Untuk mengatasi masalah ini, Pengarah Pelajaran Negeri diminta mengambil tindakan yang sesuai seperti menghantar peringatan, menahankan bantuan kepada sekolah, dan sebagainya untuk mendapatkan penyata tersebut.

(iv) Akaun beberapa sekolah tidak dapat diodit setakat ini kerana kehilangan dokumen-dokumen yang penting dalam kebakaran, banjir dan sebagainya. Masalah ini telah dikemukakan kepada Perbendaharaan untuk mendapat keputusan muktamad.

(b) Bilangan Sekolah-sekolah Rendah yang mana akaunnya telah dan belum dioditkan bagi tahun-tahun 1977, 1978 dan 1979 adalah seperti berikut:

Tahun	Telah diodit	Belum diodit
1977	2993	1302
1978	2308	2005
1979	1424	2896

Terdapat sebanyak 1609 Sekolah-sekolah Rendah yang mana akaunnya tidak diodit sebelum 1977.

ISU KAMPUCHEA DAN AFGHANISTAN

23. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah kejayaan yang telah dicapai oleh Malaysia

setakat ini di dalam usaha-usahanya melalui Persidangan-persidangan, perundingan-perundingan ataupun lain forum antarabangsa untuk menyelesaikan masalah Kampuchea dan Afghanistan dan apakah kesan-kesan negative, kalau ada, dari segi politik dan ekonomi, yang dirasakan oleh Malaysia akibat daripada pendirian di peringkat antarabangsa mengenai isu Kampuchea dan Afghanistan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Usaha-usaha yang dilakukan oleh Malaysia untuk mengatasi masalah Kampuchea dan Afghanistan telah mendapat sokongan yang meluas di kalangan masyarakat antarabangsa. Atas daya usaha Malaysia dan ASEANlah, suatu Resolusi 35/6 Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Kampuchea telah dicapai di Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu akhir tahun lalu dengan kemenangan undi sebanyak 97 undi menyokong, 23 undi menentang dan 22 undi berkecuali, berbanding dengan undi tahun sebelumnya iaitu 91 undi menyokong, 21 menentang dan 29 berkecuali.

Ini jelas menunjukkan bahawa masyarakat antarabangsa sentiasa menyokong pendirian kita untuk mencari suatu penyelesaian politik bagi persengketaan di Kampuchea menerusi satu Persidangan Antarabangsa yang akan membincangkan perkara seperti pengunduran sepenuhnya tentera-tentera asing dari Kampuchea dan mengadakan suatu pilihanraya bebas di bawah kelolaan Bangsa-bangsa Bersatu. Untuk tujuan ini, Setiausaha Agung Bangsa-bangsa Bersatu telah melantik Utusan Khas peribadinya iaitu Encik Essafi yang mana beliau dijangka dalam sedikit masa lagi akan melawat Malaysia dan Negara-negara ASEAN yang lain termasuk juga Vietnam dan Laos bagi mengadakan rundingan-rundingan dan perbincangan-perbincangan untuk menyediakan persidangan antarabangsa.

Berkenaan dengan Afghanistan, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Bangsa-bangsa Bersatu telah pun juga mencapai suatu resolusi mengenai perkara tersebut. Selanjutnya, Persidangan Kemuncak Ketua-ketua Negara Islam di Thaif juga telah menghasilkan kejayaan yang besar di kalangan Negara-negara Islam untuk terus mendesak Soviet Union (yang masih menduduki Afghanistan) supaya berundur

sepenuh-penuhnya dari bumi Afghanistan. Di Sidang Kemuncak itu juga selain daripada mengulangi pendirian pertubuhan Negara-negara Islam di masa-masa yang lalu, Resolusi Thaif juga mencapai selangkah lagi ke hadapan iaitu:

- (i) Masalah Afghanistan bukanlah hanya merupakan masalah sesuatu tempat sahaja tetapi sebenarnya merupakan masalah bersama keseluruhan dunia umat Islam.
- (ii) Adalah menjadi hak pelarian-pelarian Afghanistan untuk kembali semula ke Negara mereka sendiri (Afghanistan) dalam keadaan "selamat dan terhormat".

Di Persidangan negara-negara berkecuali di New Delhi baru-baru ini persetujuan telah dicapai supaya penyelesaian politik di Kampuchea dan di Afghanistan dilaksanakan dengan segera.

Berdasarkan kepada fakta-fakta yang disebutkan di atas tadi jelaslah menunjukkan bahawa tidak ada sebarang kesan negatif yang dialami oleh Malaysia akibat dari pendirian Malaysia mengenai kedua-dua masalah tadi. Apa yang sebenarnya berlaku ialah pinak Vietnam dan Sovietlah yang sentiasa mengalami kecaman-kecaman dan pemuluan oleh dunia antarabangsa. Kedua-duanya (Vietnam dan Soviet) juga sentiasa terasa tertekan akibat dari penglibatan mereka di Kampuchea dan Afghanistan.

PENGUNDI PILIHANRAYA DI KAWASAN BANDAR

24. Tuan Lim Cho Hock minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bilangan pengundi di setiap kawasan pilihanraya di bandar terlalu ramai apabila dibandingkan dengan pengundi di luar bandar dan perkara ini menjadi 'seorang seundi' tidak bermakna dan tidak adil. Sekiranya ya sama ada beliau akan berikhtiar untuk mengubahsuaikan situasi ini supaya Dewan Rakyat benar diwakili oleh rakyat.

Dato Abdullah bin Abdul Rahman: Saya memang sedar ada sebilangan kecil bahagian pilihanraya yang terletak di dalam

kawasan-kawasan bandar besar yang mempunyai pengundi lebih ramai dari bahagian-bahagian yang lain jika dibandingkan secara purata jumlah pengundi di semua bahagian pilihanraya. Sungguhpun demikian ini tidak bermakna Ahli Yang Berhormat itu boleh membuat suatu generalisasi bahawa pengundi di semua kawasan pilihanraya di bandar terlalu ramai dibandingkan dengan pengundi di luar bandar. Tambahan pula faktor pengundi hanya merupai salah satu daripada faktor-faktor yang diambil kira di dalam menentukan bahagian-bahagian pilihanraya. Soal sama ada saya akan berikhtiar untuk mengubahsuaikan situasi yang ada sekarang atau tidak, tidak timbul kerana kerja-kerja untuk mengkaji semula bahagian-bahagian pilihanraya baik bahagian pilihanraya negeri atau bahagian Parlimen adalah urusan Suruhanjaya Pilihanraya iaitu sebuah badan bebas. Saya yakin Suruhanjaya itu mempunyai kebolehan untuk melaksanakan tanggungjawabnya mengkaji semula bahagian-bahagian pilihanraya mengikut prinsip-prinsip yang ditetapkan di dalam Jadual Ke 13 Perlembagaan apabila tiba masanya.

BANTUAN KEPADA KERAJAAN VIETNAM

25. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah apa-apa bentuk bantuan dari Kerajaan Malaysia kepada rakyat dan Kerajaan Vietnam.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad: Malaysia telah bersetuju untuk membantu Vietnam di dalam berbagai bidang demi kepentingan memupuk semangat kerjasama jiran dan serantau.

Sebahagian besar, dari bantuan-bantuan yang telah disumbangkan oleh Malaysia telah ditumpukan kepada usaha-usaha memulihkan perindustrian getah Vietnam di mana bantuan berjumlah \$900,000 untuk tempoh masa 4 tahun bermula dari tahun 1978, telah dipersetujui. Dalam bidang pertanian, Malaysia telah menyerahkan kepada pihak Vietnam sebanyak 100,000 ubat suntikan ayam itik, dan 600 benih semeian kelapa telah dihantarkan ke Vietnam pada bulan Disember

1978. Pada bulan yang sama juga Malaysia telah menghulurkan bantuan kepada mangsa-mangsa banjir di Vietnam dengan memberikan bantuan tepung gandum dan minyak masak yang bernilai M\$100,000. Walau bagaimanapun, Kerajaan pada 10hb Januari, 1979, telah memutuskan bahawa bantuan-bantuan teknik dan pertanian yang selanjutnya ke Vietnam dibekukan kerana pencerobohan Vietnam di Kampuchea dan penduduk tentera Vietnam yang berterusan di sana.

TULISAN CINA DI PAPAN NAMA SEKOLAH RENDAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) DI BUKIT TENGAH

26. Tuan Seow Hun Khim: minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kuasa telah diberi kepada Pengarah Pelajaran Pulau Pinang untuk melarang Sekolah-sekolah Rendah J.K. (C) di dalam negeri Pulau Pinang dari menulis nama sekolah dalam tulisan Cina; jika tidak, mengapa S.R.J.K. (C) Bukit Tengah dilarang oleh beliau dari menulis nama sekolah ini dalam tulisan Cina.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Pengarah Pelajaran Pulau Pinang tidak ada mengeluarkan arahan sama ada secara bertulis atau secara lisan melarang Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di dalam Negeri Pulau Pinang dari menulis nama sekolah dalam tulisan Cina. Adalah juga tidak benar menyatakan yang Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Bukit Tengah tidak mempunyai nama sekolah dalam tulisan Cina kerana setelah disiasat didapati tulisan Cina tertulis di papan nama sekolah tersebut.

PEMBORONG BUMIPUTRA

27. Tuan Mohd. Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan apakah tindakan jangka pendek yang telah diambil oleh Unit Penyertaan di Kementerian ini bagi mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pemborong-pemborong Bumiputra akibat dari kenaikan bahan binaan dan apakah pula rancangan jangka panjang yang disediakan bagi mengatasi masalah ini.

Dato S. Samy Vellu: Sebagai langkah jangka pendek, Kerajaan telahpun mengadakan 'fluctuation clause' kepada semua kontrak bagi kerja-kerja binaan dan sivil yang bertujuan untuk menampung kenaikan harga bahan-bahan binaan penting di mana harga semua bahan binaan akan mengikut kenaikan harga semasa. Dengan ini kontraktor tidak akan mengalami kerugian apabila harga akan bahan binaan meningkat, malahan akan diberi kemudahan di mana mereka boleh dibayar gantirugi sekiranya keadaan itu timbul.

Sebagai langkah jangka panjang pula, Kerajaan telah menyusun satu skim bagi membekalkan bahan-bahan binaan penting kepada pemborong-pemborong yang menjalankan projek-projek Kerajaan. Dalam usaha untuk membantu pemborong-pemborong mengatasi masalah kekurangan bahan-bahan binaan, Kerajaan telahpun mengadakan 'stockpile' bagi besi keluli (steel reinforcement) melalui agensi-agensi tertentu seperti Pernas Trading Berhad. Demikian juga Kerajaan telah membanyakkan pengedaran bahan-bahan binaan melalui Perbadanan-perbadanan Kemajuan Negeri seperti Pernida, Peransang dan lain-lain lagi.

Perlu diingatkan bahawa tidak semua bahan-bahan binaan boleh disimpan sebagai 'stockpile' kerana keadaan bahan-bahan itu sendiri tidak mengizinkan. Misalnya jika simen disimpan lama, ianya akan menjadi keras dan tidak boleh digunakan lagi. Dengan adanya 'stockpile' ini pemborong-pemborong boleh membeli bahan-bahan yang ada dalam stock pile dan cara bayarannya ialah dengan potongan kepada bayaran kemajuan.

SYARIKAT ALI-BABA BUMIPUTRA

28. Tuan Haji Ampong bin Haji Puyon minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh manakah kejayaan Kementerian itu untuk membenteraskan usaha-usaha Alibaba dalam syarikat-syarikat Bumiputra terutama dalam perniagaan yang melibatkan AP.

Dato Lew Sip Hon: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengawasi syarikat-syarikat Bumiputra yang telah diberi

AP untuk menjalankan perniagaan-perniagaan mereka. Pegawai-pegawai dari Kementerian ini sentiasa menjalankan siasatan-siasatan ke atas syarikat-syarikat berkenaan dari semasa ke semasa.

Kementerian saya tidak akan teragak-agak untuk menarik balik AP-AP daripada syarikat-syarikat atau individu-individu yang mengalibabakan atau menjual AP itu. Malah tindakan seperti ini telahpun dilaksanakan. Sukacita saya memaklumkan Ahli Yang Berhormat bahawa tujuan Kerajaan mengeluarkan AP untuk syarikat-syarikat Bumiputra ialah untuk membolehkan peniaga-peniaga Bumiputra menyertai dengan aktifnya dalam perniagaan eksport-import barang-barang itu. Sekiranya syarikat-syarikat atau individu-individu Bumiputra ini menjual atau mengalibabakan AP-AP yang diberi, sudah pasti tujuan Kerajaan dalam menambahkan penyertaan Bumiputra dalam perniagaan ini tidak dapat dicapai.

SAMSU GELAP—JUALAN/ PENGEDARAN

29. Tuan Haji Hashim bin Endut minta Menteri Kewangan menyatakan tindakan tegas dan berkesan oleh Kementerian selepas Peristiwa Hitam pada 24hb Januari, 1981 di Pekan Lunas, Kedah di mana 32 orang dari sejumlah 58 orang yang meminum samsu gelap telah mati dan apakah tindakan yang telah diambil ke atas mereka yang ditangkap kerana menjual samsu gelap dan bolehkah Kerajaan memberi jaminan bahawa peristiwa seperti itu tidak akan berulang lagi pada masa-masa akan datang walaupun rakyat tidak memberikan kerjasama.

Dato Shahrir bin Abdul Samad: Jabatan Kastam dan Eksais di Raja sentiasa berwaspada atas aktiviti-aktiviti penyulingan haram dan pengedaran samsu gelap di negara ini. Setelah peristiwa kematian di Kedah itu berlaku Bahagian Pencegah Jabatan ini telah mempergiatkan operasi untuk menghapuskan aktiviti-aktiviti membuat samsu gelap dan mengedar samsu gelap. Satu arahan telah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kastam Malaysia, kepada semua bahagian Pencegah Jabatan ini untuk bertindak dengan lebih serius dan menjalankan operasi-operasi yang

lebih berkesan di kawasan-kawasan yang tertentu. Walau bagaimanapun, Jabatan ini memerlukan kerjasama orang ramai untuk memberi maklumat kepada Jabatan atas aktiviti-aktiviti membuat samsu gelap jika diketahui oleh mereka. Nama-nama pemberi maklumat itu akan dirahsiakan dan hadiah-hadiah akan diberi jika maklumat itu menghasilkan tangkapan. Jabatan ini yakin dan percaya bahawa peristiwa seperti ini dapat dielakkan jika agensi penguatkuasaan mendapat kerjasama dari orang awam seperti tersebut di atas dan juga jika peminum-peminum samsu menyedari akan bahaya minum samsu gelap itu.

Mereka yang ditangkap kerana membuat, mengedar dan menjual samsu haram akan didakwa di mahkamah di bawah undang-undang "The Law Reform (Eradication of Illicit Samsu) Act 1976". Jika pesalah itu disabitkan atas kesalahan itu, ia boleh dihukum penjara hingga tidak melebihi 10 tahun dan tidak kurang dari 4 tahun, didenda tidak melebihi dua ribu ringgit dan dikenakan rotan sebanyak tidak kurang dari enam kali.

BANK PERTANIAN—PINJAMAN KEPADA BUMIPUTRA/BUKAN BUMIPUTRA

30. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah wang yang diluluskan sebagai pinjaman dari Bank Pertanian dalam tahun 1978, 1979 dan 1980 untuk orang ramai dan apakah tujuan pinjaman tersebut dan berapakah jumlah pinjaman itu untuk Bumiputra dan bukan Bumiputra.

Dato Haji Mohamed Suhaimi bin Dato Haji Kamaruddin: Dalam tahun 1978 sejumlah \$98.59 juta pinjaman telah diluluskan oleh Bank Pertanian Malaysia kepada seramai 4,256 bilangan peminjam. Daripada jumlah ini \$13.49 juta pinjaman telah diluluskan kepada 3,736 individu Bumiputra dan \$1.56 juta telah diluluskan kepada 153 individu Bukan Bumiputra. Dalam tahun yang sama, institusi Bumiputra (institusi Bumiputra di mana 51% atau lebih saham institusi itu dimiliki oleh kaum Bumiputra sendiri) dan

sejumlah \$1.14 juta pinjaman telah diluluskan kepada 6 institusi bukan bumiputra.

Dalam tahun 1979 pula, sejumlah \$126.44 juta pinjaman telah diluluskan kepada seramai 4,608 bilangan peminjam. Daripada jumlah ini \$19.41 juta pinjaman telah diluluskan kepada 3,734 individu Bumiputra dan \$4.41 juta telah diluluskan kepada 389 individu Bukan Bumiputra. Dalam tahun yang sama sejumlah \$99.97 juta pinjaman telah diluluskan kepada 473 institusi-institusi Bumiputra dan sejumlah \$2.65 juta pinjaman telah diluluskan kepada 12 institusi-institusi Bukan Bumiputra.

Manakala dalam tahun 1980, sejumlah \$124.02 juta pinjaman telah diluluskan kepada 6,564 bilangan peminjam. Daripada jumlah ini \$32.32 juta pinjaman telah diluluskan kepada 5,551 individu Bumiputra dan \$7.09 juta telah diluluskan kepada 468 individu Bukan Bumiputra. Dalam tahun yang sama juga sejumlah \$77.65 juta pinjaman telah diluluskan kepada 507 institusi-institusi Bumiputra dan sejumlah \$6.95 juta telah diluluskan kepada 38 institusi bukan bumiputra.

Pinjaman-pinjaman yang telah diluluskan oleh Bank Pertanian Malaysia adalah bertujuan untuk membiayai projek-projek pertanian di bawah rancangan-rancangan pinjaman Bank Pertanian Malaysia seperti berikut:

1. Rancangan Kredit Pengeluaran Padi;
2. Rancangan Kredit Pengeluaran dan Pemasaran Tembakau;
3. Jentera Pertanian;
4. Lain-lain Tanaman;
5. Ternakan;
6. Perikanan;
7. Perusahaan Pertanian;
8. Kontrek;
9. Perhutanan;
10. Pembelian dan Kemajuan Tanah;
11. Kemajuan Ladang;
12. Persekolahan;

13. Skim Kredit Nenas;
14. Perumahan Luar Bandar;
15. Mengekal, Menebus dan Memajukan Tanah Melayu.

HARGA BARANG-BARANG— AMBILALIH PENGEDARAN

31. Tuan Haji Ibrahim bin Muhamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah Kerajaan bercadang hendak mengambilalih kerja-kerja pengedaran terhadap setengah-setengah barang keperluan bagi memastikan ianya tidak dipermainkan oleh pengusaha-pengusaha tertentu bagi mengurangkan pengeluaran di atas alasan untuk menaikkan harga barang-barang.

Dato Lew Sip Hon: Sistem perdagangan yang diamalkan di Malaysia pada masa ini adalah sistem perdagangan bebas. Kerajaan merasakan sistem ini adalah amat sesuai bagi memberikan galakan dan pertumbuhan perdagangan yang sihat di negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan pernah mengadakan rancangan mengimport bahan-bahan perlu seperti batang besi keluli pada tahun 1979/80 tetapi ia dipasarkan melalui syarikat-syarikat tertentu. Langkah seperti ini mungkin perlu diadakan pada masa hadapan jika difikirkan perlu atas kepentingan negara. Namun demikian, ini bukanlah bermakna Kerajaan mengambilalih pengedaran barang-barang tersebut. Syarikat-syarikat lain yang mengurusniagakan bahan-bahan ini masih digalakkan bergerak dan menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan mereka.

BAHASA INGGERIS DI SEKOLAH- SEKOLAH RENDAH

32. Tuan P. Patto minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa mutu Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah rendah dan menengah telah merosot dalam beberapa tahun ini; jika ya, adakah langkah-langkah yang akan diambil untuk memperbaiki keadaan ini dapat meninggikan mutu bahasa tersebut dalam sekolah-sekolah kita.

Dato Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Kementerian Pelajaran memang sedar akan pandangan-pandangan mengenai kemerosotan dan kurang kemahiran murid-murid dalam penggunaan Bahasa Inggeris. Kemerosotan ini disebabkan pelaksanaan dasar Kerajaan menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa pengantar di Sekolah-sekolah Rendah dan Menengah menyebabkan Bahasa Inggeris kurang digunakan dalam pengajaran, pembelajaran dan pertuturan di sekolah-sekolah.

Walaupun bagaimanapun, Kementerian Pelajaran sekarang ini berusaha untuk meningkatkan kemahiran murid-murid dalam Bahasa Inggeris dengan mengambil langkah-langkah berikut:

Dalam tiga tahun kebelakangan ini, beberapa bahan pembelajaran yang digred (graded) disediakan dan diperkenalkan di sekolah-sekolah rendah dan sekolah menengah atas bagi membantu murid-murid yang lemah menguasai bahasa tersebut.

Di samping itu beberapa lagi bahan pembelajaran yang digred sedang diusahakan bagi peringkat rendah atasan dan menengah rendah supaya terdapatnya banyak lagi bahan pembelajaran yang sesuai bagi pelbagai taraf penguasaan dan pencapaian murid baik di dalam bilik darjah atau sekolah. Dalam pada itu kursus-kursus dalam perkhidmatan juga sedang diadakan di Maktab Bahasa, Kuala Lumpur dan di Pusat Bahasa dan di Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya. Kursus-kursus ini adalah dalam bidang TESL yang ditujukan khas kepada guru-guru yang dilatih khusus untuk matapelajaran Bahasa Inggeris.

Latihan perguruan pra-perkhidmatan telah juga disemak dan untuk masa hadapan semua guru Bahasa Inggeris akan mengikuti satu kursus yang memakan masa selama tiga tahun. Guru-guru Bahasa Inggeris yang mengikuti kursus bagi peringkat rendah dan menengah boleh membuat pilihan untuk dilatih khusus bagi matapelajaran tersebut.

Pengambilan guru-guru khas Bahasa Inggeris bukan sahaja dapat membantu guru-guru tempatan bagi meningkatkan taraf pencapaian Bahasa Inggeris di

sekolah-sekolah tetapi juga dapat memberikan sumbangan kepakaran untuk membina bahan-bahan dan teknik-teknik pembelajaran bahawa Inggeris sebagai bahasa kedua di sekolah-sekolah.

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan—

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) apabila tamat Mesyuarat hari ini Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.30 petang hari esok, Jumaat, 27-3-81.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) apabila tamat Mesyuarat hari ini Dewan ini hendaklah ditangguhkan sehingga pukul 4.30 petang hari esok, Jumaat, 27-3-81.

PENANGGUHAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

TANAH RUNTUH LOMBONG DI KAMPUNG KANDAN KUALA LUMPUR

3.39 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menurut Peraturan 18 untuk memohon izin mencadangkan:

Supaya Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan untuk merunding satu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan yakni bencana tanah runtuh lombong yang berlaku di Kampung Kandan Batu 8½ Jalan Puchong, Kuala Lumpur, di mana

sekurang-kurangnya 20 orang termasuk kanak-kanak tertimbus hidup-hidup bersama dengan beberapa buah rumah yang menjadikannya bencana perlombongan yang paling buruk di negara ini;

Bahawa perkara ini adalah kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan kerana bencana tersebut bukanlah satu bencana semulajadi tetapi suatu bencana yang dicipta oleh manusia disebabkan oleh kelalaian serius syarikat perlombongan Capitol Mining Sdn. Bhd. dan juga jabatan lombong yang membenarkan aktiviti-aktiviti perlombongan dijalankan tanpa memperhitungkan langsung keselamatan bukan sahaja para pekerja tetapi juga penghuni-penghuni yang tinggal berdekatan dengan lombong tersebut;

Bahawa pihak-pihak berkenaan hendaklah memberi dengan serta-merta satu laporan kepada Parlimen dan rakyat tentang bencana tersebut, tindakan-tindakan yang diambil untuk menghadapi masalah-masalah berkait dengan mangsa-mangsa berkenaan dan juga rumah-rumah berdekatan yang mungkin terlibat, serta juga bagaimana bencana-bencana yang dicipta oleh manusia seumpama itu dapat dielakkan di lain-lain tempat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima usul ini mengikut Peraturan Mesyuarat 18 (1) dan bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis iaitu saya sendiri hendaklah puas hati bahawa perkara ini perkara tertentu dan bagi kepentingan orang ramai dan perlu disegerakan.

Perkara ini memang kita sedia maklum sudah berlaku pada hari Selasa, 24hb Mac, 1981 di tempat yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling tadi dan saya puas hati perkara itu tertentu dan saya juga puas hati perkara itu bagi kepentingan orang ramai kerana melibatkan manusia, nyawa dan harta-benda. Perkara ini sama ada perlu disegerakan supaya ditangguhkan Dewan ini atau tidak, saya dapati bahawa setelah kejadian ini berlaku, Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri telah membuat lawatan ke tempat itu, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telah melawat, Yang Amat Berhormat Menteri Besar

Selangor telah melawat dan banyak lagi pemimpin-pemimpin negara yang telah melawat dan mengambil tindakan-tindakan yang segera, yang perlu dan jangka panjang.

Walau bagaimanapun oleh sebab perkara ini adalah melibatkan kehilangan banyak nyawa dan harta-benda dan supaya perkara ini tidak berulang lagi, jadi saya dapati bahawa saya puas hati perkara ini perlu disegerakan dan ada mempunyai ketiga-tiga syarat itu, saya sekarang suka bertanya sekiranya ada yang hendak membangkang hal ini.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Hendak membangkang? Bukan atas usul ini, saya bertanya sama ada perkara ini dibenarkan dibahas atau tidak, usul ini belum hendak dibahas lagi, (*Tidak ada bangkangan*).

Perkara ini akan dibincangkan pada pukul 5.30 petang ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG POLIS (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (25hb Mac, 1981).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu Dewan ini ditangguhkan petang semalam, Majlis masih membincangkan satu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Polis, 1967 dan Ahli Yang Berhormat dari Kangar sedang bercakap. saya hanya benarkan 5-10 minit lagi untuk bercakap.

3.43 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. Untung menyambung apa yang saya syorkan petang kelmarin mengenai apa yang dicadangkan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan itu, saya amatlah menyokong,

tetapi saya sendiri terlupa menyebutkan satu perkara yang terpenting pada petang semalam iaitu berkenaan dengan hari yang dicadangkan dengan diberi kuasa kepada pemangku dan sebagainya bersempena dengan Hari Polis Negara. Ini adalah satu petanda baik untuk polis-polis seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan petang semalam sesudahnya kita beri kepada mereka ini untuk memangku, beri kuasa dan sebagainya, keistimewaan untuk mereka juga patutlah dikaji barulah bersesuaian dengan pemangkuan yang mereka pegang itu. Dengan sebab itu sebagaimana saya katakan petang semalam gaji mereka dan juga patutlah dikaji tentang elaun perjalanan kepada tiap-tiap pegawai Polis Di Raja yang saya dapat tahu kalau hendak dibandingkan dengan kakitangan Perkhidmatan Awam yang lain amatlah jauh murah daripada mereka.

Dengan sebab itu, saya berharaplah mendapat pertimbangan yang sewajarnya. Kita juga dapati Kerajaan telah banyak mengeluarkan perbelanjaan untuk melatih pegawai-pegawai Polis. Kadang-kadang pegawai-pegawai Polis ini juga ingin mendapat pelajaran yang lebih tinggi seperti mengikuti undang-undang dan sebagainya. Jadi saya berpendapat berilah kemudahan kepada mereka untuk belajar di samping mereka ditetapkan sebagai pegawai, dapat bercuti untuk melanjutkan pelajaran. Kebanyakan daripada pegawai-pegawai polis ini saya dapat tahu ingin sangat melanjutkan pelajaran khususnya di bidang perundangan, jadi saya harap mendapat perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita beri memangku segala jawatan sebagaimana yang saya katakan petang semalam, tindakan-tindakan pegawai Polis ini saya harap biarlah segera. Misalnya, kalau ada sesuatu perkara yang diberitahu (report) oleh orang awam, tindakan segera hendaklah diambil kepada pihak-pihak yang berkenaan. Kalau boleh janganlah disuruh pergi report kalaulah tidak kena dengan tempat, biarlah tindakan yang berpatutan dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, satu dua perkara lagi yang saya sentuh secara ringkas ialah kebanyakan barang-barang yang ditangkap

oleh Polis, misalnya, kereta dan berbagai-bagai lagi, sesudahnya perkara itu dijadikan kes patutlah perkara itu dilelong supaya tidak menjadi kerugian kepada tuannya dan juga kepada Kerajaan sendiri sebab bila benda itu disimpan, belum diselesaikan kes, kadang-kadang memakan masa sampai 3-4 tahun bahkan lebih, banyak motokar-motokar dan berbagai-bagai lagi telah rosak dengan begitu sahaja. Jadi kalaulah benda itu sudah tetap ditangkap, lelonglah walaupun tidak diberi kepada tuannya tetapi bila selesai kes itu, kalau kalah diberi kepada pihak Kerajaan, kalau tidak salah dapatlah diberi kepada tuannya, tetapi kalau benda itu sudah jahanam walaupun tidak bersalah, rugi sahaja kepada pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Cerita lelong harta, motokar ini mana ada dalam pindaan ini!

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, kuasa-kuasa.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ada bersangkutan dengan tindakan kuasa yang diberi. Juga kuasa kepada Polis-polis ini selalu pihak-pihak yang disyakki ditangkap, kita tidak salahkan kerana kita hendak negeri kita ini aman, yang bersalah patut ditangkap. Tetapi hendak tahu bersalah atau tidak bersalah ialah mahkamah, pihak Polis tentulah hendak siasat dahulu. Dengan sebab itu saya merayu buatlah dengan cara peri kemanusiaan; kadang-kadang kita takut biasa terkena orang yang tidak bersalah kerana dituduh ataupun diberitahu oleh setengah pihak yang tidak bertanggungjawab, pihak yang tidak bersalah itu kadang-kadang sebelum hendak tahu dia bersalah, diancam, disiksa dengan cukup teruk. Jadi saya berharap sangat carilah satu jalan, saya tidak mengatakan Polis jangan siksa, kalau orang jahat bukan setakat kena siksa, bunuh pun bunuhlah kerana ini undang-undang, Tuhan pun suruh buat begitu. Tetapi sebelum kita tahu bersalah cara menyiksa ini saya haraplah cari satu jalan jangan kita takut, biasa diceritakan oleh seorang ketua Polis kalau tidak silap saya, kita lebih takut membunuh 2 orang daripada melepaskan 100 orang. Kalau orang yang tidak bersalah itu kita siksa amatlah pedih. Saya harap sangat sebagaimana saya katakan tadi kalau didapati

untuk menyiasat satu-satu kes yang belum ditentukan benda itu ada kes atau tidak, ini selalu ditangkap oleh pegawai Polis. Jadi sebelum perkara itu ditentukan, saya berharap tentang cara hendak ambil tahu biarlah tidak dengan cara disiksa. Kalau keadaan itu memerlukan, kalau kita dapati orang itu tidak bersalah, itu saya tidak laranglah.

Bagi saya sendiri, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah berkecil hati ataupun ada perasaan yang baik kepada pihak yang menjaga keamanan, dengan sebab itulah tiap-tiap kali saya bercakap berkenaan dengan Polis ini selalu saya suruh naikkan gaji, elau dan sebagainya kerana di segi batang tubuh saya sendiri saya ucapkan terima kasih kerana kerjasama yang rapat dan saya berasa seronok kalau saya berjalan-jalan di mana-mana juga saya jumpa Polis, kerana mereka ini menjaga keselamatan negara termasuk juga keselamatan kalau kita berjalan di mana-mana. Tetapi seperti kata pepatah: Susu yang cantik, yang putih itu kita pandang elok, pelik sangat kalau kerana nila merosakkan susu itu. Jadi maksud saya kalau ada yang tidak baik itu patutlah kita beri cara kemanusiaan, cara sivik dan sebagainya. Benda yang baik itu akan disanjung tinggi oleh semua negara khususnya Polis ini menjadi satu pasukan kawalan yang akan menjaga keselamatan tiap-tiap kita semua.

Dengan cadangan ataupun pindaan ini, Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi seperti saya katakan tadi bersempena pula dengan Hari Polis, kena pada ketikanya saya menyokong bersama Rang Undang-undang ini sebagaimana yang telah dikemukakan oleh Timbalan Menteri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

3.50 ptg.

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini yang bertujuan untuk meminda Akta Polis 1967.

Tuan Speaker, tempoh hari ingin saya menyatakan di sini bahawa Kerajaan mengemukakan Rang Undang-undang ini untuk mengatasi keputusan yang dibuat oleh

Mahkamah Persekutuan dalam kes Abdul Ghani bin Yusof dan seorang melawan Pendakwaraya. Dalam kes ini Mahkamah Persekutuan telah memutuskan bahawa mana-mana kenyataan amaran (caution statement) yang dicatat oleh seorang Inspector Polis yang masih dalam percubaan tidak boleh diterima kerana hanya seorang pegawai yang berpangkat Inspector dan ke atas boleh mencatat statement-statement amaran dari orang-orang yang dituduh.

Tuan Speaker, Rang Undang-undang yang di hadapan kami ini bertujuan memperuntukkan supaya Inspector yang masih dalam percubaan (cadetship) dimasukkan ke dalam golongan pegawai-pegawai yang disahkan. Saya hairan mendengar Parlimen digunakan kerap kali untuk mengatasi keputusan-keputusan yang tidak dengan izin, favourable kepada Kerajaan. Parlimen tidaklah sepatutnya menganggap dirinya lebih arif dari Hakim-hakim kita. Kita hendaklah memberi Hakim-hakim kita penghormatan yang sewajarnya. Tidak guna untuk mengadakan sebuah Judiciary jika sekiranya keputusan-keputusannya tidak diindahkan dan sebaliknya badan perundangan digunakan bagi mengatasi keputusan-keputusan yang tidak favourable kepada Kerajaan. Malah Perlembagaan Persekutuan kita juga dipinda apabila Kerajaan mengalah dalam Majlis Privy kepada Encik Mahan Singh yang begitu berani membawa kesnya terus hingga ke Majlis Privy. Kerajaan telah membalas dengan secepatnya dengan meminda Perkara 135 Perlembagaan Persekutuan dalam tahun 1978. Dalam bulan Januari, 1979 Kerajaan dengan tergesa-gesa meluluskan Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 untuk mengatasi keputusan Majlis Privy dalam kes Teh Cheng Poh melawan Pendakwa Raya di mana Majlis Privy telah memutuskan bahawa Yang di-Pertuan Agong tidak mempunyai sebarang kuasa untuk membuat peraturan-peraturan perlu yang mempunyai kuasa-kuasa undang-undang tatkala Parlimen mula bersidang pada 20hb Februari, 1971. Peraturan-peraturan (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1975 yang bersifat draconian telah diputuskan sebagai tidak berpelembagaan dan tidak sah. Akibat ini seramai 18 dari 67 yang dihukum mati telah digantung sampai mati di

bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana memiliki senjata-senjata api. Akta (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1979 . . .

Tuan Yang di-Pertua: Itu tidak boleh dibawa walaupun hendak menegakkan hujjah tetapi tumpu kepada pindaan Akta ini.

Tuan Karpal Singh: Tuan Speaker, saya memberi contoh.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh banyak contoh, itu bukan contoh.

Tuan Karpal Singh: Tiga contoh sahaja, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah cukup, satu tak apa. Itu dua sudah terlebih!

Tuan Karpal Singh: Bukan banyak, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak izinkan. Saya sudah benarkan satu, lepas itu kedua.

Tuan Karpal Singh: Baiklah. Tuan Speaker, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Negeri masih berkeras untuk meneruskan dengan pergantungan-pergantungan tanpa mempedulikan badan-badan antarabangsa yang lain. Di Dewan yang mulia ini Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri telah memperkecil-kecilkan the Amnesty International dan beliau telah . . .

Tuan Yang di-Pertua: Ini apa ada hubungan dengan Rang Undang-undang ini.

Tuan Karpal Singh: Ada, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada. Ini pindaan. Kita tidak membahaskan Rang Undang-undang ibu, Akta ibu. Kita hanya meminda undang-undang.

Tuan Karpal Singh: Ada kaitan, Tuan Speaker, oleh kerana dalam masa tidak berapa lama, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada sebut . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya tahu, tetapi itu sesuai (relevant) pada masa itu tetapi irrelevant di sini.

Tuan Karpal Singh: Terima Kasih, saya teruskan. Tuan Speaker, saya tidak dapat memahami bagaimana kita boleh membenarkan seorang Inspector yang masih dalam percubaan atau seorang Acting Inspector mempunyai kuasa-kuasa yang luas itu. Di masa-masa yang lampau statement-statement yang dicatat semasa siasatan polis dijalankan sering kali ditolak oleh mahkamah atas alasan terdapat kemungkinan bahawa pegawai-pegawai polis hanya berminat untuk berjaya dalam siasatan mereka dengan tujuan untuk mendapat convictions. Lagi pengakuan-pengakuan yang kerap kali dibuat di hadapan pegawai-pegawai polis bukan dibuat secara rela tetapi dipaksa akibat kekerasan. Inilah sebabnya mengapa sejak penubuhan undang-undang jenayah Inggeris di negara ini statement-statement atau pengakuan-pengakuan di mana dicatat oleh Magistrate-magistrate sahaja. Seksyen 115 Kanun Jenayah kita telah mempunyai seksyen tersebut sejak bulan Januari 1927.

Tuan Speaker, seorang Magistrate selalunya telah menjadi lambang keadilan (fair play). Beliau adalah seorang yang berkecuali bukan seperti pegawai-pegawai polis dan beliau tidak ada apa-apa sebab untuk menyebelahi pihak Pendakwa Raya atau Pembela. Impartially atau pengecualian inilah yang harus dipelihara lebih-lebih lagi mengadakan pengakuan-pengakuan tersebut boleh mendapatkan seseorang itu didapati bersalah dan dihukum gantung sampai mati.

Tuan Speaker, seorang Magistrate sebenarnya symbolises Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai "fountain of justice". Tuan Speaker, sungguh sedihnya mulai 7hb Januari, 1976 Dewan yang mulia ini telah meminda seksyen 113 Kanun Aturcara Jenayah untuk memperuntukkan bahawa seorang Inspector Polis boleh mencatat kenyataan-kenyataan atau pengakuan-pengakuan dari orang-orang yang dituduh.

Tuan Speaker, pada hemat saya adalah tidak bijak untuk memberikan kuasa-kuasa yang luas seumpama itu kepada pegawai-pegawai polis yang berpangkat Inspector ke atas.

Tuan Speaker, pada masa-masa sekarang seorang Inspector yang disahkan dalam

jawatannya adalah sangat muda dan tidak mempunyai pengalaman yang luas seperti Inspector-inspector Polis yang terdapat di masa penjajahan British di mana Inspector-inspector Polis waktu itu mempunyai pengalaman yang cukup, they rose from the ranks. Mereka juga tidak diberi kuasa untuk mencatat kenyataan-kenyataan atau pengakuan-pengakuan dari orang-orang yang dituduh. Hanya seorang Magistrate dibenarkan mencatat kenyataan-kenyataan atau pengakuan-pengakuan.

Dalam tahun 1976 Parlimen telah memutuskan untuk memberi kuasa-kuasa yang dipunyai oleh Magistrate-magistrate untuk mencatat kenyataan-kenyataan dari orang-orang yang dituduh kepada pegawai-pegawai polis yang memegang jawatan Inspector dan ke atas. Sejak tahun 1976 pihak polis tidak mahu menggunakan Majistrate-majistrate untuk mencatat kenyataan-kenyataan amaran dari orang-orang yang dituduh. Tuan Speaker, mana ada keadilan. Sebuah agency polis yang hanya berminat mendapatkan convictions ke atas seorang yang dituduh itu tidak sepatutnya diberi tugas mencatat kenyataan-kenyataan amaran.

Tuan Speaker, perkara ini menjadi lebih buruk kerana Rang Undang-undang di hadapan kami kerana tugas ini yang dahulunya dipegang oleh Magistrate-magistrate diberi kepada Inspector-inspector Polis yang masih dalam percubaan. Mengapakah kita harus mengambil langkah-langkah ini yang ternyata penuh dengan risiko miscarriage of justice, kita tidak membaiki sistem perundangan kita tetapi sebaliknya kita sedang membuat untold harm kepada konsep natural justice dan kedaulatan undang-undang.

Tuan Speaker, seorang Inspector yang masih dalam percubaan mungkin tidak akan disahkan dalam kerjanya dan mungkin akan diminta meletakkan jawatan. Tetapi Rang Undang-undang di hadapan kita ini akan menjadikan segala perbuatan yang dilakukan sebagai sah di sisi undang-undang. Bagaimanakah ini dapat direconcilekan dengan lojik dan commonsense?

Tuan Speaker, rakyat mengharapkan para legislatures bersikap lebih bertanggungjawab apabila membuat undang-undang yang pada

analisa akhirnya akan menjejaskan orang ramai. Pihak Barisan Nasional tidak sepatutnya menggunakan majoritinya di Dewan yang mulia ini untuk meluluskan undang-undang yang dia suka.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.01 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang untuk meminda Akta Polis 1967. Saya fikir beberapa point yang mustahak perlu diambil berat dan diperhatikan oleh Dewan yang mulia ini sebelum Rang Undang-undang ini diluluskan.

Pertama, apa yang membawa satu keadaan yang membimbang dan mengkhawatirkan kita ialah bolehkah seseorang pegawai polis jika ianya tidak berpengalaman atau berkelayakan yang sewajarnya bila dia memangku atau dalam tempoh percubaan atau dalam tempoh latihan diberikan kuasa-kuasa yang tertentu sepertimana yang dinyatakan dalam pindaan Rang Undang-undang ini untuk umpamanya mencatat kenyataan-kenyataan amaran atau mencatat perakuan-perakuan kerana kesemua ini adalah berkaitan dengan satu masalah pokok iaitu keadilan. Jika sekiranya seseorang pegawai dalam tempoh percubaan atau dalam tempoh pemangkuan atau dalam tempoh latihan maka ianya akan menjalankan kuasanya sepertimana yang dikuasakan dalam pindaan Rang Undang-undang ini, maka jika berlakunya kesilapan orang-orang yang ambil statement atau orang-orang yang terlibat dalam kes-kes yang tertentu maka mungkin satu justice akan dicuainya. Mungkin seseorang yang tidak bersalah atau yang tidak berdosa hanya disyak wasangka sahaja mungkin dari kenyataan-kenyataan amaran atau dalam perakuan-perakuan yang dicatat ini sudah membawa satu keputusan yang tidak adil terhadap seseorang yang terlibat dalam sesuatu kes.

Di sini saya ingin sekali meminta satu jaminan daripada pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa bolehkah pindaan Rang Undang-undang ini untuk meminda Akta Polis ini boleh memastikan

bahawa bila seseorang pegawai polis dalam tempoh percubaan atau dalam tempoh pemangkuan atau dalam tempoh latihan ini ianya adalah mencukupi kelayakan atau pengalaman atau competence untuk menjalankan tugas-tugas sebagai seorang pegawai polis yang benar-benar boleh menjalankan kuasanya. Inilah satu tandatanya yang perlu dijelaskan sebelum sesuatu keputusan dibuat di dalam Dewan yang mulia ini kerana ini adalah berkaitan dengan satu masalah, iaitu masalah keadilan dan juga rule of law.

Kedua, bila pindaan ini dikuatkuasakan bagaimanakah pihak Kementerian boleh menjamin bahawa abuse of power tidak akan berlaku dalam tempoh umpamanya satu kuasa yang begitu besar akan diberikan kepada seseorang pegawai polis dalam tempoh percubaan, dalam tempoh pemangkuan atau dalam tempoh latihan kalau ia kurang pengalaman atau kurang kelayakan, mungkin dia akan salah jalankan kuasanya. Itulah perlu diambil berat.

Ketiga, saya fikir bila seseorang pegawai polis menjalankan tugasnya, khasnya yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai saya harap kuasa ini jangan disalahgunakan dan juga imej pasukan polis ini perlu diperindungi supaya peristiwa yang berlaku di Bukit Mertajam pada permulaan tahun ini di mana seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang diseret keluar dari kereta kerana parking pada tempat yang dianggap salah, sebenarnya ada salah faham di antara pegawai polis ini dengan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri dari Pulau Pinang. Kalau peristiwa serupa ini yang berlaku di Bukit Mertajam diteruskan tidak ada apa-apa tindakan diambil untuk mendisiplinkan atau untuk mentata-tertibkan pegawai-pegawai polis ini, mungkin imej pasukan polis ini akan merosot kerana di depan mata orang ramai nampaknya pegawai polis ini sudah menyalahgunakan kuasa untuk menjalankan tugasnya. Jika seseorang umpamanya salah parking keretanya, yang paling besar (serius) kesalahannya ialah satu kompaun diberikan tetapi bagaimana boleh seorang Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri sehingga kad identitinya ditunjukkan pun diseret keluar sehingga

seluarnya pun dikoyak dalam keadaan pertikaian.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*).

Saya bukan kata seseorang Wakil Rakyat tidak seharusnya dihukum atau dikompaun—tidak. Walaupun terhadap seorang rakyat biasa, peristiwa yang berlaku di Bukit Mertajam ini tidak seharusnya diulangi lagi di mana-mana bahagian atau di mana-mana kawasan di negara kita.

Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberitahu satu jaminan. Pertama, ialah bukan sahaja tindakan tata-tertib betul diambil terhadap pegawai polis yang terlibat dalam peristiwa ini. Kedua, ialah satu arahan boleh dikeluarkan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri supaya semua pegawai-pegawai polis boleh diingatkan bila menjalankan tugas mereka. Kalau bukan satu kes jenayah yang terlibat, umpamanya senjatapi, maka kuasa ini jangan disalahgunakan sehingga boleh melukai badan seseorang rakyat biasa, apa lagi seorang Wakil Rakyat. Itulah permintaan saya. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan satu penjelasan tentang kedua-dua perkara yang saya utarakan. Sekian sahaja.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.05 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Sanusi bin Junid): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kepong, Hilir Perak, Panti dan Kangar yang telah menyokong pindaan kepada Akta Polis, 1967. Saya berasa kesal atas kecaman-kecaman yang dibuat oleh Wakil-wakil dari Bukit Bendera dan Jelutong yang menentang pindaan Akta ini.

Adalah penting diingat bahawa dalam usaha polis untuk menjaga keselamatan dan keamanan negara ianya memerlukan pegawai dan anggota yang mencukupi. Oleh kerana pihak Kerajaan memandang serius kepada

masalah keselamatan, maka ianya telah mengambil langkah untuk menambah pegawai-pegawai untuk menampung keperluan.

Sebagai contoh, sehingga 2hb Mac, 1981 jumlah Inspektor dalam pasukan polis ialah 1,643 orang, sementara jumlah Inspektor Percubaan ialah 1,892 orang. Adalah menjadi syarat perkhidmatan bagi seseorang itu menjalani masa percubaan selama 3 tahun sebelum disahkan ke dalam satu-satu jawatan seperti Inspektor. Oleh kerana perkembangan jenayah tidak menunggu sehingga kesemua pegawai atau Inspektor sudah disahkan dalam jawatan mereka, maka tanpa merubah syarat perkhidmatan kerana memandangkan syarat ini perlu, kita perlu menjelaskan definasi Inspektor supaya termasuk Inspektor Percubaan. Bukanlah tujuan pindaan ini untuk membolehkan mereka yang dikatakan oleh Pembangkang tidak layak untuk menjalankan tugas tetapi untuk memberi kuasa yang jelas kepada pegawai-pegawai cubaan yang telah dilatih dan didapati layak walaupun tempoh percubaannya belum tamat. Walaupun Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera seorang peguam, perlulah saya ingatkan di sini satu contoh di mana Bab 1, seksyen 1 Kanun Acara Jenayah memberi definasi Inspektor Polis sebagai Inspektor walau dalam peringkat apa sekalipun, kecuali Sub-Inspektor.

Inspektor Percubaan pula berpangkat lebih tinggi dari Sub-Inspektor dan dimasukkan dalam golongan pegawai kanan Polis. Oleh kerana Akta Polis 1967 tidak menjelaskan kuasa Inspektor Percubaan, kerana mereka dianggap termasuk dalam definasi Inspektor maka Akta (Pindaan) ini menjadi perlu untuk menjelaskan sesuatu semoga tidak dipertikaikan sehingga menguntungkan penjenayah.

Tentulah ada peguam yang selalu membela yang dituduh ingin pindaan ini ditiadakan supaya mereka yang dibela dapat terlepas kerana sebab-sebab teknikal seperti keliru dengan definasi. Usaha ini menguntungkan pelanggan mereka.

Oleh kerana masa percubaan tidak lama bagi pegawai Polis dalam percubaan atau Pegawai Kadet maka mereka perlulah

bersabar untuk mendapat kedudukan tetap dengan gaji dan kemudahan yang sepadan. Walau bagaimanapun, mereka memang mendapat elaun memangku dan elaun tanggung kerja. Kakitangan Polis dari Konstabel hingga ke Inspektor mendapat pakaian baru setiap tahun dan boleh diganti jika rosak atau koyak. Bagi pegawai yang lebih tinggi mereka mendapat elaun pakaian. Tidak ada sebab kenapa anggota pasukan Polis kita tidak smart sebagaimana yang dirayu oleh Wakil dari Kangar.

Atas dakwaan wakil Bukit Bendera yang bermaksud bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak ikut rule of law, perlulah diingat bahawa kerana Barisan Nasional selalu ikut rule of lawlah maka kita memerintah begitu lama dan Parti Barisan Nasional sebagai contoh berada di dalam keadaan baik dan tidak seperti keadaan setengah-setengah parti Pembangkang yang diketahui tidak berdisiplin.

Wakil dari Jelutong telah menyatakan Kerajaan meminda Akta jika didapati tidak menguntungkan Kerajaan. Ini adalah satu tuduhan yang tidak bertanggungjawab sama sekali kerana Kerajaan yang dipilih oleh rakyat membuat undang-undang untuk kepentingan rakyat dan bukan untuk kepentingan Kerajaan. Dengan membuat pindaan ini bukanlah bererti Kerajaan memperkecilkan kebijaksanaan Hakim kerana adalah menjadi tugas Parlimen untuk membahas dan membuat undang-undang. Kerajaan Barisan Nasional sentiasa menyanjungi kebijaksanaan para Hakim sebagaimana juga para Hakim sentiasa menghormati keputusan Parlimen.

Merujuk kepada hujah Wakil dari Kota Melaka, adalah perlu diingat bahawa tujuan pindaan bukan untuk menghukum yang tidak bersalah, tetapi untuk memastikan yang bersalah tidak terlepas kerana definasi. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, pihak Polis juga tidak terlepas dari undang-undang yang ada di dalam negara ini. Ini adalah jaminan, kuasa tidak disalahgunakan.

Tidak ada sebab bagi Wakil-wakil dari Bukit Bendera dan dari Kota Melaka untuk mencurigai kemampuan polis menggunakan kuasa dengan adil dan bijaksana kerana rekod

Pasukan Polis kita adalah antara yang terbaik di dunia. Oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional demokratik dan memerintah mengikut undang-undanglah maka jika ada yang tidak jelas di segi undang-undang dibawa ke dalam Parlimen untuk penjelasan walaupun pindaan mengandungi hanya tiga angka dan dua perenggan pendek sahaja.

Semua pendapat lain yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyokong usul ini mendapat perhatian pihak Kementerian. Terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 3 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA (PINDAAN)1981

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.18 ptg.

Menteri Kebajikan Am (Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang bernama Akta untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, 1947 dibaca kali yang kedua.

Tujuan meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, 1947 ialah untuk menambah peruntukan hukuman penjara dan denda maksima di bawah undang-undang tersebut terhadap kesalahan mendera dan memperdagangkan kanak-kanak dan orang muda supaya membolehkan pihak penguatkuasa mengawal masalah ini dengan lebih berkesan.

Kita sedia maklum bahawa masalah mendera dan memperdagangkan kanak-kanak termasuk percolekan yang berlaku pada awal tahun 1980 telah mengancam keselamatan dan kebajikan kanak-kanak di negara ini. Keadaan ini telah menimbulkan perasaan bimbang di kalangan ibubapa terhadap keselamatan anak-anak mereka dan oleh itu kita terpaksa bertindak untuk mengatasinya dengan cuba mengemaskinikan hukuman-hukuman yang sedia ada bersabit dengan kesalahan-kesalahan tersebut.

Pihak penguatkuasa kita mengalami kesulitan bagi mengawal masalah ini kerana hukuman-hukuman yang sedia ada di bawah undang-undang tersebut difikirkan agak lemah dan perlu diperbaiki.

Hukuman-hukuman yang dimaksudkan itu ialah bersabit dengan kesalahan-kesalahan berkaitan dengan mendera, memindah milik, melindungi atau mempunyai dalam milik, jagaan atau kawalan ke atas seseorang kanak-kanak dengan tidak sah dan membawa masuk kanak-kanak secara menipu.

Bagi memulihkan keadaan ini cadangan adalah dibuat untuk menambah hukuman-hukuman ini supaya seimbang dengan kesalahan dan nilai mata wang pada masa ini. Hukuman-hukuman yang ditambah adalah seperti berikut:

(a) Hukuman terhadap kesalahan mendera kanak-kanak dan orang muda—Seksyen 3 (1) iaitu tempoh penjara maksima dua tahun atau denda tidak melebihi seribu ringgit atau kedua-duanya, ditambahkan kepada tempoh penjara maksima dua tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya.

(b) Hukuman terhadap kesalahan memindah milik, jagaan atau kawalan

ke atas seseorang kanak-kanak dengan tidak sah—Seksyen 22 (1)—iaitu tempoh penjara maksima dua tahun ditambahkan kepada penjara lima tahun. Dicadangkan juga hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya memandangkan bahawa kesalahan itu adalah berat.

(c) Hukuman terhadap kesalahan melindungi atau mempunyai dalam milik jagaan atau kawalan seseorang kanak-kanak tanpa kebenaran atau alasan yang sah—Seksyen 22 (2)—iaitu tempoh penjara maksima dua tahun ditambahkan kepada tempoh penjara lima tahun. Dicadangkan juga hukuman denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

(d) Hukuman terhadap kesalahan membawa masuk kanak-kanak dengan menipu—Seksyen 23—iaitu tempoh penjara maksima dua tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau kedua-duanya, ditambahkan kepada tempoh penjara lima tahun atau denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau kedua-duanya.

Satu lagi kelemahan ialah undang-undang ini meletakkan beban bukti mengenai kesalahan memiliki kanak-kanak yang tidak sah di sisi undang-undang kepada pihak pendakwa. Keadaan ini tidak memuaskan kerana orang-orang yang tidak bertanggungjawab boleh dengan mudahnya melepaskan diri daripada hukuman undang-undang akibat bukti tidak cukup.

Cadangan adalah dibuat bagi mengadakan satu peruntukan anggapan dalam undang-undang bagi memudahkan pihak penguatkuasa membuktikan kesalahan sama ada secara melindungi atau mempunyai dalam milik, jagaan atau kawalan seseorang kanak-kanak tanpa kebenaran. Peruntukan anggapan baru ini akan memindahkan beban bukti bagi kesalahan-kesalahan tersebut daripada pihak pendakwa kepada pihak pembela. Pindaan ini perlu memandangkan adanya kanak-kanak yang tinggal jauh daripada keluarga mereka sendiri secara sah dan ini memberi peluang bagi orang-orang

yang tidak bertanggungjawab menggunakan situasi itu menyamar diri memperdagangkan kanak-kanak untuk keuntungan diri mereka. Keadaan ini telah menyulitkan pihak polis memperolehi bukti bagi menghadapkan mereka ke mahkamah dan peruntukan yang dicadangkan ini akan memudahkan pihak penguatkuasa untuk mengambil tindakan menurut undang-undang.

Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini bukan sahaja akan menjadi satu cara pencegahan kepada bakal pesalah-pesalah bahkan juga akan membantu pihak penguatkuasa mengawal keselamatan kanak-kanak kita dengan lebih berkesan.

Butir-butir mengenai peruntukan-peruntukan Rang Undang-undang ini boleh didapati di dalam Huraian kepada Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda tahun 1947 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya jemput Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

4.24 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi sedikit pandangan saya terhadap Rang Undang-undang (Pindaan) dinamakan Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda tahun 1981 yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Rang Undang-undang ini sebenarnya sepertimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi ada diperkenalkan dengan tujuan untuk menambah denda maksima ataupun menambah hukuman ke atas mereka yang didapati bersalah yang telah didakwa di mahkamah kerana kesalahan memberi layanan buruk atau mendera serta

memperdagangkan kanak-kanak atau orang muda.

Tuan Yang di-Pertua, demi keselamatan kanak-kanak, saya suka menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Peruntukan Undang-undang yang terdapat sekarang berhubung dengan denda maksima ke atas mereka yang telah didapati bersalah kerana mendera atau memperdagangkan kanak-kanak adalah pada anggapan saya tidak lengkap dan tidak kemas dan tidak ketat juga, maka denda yang lebih keras hendaklah dikenakan sebagai satu hukuman atau satu denda maksima hendaklah dikenakan ke atas mereka yang telah didapati melakukan kesalahan itu.

Pada hemat saya, penambahan denda di bawah Fasal 22 (1) Akta asal berhubung dengan memperdagang atau kesalahan memindahmilik jagaan atau kawalan ke atas kanak-kanak dengan tidak sah daripada 2 tahun yang ada sekarang kena 5 tahun hukuman penjara serta memasukkan hukuman denda yang tidak lebih daripada \$10,000 atau kedua-duanya sekali, adalah amat sesuai. Ini berikutan daripada hakikat yang ada sekarang bahawa terdapat banyak kes ataupun banyak contoh perbuatan mencolek bayi-bayi dan kes-kes ini pun telah berlaku pada masa yang lepas misalnya di Pulau Pinang ada banyak kes mencolek bayi-bayi dan juga terdapat negeri-negeri lain termasuk di Selangor dan Wilayah Persekutuan. Dan akibat kes-kes mencolek bayi-bayi itu telah menjadi barang dagangan untuk dijual beli.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah berucap mengenai perbuatan mencolek bayi-bayi di dalam Dewan ini pada masa-masa yang lalu dan saya telah juga menggesa pihak Kerajaan supaya mengambil satu pandangan yang lebih tegas ke atas mereka yang terlibat dan sesungguhnya hukuman atau denda yang lebih berat mestilah dijatuhkan ke atas mereka.

Saya suka mencadangkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan tidak sahaja menjatuhkan hukuman denda yang lebih berat ke atas orang-orang yang terlibat bahkan juga Kerajaan hendaklah mempergiatkan usahanya untuk membenteras ataupun melumpuhkan serta membasmi semua kegiatan mencolek bayi.

Saya yakin bahawa dengan kerjasama orang ramai pihak polis atau pihak yang berkuasa dapat melancarkan satu kempen untuk melumpuhkan sindiket-sindiket yang terlibat di dalam aktiviti mencolek bayi.

Tuan Speaker, pindaan kepada Fasal 3 Akta Kanak-kanak dan Orang Muda adalah juga amat sesuai dengan bertujuan untuk mengenakan hukuman denda yang lebih berat ke atas mereka yang memberi layanan buruk atau mendera anak-anak, serta juga amat sesuai pindaan kepada seksyen 23 dengan menambah hukuman penjara yang maksima daripada “dua” tahun kepada “lima” tahun kerana satu kesalahan membawa masuk seseorang kanak-kanak tanpa kebenaran atau alasan yang sah.

Tuan Speaker, di atas hujah-hujah yang telah disampaikan oleh saya tadi, saya suka menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini dan apa yang saya suka lihat dan ini ialah satu perkara yang saya ingin menitikberatkan di sini dan itu ialah sebagai hasil pindaan kepada Akta ini.

Apa yang mustahak ialah penguatkuasaan (enforcement) supaya Rang Undang-undang ini apabila telah diluluskan oleh Parlimen boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan lagi. Untuk berbuat demikian, saya suka mencadangkan di sini bahawa Kementerian Kebajikan Am hendaklah memastikan bahawa ianya mempunyai kakitangan yang mencukupi bagi melaksanakan tugas-tugas sebaik sahaja Rang Undang-undang ini diluluskan oleh Parlimen.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

4.32 ptg.

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Suatu Akta untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan takrif Akta ibu bahawasanya kanak-kanak itu ialah orang-orang yang berumur 14 tahun ke bawah dan sesuai dengan negara kita ini ramainya atau sebahagian besar terdiri daripada golongan muda 21 tahun ke bawah dan di samping itu sepertimana yang disebutkan

oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab sekejap tadi bahawa akhir-akhir ini telah dapat dikesankan adanya sasaran penganiayaan secara langsung atau secara tidak langsung terhadap kanak-kanak sama ada yang mengambil bentuk pencolekan ataupun sebagainya, maka pindaan kepada Akta ini adalah suatu perkara yang patut dialu-alukan dan juga kiranya pada masa-masa hadapan difikirkan penambahan kepada denda sama ada yang berbentuk jel, penjara ataupun denda ini daripada “dua” tahun kepada “lima” tahun dan daripada \$5,000 kepada \$10,000, ini dirasai sesuatu perkara yang belum dapat mencegah bakal-bakal penjenayah; maka saya minta pihak Yang Berhormat Menteri berkenaan pada masa-masa ke hadapan jangan teragak-agak untuk membawa suatu pindaan yang baru supaya benar-benar berkesan terhadap kebajikan (welfare) kanak-kanak di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam dunia yang serba moden ini, apatah lagi dapat dicontohi dengan berbagai-bagai cerita melalui media massa sama ada akhbar-akhbar ataupun majallah-majallah dan tidak kurang juga melalui cerita-cerita televisyen dan wayang gambar (cinema), peristiwa-peristiwa pencolekan ini tidak dapat kita rule out sama sekali daripada negara kita ini. Dengan cara yang demikian ini adalah diharapkan sekurang-kurangnya kita akan mengurangkan orang-orang yang telahpun menjadi profesional di dalam hal ini.

Yang keduanya, kita akan dapat menghalang potential professional di bidang pencolekan atau jenayah di bidang penggunaan kanak-kanak ini.

Saya tertarik sekali, Tuan Yang di-Pertua, dengan pindaan ataupun penambahan kepada seksyen 22 yakni dengan tambahan seksyen kecil baru (2A), dengan izin:

“(2A) Any person who harbours or has in his possession, custody or control any child without lawful authority or excuse shall, until the contrary is proved, be presumed to have contravened the provisions of subsection (2)”.

Ertinya, mereka itu akan didenda dengan tidak lebih daripada lima tahun penjara

ataupun tidak melebihi denda sebanyak \$10,000.

Yang membuat tambahan ini interesting ialah ini adalah merupakan satu-satunya ataupun di antara beberapa undang-undang yang meminta supaya orang yang dituduh itu membuktikan bahawa mereka tidak bersalah kerana kalau inilah yang dapat saya tafsirkan betul-betul dengan istilah, "until the contrary is proved" yakni sesiapa yang dituduh melanggar Akta ini mengikut seksyen 22 (2A) ini terpaksa membuktikan bahawa mereka itu tidak bersalah, maka ini merupakan satu lagi halangan kepada mereka yang bercadang ataupun yang berminat di bidang ini kerana kadangkala susah sekali bagi pihak pendakwa untuk membuktikan bahawa pihak yang dituduh (defendant) itu bersalah kerana berbagai-bagai helah berbagai-bagai cara boleh dibuat untuk melarikan diri, untuk mengelakkan diri daripada cengkaman undang-undang sekiranya sesuatu perkara itu berlaku. Apatah lagi apabila seseorang yang dianggap kanak-kanak itu kalau umurnya di bawah 14 tahun dan apatah lagi kalau kanak-kanak itu umurnya belum lagi menjangkau zaman umur baligh, maka memang susah bagi pihak pendakwa untuk membuktikan sesuatu perkara itu kerana yang menjadi saksi penting ialah kanak-kanak sendiri kerana kita tidak boleh memaksa kanak-kanak itu mengeluarkan pendapat walaupun pendapat itu betul ataupun salah, maka boleh jadi juga kalau kanak-kanak itu berumur, katakan sepuluh tahun hingga 14 tahun; mungkin juga kanak-kanak itu akan merasai takut untuk menceritakan perkara yang sebenar apabila diperiksa atau ditanya oleh pihak pendakwa kerana mungkin semasa pencolekan sebagai contoh, kanak-kanak ini telah diugut, kanak-kanak ini telah dibuat dengan berbagai-bagai cara sehingga timbul satu perasaan takut kepada kanak-kanak itu. Maka dengan cara demikian, saya yakin dan percaya—saya bercakap ini sebagai seorang layman bukan seorang ahli undang-undang, saya yakin dan percaya memang susah hendak mendapatkan bukti daripada kanak-kanak itu terhadap perkara yang sebenarnya berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga meminta supaya bukan pada hari ini tetapi pada masa hadapan pihak Menteri berkenaan supaya

melihat dan mengkaji Seksyen 4 (1) Akta ini yang dipinda misalnya (*Dengan izin*):

4 (1) "Any person who causes or procures a child, or, having the custody, charge or care of a child, allows that child, to be in any street, premises, or place for the purpose of begging or receiving alms....."

Denda yang dikenakan itu:

....shall, on conviction, be liable to imprisonment for a term not exceeding three months, or to a fine not exceeding two hundred and fifty ringgit, or to both."

Tuan Yang di-Pertua, misalnya setelah kita mengetatkan undang-undang dengan meminda penalti kepada Seksyen 22 dengan menambahkan lagi ceraihan (2A) maka mungkin Seksyen 4 (1) ini akan menjadi satu pintu baru kerana tajuk atau sub-title di sini begging. Begging maksudnya boleh mengambil berbagai bentuk, misalnya, kita tidak dapat mengatakan seorang kanak-kanak itu bergerak daripada rumah ke rumah meminta derma jika sekiranya di belakang kanak-kanak itu ada sindiket yang memaksa mereka minta derma dalam bentuk begging ataupun kita tidak dapat menganggap kanak-kanak itu mencari derma kalau sekiranya kanak-kanak itu membawa pesanan-pesanan yang tertentu daripada golongan-golongan yang tertentu (interested party) kepada orang-orang yang tertentu. Sekiranya perkara itu berlaku maka apalah ertinya denda 3 bulan maksima ataupun \$50 maksima. Saya mengharapkan selaras dan sejajar dengan pindaan yang diminta oleh Menteri berkenaan pada petang ini yang mana saya menyokongnya, maka bahagian ini dan mungkin dalam bahagian-bahagian lain sekiranya didapati kelonggaran ataupun satu perkara yang tidak dapat menolong menghindarkan berlakunya jenayah yang akan menggunakan kanak-kanak ini, maka ianya hendaklah diperketatkan.

Satu perkara lagi saya minta pihak berkenaan supaya meneliti mengenai penggunaan tenaga kanak-kanak yakni yang di bawah umur 14 tahun sama ada kanak-kanak itu digunakan untuk bekerja dalam perkara yang kita anggap sebagai moral ataupun dalam bidang-bidang yang kita anggapkan immoral. Maka kedua bidang ini

hendaklah diperiksa dan diperhatikan oleh orang yang dianggap sebagai protector di dalam Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 ini kerana selain daripada kanak-kanak sepatutnya tidak dibenarkan bekerja tetapi juga kanak-kanak itu kalau bekerja janganlah dibenarkan bekerja di luar kemampuan mereka itu dan apatah lagi kalau kedatangan adanya unsur orang-orang ataupun kumpulan yang mengimport kanak-kanak daripada luar negeri ataupun hendak mengekspor kanak-kanak keluar negeri dengan tujuan-tujuan yang tertentu. Di dalam hal ini saya minta supaya pihak Kementerian Kebajikan Am hendaklah sentiasa berhubung rapat dengan pihak Imigeresen supaya menentukan setiap kanak-kanak yang hendak keluar negeri ini kanak-kanak yang berumur 14 tahun hendaklah mempunyai sekatan-sekatan yang tertentu.

Saya sedar dan insaf bahawa sebelum sesuatu passport antarabangsa dikeluarkan kepada sebarang rakyat Malaysia yang berumur 21 tahun ke bawah maka kebenaran bertulis hendaklah didapati daripada bapanya yang sah ataupun kalau bapanya yang sah tidak ada maka penjaga ataupun ibunya yang sah dan disokong dengan surat-surat atau dokumen yang mengatakan bapanya sudah meninggal dunia. Dalam pada itu mungkin sesuatu perkara dapat berlaku, dan di sinilah, di arena atau bidang inilah saya minta di bidang kebajikan supaya Menteri berkenaan berunding dan melihat bersama dengan pihak berkuasa Imigeresen supaya perkara ini tidak dibenarkan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, kita selalu mendengar bahawa mobilisasi ataupun pergerakan orang-orang muda terutama sekali daripada golongan wanita yang bertujuan lucah (immoral) dibawa daripada satu negeri ke satu negeri. Ini juga tidak dapat dinafikan berlakunya daripada negeri jiran dimasukkan ke negara kita ini dan di samping itu tidak dapat dinafikan juga berlakunya daripada negeri kita ini mungkin berlaku keluar ke negeri-negeri lain. Maka dalam apa bentuk dan tujuan sekalipun, saya minta supaya Menteri berkenaan sekiranya terdapat keadaan yang agak suspicious, maka kemasukan orang-orang muda atau kemasukan kanak-kanak ke negara ini hendaklah diambil satu tindakan yang berat.

Di dalam bidang ini maka sampailah kepada masalah penalti ataupun denda yang ditentukan itu sama ada di bawah Seksyen 22 ataupun di bawah Seksyen 4 (1) sebagaimana yang saya sebutkan tadi supaya dengan ini kita mengharapkan bukan sahaja anasir-anasir daripada luar negeri dibawa melalui kanak-kanak itu, umpamanya, selain daripada tujuan-tujuan immoral bahkan boleh jadi juga kanak-kanak itu dijadikan sebagai satu agen, transport agency ataupun alat untuk mengangkut barang-barang berbahaya seperti dadah dan sebagainya, kerana lumrah alam apabila seseorang itu berhadapan dengan kanak-kanak sudah tentu soal pemeriksaan dan sebagainya terhadap kanak-kanak itu sama ada di sempadan atau di mana sekali pun pemeriksaan itu sudah tentu tidak serapi pemeriksaan terhadap orang dewasa yang dicurigai. Kanak-kanak itu selalunya kita beri keistimewaan kepada mereka itu. Adalah menjadi satu perkara biasa dalam masyarakat kita apabila kita berhadapan dengan kanak-kanak atau orang-orang tua yang uzur maka keutamaan diberikan bukan sahaja tempat duduk dalam kenderaan, tetapi segala keutamaan kita berikan kepada mereka itu. Saya mengharapkan keutamaan (courtesy) yang ditunjukkan oleh masyarakat terhadap kanak-kanak dalam bidang ini hendaknya jangan disalahgunakan oleh pihak yang mempunyai kepentingan yang tertentu. Dengan itu, saya minta sekali lagi Menteri berkenaan supaya berunding dan bekerjasama dengan pihak berwajib yang lain supaya hendaklah meletakkan perasaan syakwasangka atau suspicion bukan sahaja kepada orang dewasa bahkan juga kepada kanak-kanak apabila kanak-kanak itu masuk ke negara ini, bukan sahaja dari segi kanak-kanak sebagai seorang yang hendak memasuki negara ini tetapi juga kanak-kanak sebagai agen atau pun bahan untuk digunakan sebagai alat pengangkutan membawa sesuatu perkara dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mendengar berita, ini pernah berlaku di satu tempat, bukan di negara ini, berita ini saya tidak tahu sama ada salah atau betul, pada tahun lepas telah timbul satu cara untuk mentransportkan dadah dengan menggunakan bayi. Alhamdulillah, ini tidak berlaku di negara ini. Bayi itu dicuri daripada

satu keluarga kemudian saya harap perkara ini tidak betul—dikatakan telah dibunuh dan dikeluarkan benda di dalam perutnya itu kemudian daripada itu diperbaiki kembali setelah dipenuhi dengan bahan-bahan itu dibawa dalam pengangkutan dengan alasan anak itu tidur. Oleh sebab itulah pada awal tahun lepas kita dengar berita daripada sebuah negara luar, walaupun tidak melalui akhbar, ibubapa dari sebuah negeri berkenaan sangat takut, sangat mencurigai hendak meninggalkan bayi-bayi mereka itu. Ini juga patut diperhatikan. Saya tidak mengatakan perkara ini akan berlaku tetapi hanya saya menceritakan suatu cerita yang saya dengar, sama ada perkara ini betul atau salah, wallahualam.

Walaupun bagaimanapun, saya doakan perkara ini tidak betul dan saya harap perkara ini tidak pernah berlaku.

Walaupun demikian, kita mengharapkan cerita-cerita walaupun dongeng ataupun tidak seperti ini hendaklah menjadi satu bahan rujukan kepada Kementerian Kebajikan Am dan juga pihak-pihak keselamatan dan juga pihak Imigresen di dalam negara ini, maka dengan ini saya memohon menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, 1947.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

4.51 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, dari segi penambahan denda dan hukuman penjara ini pada prinsipnya saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947. Tetapi nampaknya beberapa point di segi yang mustahak sudah ketinggalan dan tidak dibangkitkan ketika Rang Undang-undang ini dibawa untuk perincian Dewan yang mulia ini.

Pertama Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am tidak menyatakan apakah sebab-sebab musababnya sudah berlaku sindiket-sindiket untuk mencolek bayi-bayi atau kanak-kanak di Malaysia. Faktor-faktor yang mustahak ini perlu diberitahu kepengetahuan Dewan yang mulia ini, barulah kita boleh mempertimbangkan apakah jenis

hukuman yang perlu diadakan untuk mencegah berlakunya kes-kes atau kenyataan-kenyataan pencolekan bayi-bayi dan kanak-kanak. Selama ini Dewan yang mulia ini masih belum diberitahukan adakah kerana berlakunya sindiket-sindiket pencolekan bayi-bayi kerana disebabkan rancangan keluarga sehingga pasangan hidup tidak dapat anak dalam masa yang dirancangan atau disebabkan kerana sudah berlakunya satu masalah sosial yang serius di Malaysia maka bayi-bayi sudah dijadikan satu jenis perdagangan di Malaysia di mana bayi-bayi ini dihantar dieksport atau untuk dibeli oleh pasangan hidup yang tidak dapat melahirkan anaknya. Kesemua masalah ini perlu dikesani terlebih dahulu sebelum kita menentukan apakah jenis hukuman perlu diadakan umpamanya wajar atau tidak wajar hukuman denda dinaikkan dari \$5,000 ke \$10,000 dan hukuman penjara dari dua tahun ke lima tahun. Kalaulah faktor-faktor yang mengakibatkan pencolekan bayi berkenaan ada berkaitan dari segi perdagangan maka hukuman ini kalau dijalankan saya fikir tidak akan berkesan untuk mencegah berlakunya bahawa kanak-kanak atau bayi-bayi yang selalu dicolek tanpa kita mengetahui atau mengesani sabab-musababnya. Saya harap nanti Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am boleh memberitahu kita apakah sudah berlaku di Malaysia dalam bidang pencolekan bayi-bayi ini, bolehkah dengan pindaan ini untuk menjamin bahawa kenyataan pencolekan bayi-bayi ini tidak akan berulang lagi kerana ada hukuman dari segi undang-undang dan juga pada keseluruhannya.

Kalau kita tinjau dari segi Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 ini nampaknya ada beberapa kelemahan masih belum diperlengkapkan khasnya jika sekiranya seseorang kanak-kanak dianiaya atau disiksa baik oleh ibubapanya atau oleh orang-orang yang bertanggungjawab untuk menjaga kanak-kanak ini maka biasanya apakah hukuman akan dikenakan yang lebih wajar boleh mencegah perkara ini berlaku baik dari segi rohani atau dari segi jasmani, bukan hanya umpamanya jika kanak-kanak ini dipukul oleh ibubapa atau orang yang bertanggungjawab kepada kanak-kanak ini barulah dihukum atau didenda. Tetapi bagaimana pula dari segi rohani, umpamanya

dari layanan yang kita tidak nampak di mana kanak-kanak ini dianiaya atau disiksa? Saya harap Rang Undang-undang ini boleh memperlengkapkan Akta yang berkenaan supaya; pertama, jika sekiranya ada didapati anak-anak atau kanak-kanak yang menjalankan atau terlibat dalam kenyataan-kenyataan anti sosial maka ibubapa perlu dihukum, ini barulah lebih berkesan untuk memaksa ibubapa menjaga atau mendidik atau mengasuh anak-anak mereka sendiri bukan hanya dari segi undang-undang sahaja.

Pada masa sekarang kita dapati kalaulah anak-anak mereka melanggar undang-undang atau membuat satu perkara yang anti sosial biasanya ibubapa tidak dihukum, maknanya ini menjadi masalah berkaitan dengan budak-budak hendak membuat satu perkara yang anti sosial yang mengenai undang-undang kerana asuhan dari keluarganya dan ini adalah merupakan satu tanggungjawab keluarganya, sebab kecauaian ibubapa untuk mengasuh dan mendidik anak-anak mereka. Sebenarnya yang dihukum bukan sahaja kanak-kanak yang dihukum, perlu juga ibubapa yang bertanggungjawab atau orang-orang yang bertanggungjawab. Sehingga hari ini undang-undang Malaysia atau Dasar Kebajikan Am Malaysia masih belum memberikan perhatian atau titikberat atas point ini, apakah tindakan yang lebih berkesan boleh diambil untuk memaksa kaum ibubapa untuk mengasuh dan mendidik kanak-kanak mereka supaya pemuda-pemudi kita dan kanak-kanak kita tidak akan membuat apa-apa kenyataan yang anti sosial. Dan juga saya tidak tahu bahawa adakah cukup beratnya hukuman yang dicadangkan dalam pindaan ini umpamanya hukuman wang dari \$5,000 ke \$10,000 dan penjara dari dua tahun ke lima tahun. Jika kita dapati bahawa ada kanak-kanak hak asasi kemanusiaannya sudah dianiaya atau sudah dilanggar atau maruah kemanusiaan sudah dicaci baik dari segi rohani atau jasmani.

Di sini saya perlu menarik perhatian Kementerian Kebajikan Am bahawa satu rancangan atau satu dasar perlindungan kanak-kanak yang lebih lengkap perlu dicadangkan untuk melindungi kehidupan kebajikan kanak-kanak kita yang lebih sempurna baik dari segi rohani atau jasmani bukan sahaja kanak-kanak yang

didapati dipukul barulah hukuman dikenakan atau kanak-kanak dihantar ke social welfare. Saya fikir kalau kita hanya menitikberatkan dari segi undang-undang, maka saya yakin pindaan ini kepada Akta Kanak-kanak dan Orang Muda tidak akan berkesan untuk mencegah bagaimana kanak-kanak kita boleh dipelihara daripada disiksa dan teraniaya atau dicolek.

Yang kedua, bagaimana untuk menjamin kanak-kanak kita tidak diperkudakan sebagai kuda-kuda baik dalam pasaran buruh atau dalam kehidupan mereka pada ketika di bawah tanggungjawab ibubapanya. Selama ini kita lihat atau kita selalu terbaca dalam suratkhobar-suratkhobar tempatan menyiarkan tentang bagaimana seseorang budak dianiaya atau disiksa oleh orang-orang yang bertanggungjawab atau oleh ibubapanya, tetapi ibubapa langsung tidak dihukum, apa sebab? Kalau di negeri Taiwan umpamanya satu contoh yang baik, jika sekiranya seorang anak didapati adalah melanggar kepentingan negara atau membuat sesuatu perkara yang melanggar dengan kepentingan orang ramai, maka yang dihukum ialah ibubapa yang bertanggungjawab. Jadi bolehkah Malaysia diberikan masa untuk mengkaji satu undang-undang yang lebih lengkap untuk memaksa ibubapa memberikan lebih masa dan tenaga dalam mengasuh anak mereka bukan sahaja dari segi undang-undang, dari segi undang-undang hukuman hanya sebagai langkah yang negatif bukan langkah yang positif kerana yang mustahak kita perlu mengesani apa sebabnya umpamanya berlaku pencolekan dan Menteri Kebajikan Am perlu memberitahu Dewan ini.

Yang ketiga, apa sebabnya begitu ramai kanak-kanak kita hari ini selalu terlibat dalam kegiatan anti sosial umpamanya minta sedekah, terlibat dalam kes-kes kecurian atau rompakan dan lain-lain atau membuat satu perkara yang ada menjatuhkan maruah manusia.

Keempat kita perlu memberikan perhatian bagaimana satu undang-undang boleh diadakan supaya kanak-kanak di bawah umur 14 tahun atau lebih rendah umurnya supaya jangan terlalu diperkudakan baik di bidang perniagaan atau di pasaran buruh. Sebab itu saya harap Yang Berhormat

Menteri Kebajikan Am boleh memberitahu Dewan yang mulia ini ketiga-tiga soalan yang saya kemukakan.

Saya bukan mengatakan menambahkan hukuman denda dan penjara itu tidak mustahak, memang sangat mustahak tetapi bukan satu langkah yang positif untuk mencegah masalah-masalah yang kita bincangkan tadi. Saya fikir langkah-langkah yang lebih positif ialah tadi saya ada memberikan contoh bagaimana dari segi tanggungjawab ibubapa kalau kita dapati anak-anak sudah membuat satu perkara yang ada bertentangan dengan kepentingan negara dan kepentingan orang ramai maka ibubapa juga perlu dihukum bukan sahaja kanak-kanak diberikan satu layanan seperti mana ada ternyata dalam Akta Kanak-kanak dan Orang Muda.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Panti.

5.01 ptg.

Dato Haji Yusof bin Malim Kuning (Panti): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk mengambil bahagian berkenaan dengan Akta pindaan Rang Undang-undang untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda, 1947.

Pertama saya mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian yang telah menyedari betapa akhir-akhir ini banyak kejadian-kejadian yang tidak diingini telah berlaku, pencolekan anak-anak dan sebagainya dengan tujuan-tujuan tertentu maka pihak Kementerian telah mengambil langkah memandangkan undang-undang yang sedia ada itu agaknya tidak begitu berkesan maka itulah salah satu sebab mengapa undang-undang ini perlu dipinda dengan menggandakan dendanya dan jelynya, dengan harapan manusia atau rakyat akan takut melakukan jenayah-jenayah sebagaimana yang tersebut dalam undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap pada masa-masa akan datang di dalam kita membuat undang-undang atau pindaan elok juga kiranya undang-undang ini ataupun masalah-masalah yang ada kaitan dengan orang-orang Islam diambil kira kerana bagi masyarakat kita di Malaysia yang berbilang

kaum dan berbilang agama dengan adanya satu undang-undang yang boleh dipakai untuk semua orang dan semua ugama sedangkan kita orang-orang Melayu, umat Islam mempunyai undang-undangnya yang tersendiri. Kadangkala kita waktu menderaf undang-undang atau meminda undang-undang, undang-undang itu memang sah di sisi dunia, di mata pandangan undang-undang dunia, tetapi telah melanggar dan berlaku haram pula hukumannya di sisi undang-undang agama. Walaupun umpamanya mengikut undang-undang ini kesalahan itu bagi melindungi atau memiliki kanak-kanak dengan tidak sah atau tanpa kebenaran, memang di segi undang-undang kalau diberi kebenaran atau ada surat jual-belian yang sah barangkali tidak menjadi kesalahan tetapi apa jadi kalau anak seorang Islam yang lain. Undang-undang mengatakan boleh ditukar ganti binnya itu daripada bin bapa asal kepada bin bapa angkatnya yang baru.

Di sisi undang-undang barangkali ini legal tetapi implikasinya kepada ugama Islam amat berat kerana seseorang anak apabila diagih dengan secara yang sah kepada seseorang yang lain dan ditukar binnya kepada bapa angkatnya yang baru maka haram hukumnya di sisi ugama Islam tetapi sah di sisi undang-undang dunia, kerana kanak-kanak ini mengikut undang-undang pesaka kita mengikut pasport, kalau binnya sama dengan simati itu dia akan mewarisi, dia mendapat pesaka, sedangkan pada hakikatnya dia tidak berhak mendapat pesaka, dia tidak berhak mewarisi dan dia itu dikira merampas harta anak yatim kerana dia bukan anak yang sebenar. Jadi saya harap pada masa yang akan datang walaupun undang-undang ini sudah ada tetapi elok sedikit sebanyak diambil kira kerana selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, daripada kejadian-kejadian yang berlaku di sekitar kita atau di dunia-dunia luar elok juga diambil contoh, diambil kira dalam kita meminda supaya tidak berlaku satu kejadian kita terus meminda undang-undang, besok berlaku lagi satu kejadian, kita pinda lagi undang-undang.

Elok kita fikirkan masak-masak kerana seperti saudara saya daripada Tanah Merah tadi menceritakan adanya sindiket mencuri kanak-kanak atau bayi dengan tujuan tertentu menyeludup dadah dan sebagainya, di

setengah-setengah negara terdapat sindiket sengaja mencolek kanak-kanak yang di bawah daripada umur 14 tahun dan kanak-kanak ini dicerderakan atau dikudungkan sebelah kakinya, ataupun dikudungkan sebelah tangannya, maka disuruh meminta sedekah di sepanjang jalan dan hasil daripada pungutan sedekah ini dihimpunkan ataupun dilonggokkan oleh satu sindiket. Barangkali perkara ini belum berlaku di tanahair kita, tetapi kalau perkara ini sudah berlaku di tempat-tempat lain tidak mustahil perkara ini juga akan berlaku dan jikalau itu berlaku barulah pula barangkali kita hendak meminda undang-undang, mencipta satu undang-undang baru yang sesuai dengan keadaan yang seumpama itu.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri semasa memberi jawapan nanti, apakah pula hukuman-hukuman atau pindaan-pindaan yang patut dibuat kepada mereka yang tidak bertanggungjawab sama ada dengan sengaja atau tidak melakukan satu jenayah umpamanya melahirkan anak kandungnya secara tidak halal, yang dibuang di bakul-bakul sampah, dibuang di tepi-tepi jalan dan ditinggalkan di hospital dan ibunya cabut lari. Adakah ini termasuk di dalam apa yang dikatakan penyiksaan kepada kanak-kanak? Kalau ini termasuk sepatutnya ada hukuman-hukuman yang tertentu ataupun bolehlah Yang Berhormat Menteri menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini kejadian yang seumpama ini amat bermaharajalela sehingga hari ini.

Saya di dalam beberapa tahun yang sudah mendapat kenyataan daripada pihak Hospital Besar, Johor Bahru tidak kurang daripada 500 kanak-kanak dilahirkan secara haram di General Hospital, Johor Bahru. Ini berlaku kira-kira dalam tahun 1979. Ini hanya dalam satu hospital, betapa dengan General Hospital yang lain dan ini hanya yang dilaporkan dilahirkan dihospital, apahal yang lahir di kampung dan dibuang dalam sungai dan di tepi-tepi jalan. Ini berlaku dan saya berasa malu hendak menceritakan dalam Dewan ini hampir $\frac{3}{4}$ daripadanya adalah di kalangan orang-orang Melayu dan orang-orang Islam. Jadi ini sebagai contoh, saya harap pihak Yang Berhormat Menteri akan dapat memikirkan

masalah-masalah yang seumpama ini pada masa-masa yang akan datang.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh di atas pindaan yang diadakan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:Yang Berhormat dari Setapak.

5.10 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun untuk menyokong Akta untuk meminda Akta Kanak-kanak dan Orang Muda 1947 terutama sekali dari segi pencolekan bayi-bayi di hospital. Sewajarnya Kerajaan mengetatkan undang-undang ini sebab sekarang ini sudah terlampau banyak sangat pasangan-pasangan membunuh benih mereka sebelum mereka berkahwin, menggunakan family planning pills. Apabila mereka sudah kahwin didapati mereka tidak boleh melahirkan anak. Jadi tibalah mereka hendak mencari jalan pendek (short-cut) dengan mengupah orang mencuri bayi-bayi di hospital untuk dijadikan anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita ini saya kira sebuah negara yang muda, jadi saya lihat Akta yang hendak dipinda ini Akta 1947. Saya sangat bersetuju dengan pendapat sahabat saya dari Panti iaitu kita ini membuat pindaan seperti kata pepatah, "sudah terantuk baru hendak tengadah". Eloklah Kementerian berkenaan tentulah ada pegawai perancangannya memikir dan merancangkan dari segi pemikiran yang jauh supaya kita ini mempunyai satu panduan dari segi undang-undang yang lengkap dan tersusun. Saya percaya Kementerian ini mempunyai pegawai-pegawai yang kanan dan berpengalaman yang telah banyak menghadiri persidangan antarabangsa.

Apa yang menjadi harapan kepada saya setelah pegawai-pegawai kanan ini dihantar berkursus atau menghadiri persidangan antarabangsa janganlah kertas kerjanya itu dibawa balik di dalam negara kita disimpan dalam fail pejabat sahaja. Eloklah pengalaman-pengalaman mereka ini diambil dan diperah balik dan boleh disalurkan ke dalam negara kita bukan sahaja untuk kegunaan Kementerian berkenaan bahkan untuk kegunaan masyarakat.

Kerajaan kita banyak membelanjakan wang ringgit menghantar pegawai-pegawai, pengarah-pengarah ke luar negeri, kita mendengar waktu mereka ke luar negeri sebagai berita dan mereka balik sebagai berita. Tetapi apa hasilnya tidak pernah diketahui dan tidak pernah dinikmati oleh rakyat jelata hasil daripada perjumpaan dan pertemuan mereka ini di peringkat antarabangsa. Inilah satu kesalahan yang saya nampak oleh pihak Kerajaan sendiri tidak mengambil berat hasil-hasil usaha pegawai-pegawainya yang telah memerahkan otak ke luar negeri, tidak boleh digunakan. Itu pun satu kesalahan juga pada pendapat saya.

Apabila kita meluluskan undang-undang ini kita hendakkan undang-undang ini dapat dilaksanakan secara tersusun dan memberi kesan. Dalam perkara ini saya mencadangkan supaya kelulusan pindaan undang-undang ini kalau ada kaitannya dengan kanak-kanak dan orang muda dan menyalahgunakan orang-orang muda dalam bidang perniagaan, eloklah juga di tiap-tiap surat perakuan lesen perniagaan itu dicetak segala undang-undang ini di sebelah belakangnya sebelum lesen itu dikeluarkan dan ditandatangani sebagai penerima oleh orang-orang yang hendak menjalankan perniagaan dan dalam buku perakuan perniagaan iaitu Article atau Memorandum of Association pun hendaklah dicetak undang-undang ini supaya dapat diketahui oleh orang-orang yang hendak berniaga supaya tidak menyalahgunakan orang-orang muda dan kanak-kanak dalam perniagaan mereka. Begitu juga dalam pengeluaran Sijil Surat-surat Beranak seperti yang dibuat dalam masalah tanam cacar dicop di situ kalau tidak ditanam cacar selama beberapa bulan akan dihukum ibubapanya. Kalau undang-undang ini juga patut dicop, dicetak di dalam Sijil Surat Beranak yang dipegang oleh ibubapa supaya mereka boleh dapat dibaca dan juga orang ramai akan dapat mengetahui.

Begitu juga perkara-perkara yang dibangkitkan oleh sahabat-sahabat yang lain iaitu masalah kemasukan orang-orang asing menggunakan kanak-kanak asing datang ke sini, ini juga patut undang-undang ini dicetak dalam Sijil Kerakyatan yang hendak diberi kepada mereka yang telah diterima menjadi warganegara kita di dalam negara kita.

Keempat, oleh sebab perkara ini adalah satu perkara yang ada banyak kaitan dengan masalah keluarga, ibubapa dan sebagainya perlu Kementerian Kebajikan Am ini mengadakan kursus-kursus sivik kepada ibubapa melalui kerjasama agensi-agensi Kerajaan yang lain. Misalnya saya perhatikan apabila Kerajaan hendak memperkenalkan family planning diadakan kursus di sana sini, termasuk pamiran dan sebagainya. Tetapi apa salahnya saya mencadangkan supaya masalah ini diadakan kursus di kampung-kampung, di kalangan pekerja-pekerja kilang seperti yang disebutkan oleh saudara saya dari Panti tadi macam mana laporan dari negeri Johor dan saya percaya tidak kurang juga di Hospital Besar Kuala Lumpur ini ataupun perkara melahirkan anak secara yang terkeluar dari undang-undang yang menggunakan doktor-doktor private dan ini perlu diberitahu; membunuh bayi-bayi, apakah undang-undangnya? Begitu juga membunuh anak-anak sebelum dilahirkan, apakah undang-undang kalau didapati ada orang yang melakukannya. Bukan kita hendak menuduh tetapi ini dari segi wang ringgit boleh melahirkan melalui orang yang mempunyai pengalaman dan sebagainya, mempunyai kedudukan, melahirkan anak secara haram dan ini akan merosakkan masa hadapan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara yang lain-lain yang saya hendak bentangkan di sini tujuan-tujuan undang-undang ini hendak menolong menyelamatkan bayi, kanak-kanak dan orang muda tetapi dalam undang-undang ini saya tidak tahu sama ada dalam Akta Ibu ada atau tidak masalah bagaimana kita hendak menjaga masa hadapan kanak-kanak ini dari segi pemindahan harta anak yatim kanak-kanak ini. Saya tidak tahu sama ada termasuk dalam itu. Apakah akan terjadi kepada harta anak-anak yatim yang kedua ibubapanya meninggal?

Selalunya Kementerian ini yang saya dapat tahu melalui pengalaman saya, apabila berlaku sesuatu kemalangan anak-anak yatim itu diambil alih penjaganya oleh saudara mara yang lain dan Kementerian cuma memberi bantuan sara hidup apa yang mereka mampu untuk mereka bersekolah dan sebagainya. Tetapi adakah Kementerian ini melalui Akta ini juga untuk tujuan menjaga

kanak-kanak dan orang muda ini, masalah kedudukan harta anak-anak ini. Sejauh manakah Kementerian ini boleh campur tangan bagi menyelamatkan harta anak-anak yatim ini apabila berlaku kemalangan kepada ibubapa mereka dan bagaimana pemindahan harta hakmilik ini dibuat sehingga kanak-kanak itu menjadi orang dewasa? Ini banyak berlaku dalam negara kita dan saya percaya pandangan daripada saya ini dapat diambil tindakan yang tegas dan segera supaya kedudukan anak-anak muda kita terjamin.

Tuan Speaker, dalam pengalaman saya menjadi orang yang berminat untuk hendak menolong orang-orang yang terkena penyakit penyalahgunaan dadah atau penagih ini dalam penyiasatan kami, saya percaya Kementerian ada mempunyai rekod ramai juga di antara orang-orang yang menjadi penagih ini yang latar belakangnya terlibat kerana dianiaya waktu mereka kecil ataupun tiada tempat mereka hendak mengadu dan tiada tempat keselamatan bagi mereka. Barangkali Kementerian lebih pakar dalam masalah ini tetapi yang mustahak apakah tindakan untuk mengelak salah satu daripada punca yang mereka menjadi penagih itu dan apakah tindakan untuk merancang supaya tidak berlaku lagi pada masa hadapan kalau ada yang berlaku mengikut pengalaman yang ada.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, dalam Undang-undang ini juga masalah salahgunakan orang muda dan kanak-kanak dalam bidang perniagaan. Ini saya sangat tertarik hati, tetapi ini tak ada sebut sama ada adakah atau tidak dalam Akta itu bagaimana rancangan ataupun tindakan Kerajaan untuk membuat pencegahan penggunaan kanak-kanak di sempadan-sempadan, ini tidak ada saya tengok dalam Bill ini. Apakah rancangan Kerajaan kita untuk hendak mengelakkan penggunaan kanak-kanak di sempadan-sempadan iaitu negeri di utara sebelah Perlis, sebelah Kelantan macam mana kalau mereka ini lari ke sempadan digunakan ataupun orang sebelah sana datang ke sebelah sini. Sebab itulah Akta ini bukan untuk Kementerian ini sahaja yang hendak bertanggungjawab, Akta ini ada kaitannya daripada segi undang-undang dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri daripada segi keselamatan. Jadi, saya minta supaya undang-undang ini

apabila kita memindanya dapat disangkut-pautkan dengan semua badan-badan Kerajaan yang tertentu supaya Akta ini merupakan satu undang-undang yang boleh menjadi panduan, yang boleh disegani dan boleh diperakukan oleh warganegara kita.

Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Jelutong.

5.22 *ptg.*

Tuan Karpal Singh (Jelutong): Tuan Speaker, biarlah saya hari ini menyatakan sokongan penuh saya terhadap peruntukan-peruntukan yang dicadangkan dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Speaker, saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan kerana mengambil berat tentang kebajikan kanak-kanak dan orang-orang muda dengan mengadakan Rang Undang-undang ini.

Tuan Speaker, peristiwa mencolek kanak-kanak yang berlaku akhir tahun 1979 dan 1980 di Pulau Pinang telah menimbulkan kekacauan dalam hati dan fikiran orang ramai di Pulau Pinang. Adalah amat zalim untuk mencolek kanak-kanak yang mendatangkan mental agony yang dialami oleh keluarga berkenaan. Untuk mencolek seorang kanak-kanak yang usianya muda yang pasti adalah rapat dengan keluarganya merupakan satu perbuatan yang paling kejam.

Tuan Speaker, pemindahan custody atau kawalan seorang kanak-kanak secara haram adalah kesalahan-kesalahan berat. Cadangan untuk menambah penalti mungkin adalah tidak begitu berat. Apa yang telah berlaku di Pulau Pinang tidaklah patut dibenarkan berlaku sekali lagi. Hukuman berat sahaja tidak akan merupakan detterrent yang akan mengelakkan pencolekan-pencolekan. Kita memerlukan rondaan polis yang lebih di kawasan-kawasan perumahan dan juga di tempat-tempat rekreasi di mana suri-suri rumahtangga dan kanak-kanak selalu berkumpul, terdapat beberapa kes di Pulau Pinang di mana pencolek-pencolek begitu berani sehingga mereka berani rampas kanak-kanak dari ibu mereka. Ini nyata merupakan

satu pengalaman yang sungguh traumatic bagi ibu dan kanak-kanak yang terlibat itu. Saya difahamkan bahawa seorang ibu di Pulau Pinang yang anaknya dicolek telah tidak siuman lagi akibat pencolekan tersebut, mujurlah anaknya dapat diselamatkan.

Tuan Speaker, saya telah cuba mengemukakan satu usul yang segera berkenaan kepentingan orangramai dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang berkaitan dengan pencolekan-pencolekan kanak-kanak pada masa itu. Malangnya, Speaker Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang menolak usul saya. Namun demikian, keutamaan hendaklah diberi oleh pihak polis untuk menghapuskan menace ini. Kanak-kanak harus diberi perlindungan kerana mereka adalah pemimpin pada masa akan datang.

Tuan Speaker, saya perhatikan bahawa terdapat peruntukan dalam Rang Undang-undang ini untuk menambahkan penalti kepada \$5,000 untuk kesalahan yang menyebabkan cruelty kepada kanak-kanak. Saya mengalukan penalti tambahan ini. Sesiapa yang memukul atau abuse kanak-kanak haruslah tidak ditunjukkan belas kasihan. Rasa frustrasi ibubapa tidaklah boleh ditunjukkan oleh mereka dengan memukul kanak-kanak, namun Kerajaan patut menimbang untuk mendapati sebab-sebab yang menyebabkan perbuatan-perbuatan seumpama ini. Rasa frustrasi yang dialami oleh ibubapa-ibubapa mungkin disebabkan oleh environment, sosial atau ketiadaan jaminan kerja ataupun disebabkan tekanan-tekanan sosial yang lain. Kerajaan hendaklah berikhtiar untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang adil dan saksama supaya dengan berbuat demikian social evil ini dan lain-lain evil dapat dihapuskan. Terima Kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.26 ptg.

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telahpun memberikan pandangan-pandangan

dan teguran-teguran, begitu juga sokongan terhadap pindaan kepada Rang Undang-undang Kanak-kanak dan Orang Muda, 1947.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak menjawab keseluruhan apa yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Mana-mana pandangan yang kita rasa boleh kita laksanakan, kita akan laksanakan dan begitu juga pandangan-pandangan yang patut kita sampaikan kepada pihak-pihak agensi Kerajaan yang berkenaan kita juga akan sampaikan sekiranya difikirkan perkara-perkara yang dikemukakan itu menasabah dan patut diberi perhatian.

Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah ada menyebutkan berkenaan dengan penggunaan tenaga kanak-kanak di bawah umur 14 tahun. Perkara ini adalah akan dikemukakan kepada pihak Kementerian Buruh kemudiannya kelak.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*).

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ada membangkitkan beberapa perkara, iaitu pada dasarnya kata beliau, beliau menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini walaupun beliau minta saya menerangkan sindiket-sindiket yang mencuri bayi itu apakah sebabnya dan begitu juga perkara-perkara yang lain beliau juga membangkitkan adanya ibubapa yang melakukan satu-satu penyiksaan kepada anaknya tetapi tidak diberi hukuman. Di sini sukalah saya menerangkan, kes-kes yang kita dapat laporan daripada pihak polis iaitu mungkin ada baiknya saya beri juga pandangan sedikit, kebanyakan kanak-kanak kita ini ialah teraniaya, iaitu kes-kes kanak-kanak yang teraniaya yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia semuanya berjumlah 91 orang, tetapi kes pencolekan hanyalah 63 orang. Di dalam kes-kes ini pula suka saya menyebutkan pecahan-pecahannya, iaitu yang banyak berlaku kes-kes penganiayaan ini:

Perlis	3
Kedah	3
Pulau Pinang	16
Perak	7

Selangor	26
Wilayah Persekutuan	15
Negeri Sembilan	5
Melaka	5
Johor	7
Kelantan	1
Trengganu	0
Pahang	3
	<hr/>
Jumlah ..	91
	<hr/>

Maka nyatalah kepada kita pindaan Rang Undang-undang ini bukan sahaja kepada kes pencolekan tetapi juga kes penganiayaan dan begitu juga kes penyeludupan ataupun kanak-kanak dibawa masuk ke negeri ini. Kes pencolekan bayi ini boleh dikatakan tidak sama sebabnya kalau kita mengikuti berita-berita yang disiarkan oleh akhbar ada juga pencolekan ini semata-mata seorang ibu itu tidak ada anak, lepas itu dia sangat ingin hendak mempunyai anak sehinggakan dia sanggup mencuri seorang bayi di hospital.

Kemudian ada juga didapati pencolekan bayi-bayi ini untuk dijual iaitu adanya pasangan-pasangan suami isteri yang ingin mempunyai anak jadi mereka ini telah memohon kepada Kementerian saya iaitu Kementerian Kebajikan Am, malangnya kanak-kanak yang boleh diberikan untuk dijadikan anak angkat tidaklah mencukupi iaitu walaupun ada kanak-kanak yang ada dalam jagaan kita tetapi mereka ini adalah kanak-kanak yang ada ibubapa dan tidak ada consent ataupun keizinan daripada ibubapanya maka Kementerian saya tidak adalah berhak hendak menyerahkan kanak-kanak ini untuk dijadikan anak angkat. Jadi kebanyakannya ialah kerana adanya pasangan-pasangan suami isteri yang berkehendakkan kanak-kanak ini, itu sebab barangkali adanya berlaku pencolekan bayi-bayi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ada lagi hendak beri jawapan?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Saya.....

Tuan Yang di-Pertua: Ada jawapan lagi?

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Ada!

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk dulu!

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, maafkan saya, kemudian lagi.....

Tuan Yang di-Pertua: Sila duduk! Kita hendak bincangkan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 (1). Yang Berhormat boleh sambung selepas selesai Majlis ini memutuskan usul di bawah Peraturan 18 (1). Jemput Yang Berhormat dari Petaling.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

TANAH RUNTUH LOMBONG DI KAMPUNG KANDAN KUALA LUMPUR

5.32 ptg.

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya hendak mengucapkan terima kasih kepada Dewan yang mulia ini atas persetujuan untuk mengadakan satu perbincangan dan penangguhan Dewan yang mulia ini untuk membincangkan suatu perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang perlu disegerakan yakni mengenai bencana tanah runtuh di lombong yang berlaku di Kampung Kandan, Batu 8½, Jalan Puchong, Kuala Lumpur di mana 20 orang termasuk kanak-kanak dipercayai tertimbus hidup-hidup bersama dengan beberapa buah rumah yang menjadikan bencana perlombongan yang paling buruk di negara ini dan di mana inipun melibatkan kemusnahan 65 buah rumah dalam kawasan merbahaya itu.

Tuan Yang di-Pertua, bencana lombong Kampung Kandan bukanlah satu bencana semula jadi (natural disaster) sebaliknya man-made disaster dan sangat terang bahawa daripada beberapa quarters ada berlaku kelalaian yang mengakibatkan satu bencana yang begitu besar berlaku, yang melibatkan syarikat lombong, yang melibatkan Jabatan Galian yang termasuk juga Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, tanah runtuh di kawasan lombong-lombong yang selalunya melibatkan kematian pekerja-pekerja lombong yang apabila ada runtuh tanah, mereka bekerja di bawah dan mereka terlibat. Tetapi dalam perkara-perkara semacam ini pun kalau procedure-procedure mengenai keselamatan pekerja-pekerja ada diikuti, tanah runtuh yang melibatkan kematian pekerja-pekerja lombong boleh dielakkan. Tetapi dalam perkara Kampung Kandan apa yang berlaku bukan sahaja pekerja-pekerja lombong terlibat dan hilang nyawa mereka tetapi rumah-rumah, 10 buah rumah yang terletak di tepi lombong itu pun terjatuh begitu dalam 250 kaki ke bawah. Dan akibatnya bukan sahaja 10 buah rumah jatuh tetapi 65 buah rumah sekarang hendaklah dimusnahkan (demolished) supaya tidak timbul keadaan bahaya kepada nyawa atau kepada harta benda.

Tuan Yang di-Pertua, sangat terang sudah ada tanda-tanda amaran (warning signals) bahawa keadaan di lombong Capitol Mining Sendirian Berhad sangat merbahaya. Tetapi pihak-pihak yang berkenaan, syarikat lombong termasuk Jabatan Galian nampaknya tidak menghiraukan. Saya ada mendapat maklumat bahawa sudah beberapa lama berlaku tanah runtuh di tepi dan rumah di tepi lombong itu retak (cracks). Dan sebuah syarikat lombong yang bertanggungjawab tentulah patut ambil tindakan yang sewajarnya untuk memperlindungi nyawa dan harta dalam kawasan yang merbahaya supaya memastikan orang-orang atau penduduk-penduduk di kawasan itu keluar daripada kawasan bahaya dengan gantirugi yang sepatutnya atau hentikan kegiatan-kegiatan perlombongan (mining operations).

Dalam suratkhbar hari ini, Tuan Yang di-Pertua, ada editorial-editorial, ada pemimpin-pemimpin bertanya kenapa apabila ada tanah retak (cracks) orang masih mahu duduk di kawasan itu? Saya rasa ini bukan soalan yang patut ditanya. Soalan yang patut ditanya ialah kenapa apabila ada cracks itu syarikat lombong terus menjalankan kegiatan-kegiatan perlombongan? Itulah yang kita patut menumpukan perhatian oleh kerana orang-orang yang duduk dekat lombong semuanya mereka yang berpendapatan rendah, orang miskin. Orang kaya tidak akan

pergi duduk dekat lombong! Dan mahu pindah ke satu kawasan lain bukan senang. Itulah kenapa apabila satu cracks sudah timbul, boleh nampak kawasan ini merbahaya syarikat lombong terus menjalankan kegiatan perlombongan. Saya rasa dengan adanya operasi-operasi perlombongan apabila timbul cracks di tanah-tanah itu dan di rumah-rumah dekat lombong bagi mendapatkan profit yang maksima adalah satu tindakan yang sangat tidak bertanggungjawab yang boleh disifatkan sebagai shirk of responsibility dan sama-samanya saya rasa juga satu shirk of responsibility dan kelalaian apabila Jabatan Perlombongan membenarkan syarikat lombong terus mengadakan mining operation apabila ada cracks. Sepatutnya terus mengarahkan satu siasatan atau hentikan mining operation.

Saya tahu, Yang Berhormat Menteri sudah memberi arahan supaya mining operation di Capitol Mining Sendirian Berhad diberhentikan, itu baik. Tetapi apa yang lebih baik ialah kalau dibuat sebelum 20 orang meninggal dunia, sebelum 10 buah rumah jatuh, sebelum 65 buah rumah akan dimusnahkan.

Dan inilah kelalaian Jabatan Perlombongan khasnya apabila penduduk-penduduk di kawasan tersebut ada menulis surat kepada Exco-exco mengenai bahaya kawasan itu. Saya dapati bahawa sebuah rumah di mana telah jatuh dan dua orang anak hilang nyawa termasuk juga nenek mereka. Tuan rumah itu telah menulis surat kepada Exco, Dato Lee Kim Sai supaya datang di situ kerana kawasan itu sudah dalam bahaya. Beberapa bulan dahulu dalam kawasan itu telah timbul satu landslide walaupun bukan besar seperti bencana yang begitu besar telah berlaku tidak hilang nyawa tetapi harta sedikit-sedikit ada hilang, iaitu ternakan (livestock) jatuh dan mati dan livestock pen pun jatuh tetapi ini cukup memberi amaran kepada semua pihak-pihak yang berkenaan mengenai bahaya keadaan itu dan khasnya kepada Jabatan Perlombongan.

Sungguhpun selepas itu ada beberapa buah rumah resettled kepada satu tempat lain yang dekat dan antara sebuah rumah yang jatuh sedang dalam peringkat pemindahan selepas diberi gantirugi sebanyak \$14,000 oleh

syarikat lombong tetapi sebanyak 9 buah rumah yang lain tidak pernah dapat apa-apa notis, apa-apa desakan ataupun apa-apa tawaran untuk dapat gantirugi.

Dan lagi lebih kurang 2 tahun dahulu lebih kurang 50 buah rumah (households) yang tinggal di Kampung Kuchai telah dipindahkan ke Kampung Kandan oleh Kerajaan Negeri Selangor oleh kerana di Kampung Kuchai sana kalau tidak silap saya ada program-program perumahan dan sebagainya. Mereka telah dipindahkan kepada Kampung Kandan ini oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sekarang ini banyak rumah-rumah di kawasan ini perlu dimusnahkan. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri tidak begitu bertanggungjawab yang mana telah memindahkan orang-orang ini ke kawasan yang merbahaya apabila menjalankan mining activity. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya kata dalam perkara ini adalah satu man-made disaster. Nampaknya ada kelalaian dalam tiga-tiga pihak. Mereka itu bukanlah terdiri dari setinggan seperti yang telah disebutkan dalam suratkhbar. Saya ada tengok semalam surat pembayaran Cukai Pintu. Ini menunjukkan mereka bukan setinggan. Mereka ada membayar cukai pintu—assessment.

Tuan Yang di-Pertua, satu siasatan bebas dan mendalam perlu diadakan atas bencana Kampung Kandan ini. Saya rasa tidak guna dan sia-sia sahaja di mana ada Mining Department sendiri mengadakan satu siasatan apabila ada kemungkinan besar bahawa Mining Department ada contribute kepada keadaan di mana berlaku satu bencana. Kalau Mining Department ada contribute dan menjalankan siasatan, tentulah satu white washing operation akan berlaku. Sebab itu untuk meyakinkan rakyat dan supaya di masa depan kita mahu tahu apa yang berlaku, apa yang salah, apa tanda-tanda amaran yang tidak dihiraukan supaya tidak berlaku lagi bencana seperti yang telah berlaku, patutlah satu siasatan yang bebas, benar-benar bebas tidak ada apa-apa hubungan langsung dengan Mining Department patut diadakan. Saya rasa tidak perlu kita pergi keluar negeri, dalam negara kita ada cukup orang-orang pakar yang boleh menjalankan siasatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa di hari yang berlaku bencana ini iaitu malam Selasa apabila saya pergi ke kawasan tersebut selepas Yang Berhormat Menteri sudah pergi, saya telah pergi ke Kelang kerana menghadiri satu mesyuarat selepas itu saya baharu tahu. Apa yang saya dapati di sana yang saya tinjau sangat tidak memuaskan hati. Benar pada masa itu bila saya sampai di kawasan bencana itu tidak ada apa-apa kegiatan untuk menyelamatkan nyawa, sebab waktu itu sudah malam dan gelap sangat merbahaya. Saya dapat tahu pada pagi esoknya yakni semalam akan diadakan satu mesyuarat tergepar untuk menyelamatkan (rescue operation) pukul 8.00 pagi di mana semua pegawai-pegawai yang berkenaan akan hadir, dan semalam pagi-pagi lagi saya telah pergi oleh kerana melihat bencana tersebut tetapi mesyuarat itu tidak bermula sehinggalah pukul 9.30 pagi, semua pegawai-pegawai Kerajaan telah hadir di situ. Pegawai Perlombongan ada di sana, Polis ada di sana, askar pun ada di sana, Geological Section pun ada di sana tetapi orang-orang besar belum sampai lagi. Mereka semua menunggu orang besar sampai. Orang-orang besar sampai pada pukul 9.30 pagi. Mereka tunggu sahaja dan tidak boleh buat apa-apa. Mungkin di luar ada nyawa-nyawa yang boleh diselamatkan. Semua tunggu. Ada pegawai pada pukul 7.00 pagi lagi sudah sampai. Mereka terpaksa menunggu sampai 9.30, baharulah D.O. datang, Encik Tajul Rahim, baharulah Exco, Dato Kandan; kampung yang dinamakan untuknya baharu sampai maka baharulah mesyuarat itu dimulakan. Saya rasa ini bukanlah satu sikap di mana ada satu bencana (disaster) yang patut ditunjukkan, tidak ada perasaan urgency terhadap tragedi manusia terlibat, saya rasa ini sangat sedih. Semuanya menunggu 90 minit. Apa yang saya tidak boleh faham ialah kenapa dalam satu bencana yang berlaku, mengapa pada malam itu yakni malam Selasa tidak memanggil satu mesyuarat tergepar, panggillah semua orang datang, telefon mereka. Pada malam itu pegawai-pegawai ini tidak tidur pun tidak mengapa oleh kerana satu bencana sudah berlaku supaya esok kalau benar waktu malam bahaya, hari Selasa siangnyanya kerja-kerja boleh dijalankan—ini tidak, tunggu diam-diam sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, semalam apa-apa kegiatan rescue operation pun tidak ada. Dan kalau saya tidak silap hari ini pun belum mula apa-apa rescue operation. Sebenarnya mungkin apabila pihak yang berkenaan kita rescue-operation bukan untuk menyelamatkan nyawa tetapi untuk keluaran mayat-mayat sahaja bukan untuk menyelamatkan nyawa, sungguhpun mungkin ada orang-orang yang boleh diselamatkan.

Saya sangat terperanjat pagi ini apabila saya membaca suratkhbar bahawa ada pengumuman oleh pihak berkenaan bahawa 65 buah rumah perlu dimusnahkan (demolished) untuk mencari (search) 19 orang-orang yang ada tertimbus oleh kerana pagi semalam bila mesyuarat bermula, mesyuarat diberitahu bahawa 10 atau 15 buah rumah sahaja yang perlu dimusnahkan iaitu apabila saya ada dalam mesyuarat itu. Sekarang apabila saya membaca suratkhbar 65. Ini menunjukkan bahawa tidak ada cukup planning atau approach kepada satu bencana. Didapati dalam suratkhbar bahawa rumah-rumah perlu dimusnahkan supaya mine-face di sana boleh diturunkan 30 kaki supaya satu bund boleh dibina dan Slime boleh dipump-out, bukan untuk selamatkan nyawa-nyawa sekarang tetapi untuk mayat-mayat dan tentulah penduduk-penduduk di dalam 65 buah rumah yang terlibat ini sangat agitated oleh kerana sehingga sekarang ini mereka tidak boleh dapat satu commitment yang muktamad, satu commitment yang irrevocable mengenai gantirugi kepada mereka apabila rumah-rumah mereka dimusnahkan, mengenai kerugian yang mereka akan mengalami.

Apa syarikat lombong Capitol Mining Sdn Bhd setuju ialah pada prinsipnya akan gantirugi tetapi apa ertinya, gantirugi sampai mana 1%, 10%, 50%, 100%? Ini tidak cukup memuaskan hati sebab itu kalau saya tidak salah hari ini petang satu mesyuarat diadakan di cawangan MCA—itu kita tidak ada apa-apa pertikaian, kalau MCA mahu mengadakan mesyuarat terus pergi tetapi masalahnya ialah kenapa dalam perkara seperti ini pihak yang berkenaan yang ada bertanggungjawab atas perkara ini tidak memberi satu commitment yang benar-benar final supaya orang-orang yang dalam 65 buah rumah ini boleh keluar

dengan hati yang senang; kalau selepas mereka keluar gantirugi tidak dapat siapa akan jamin? Akankah Kerajaan Selangor atau Kerajaan Federal menjamin iaitu kalau syarikat lombong tidak gantirugi, Kerajaan akan gantirugi. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi jaminan ini supaya penduduk-penduduk, penghuni-penghuni dalam Kampung Kandan boleh senang hati? Saya berharap bahawa perkara mengenai gantirugi ini boleh diselesaikan dengan serta-merta.

Yang kedua, mereka yang dalam 65 buah rumah ini akan dipindah (resettle) kepada satu tempat yang pun mining land, tentulah mereka selepas satu neraka (hell) tidak mahu lagi mengalami a second hell, semua takut, mereka ini tengok tanah habis 200 kaki lagi mahu pergi ke mining land dekat sahaja, tidak tahu bila lagi satu bencana timbul. Saya rasa sekurang-kurangnya untuk group ini yang sudah mengalami satu hell, patutlah Kerajaan yang berkenaan menempatkan mereka ke satu kawasan di mana tidak akan timbul kemungkinan langsung runtuh tanah. Saya rasa ini bukan satu masalah yang rumit kalau Kerajaan Negeri/Kerajaan Federal boleh bekerjasama untuk mengatasi masalah ini. Tanah, rumah boleh dibuat oleh syarikat lombong atau dibantu pula oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Federal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bercadang hendak selesaikan perkara ini pukul 6.30, kalau dapat jangan diulang-ulang points itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, di sini saya pun hendak menyebut dalam 65 buah rumah ini, 10 buah rumah adalah cottage industry yang membuat furniture dan lain-lain dan nampaknya tidak ada apa-apa peruntukan atau apa-apa elaun dan perhatian kepada mereka. Saya berharap bila Yang Berhormat Menteri boleh menggunakan jasa baiknya supaya 10 buah cottage industry ini boleh ditempatkan, boleh diredited di mana industri-industri mereka tidak mengalami apa-apa kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu kenapa dalam keadaan ini 65 buah rumah akan dimusnahkan. Tidak ada satu proclamation of disaster area, sama ada satu proclamation of disaster area akan

membantukan mereka yang terlibat khususnya apabila mereka akan menuntut ganti rugi di masa depan atau tidak, saya tidak tahu, mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menjelaskan perkara ini tetapi saya rasa oleh kerana tidak ada masa untuk buat research reference mungkin satu perisytiharan disaster area akan menentukan penduduk-penduduk yang terlibat menjaga kepentingan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bencana Kampung Kandan bukan tersendiri, di seluruh negara ada selalu berlaku bencana seperti ini sungguhpun inilah yang terbesar sekali nampaknya. Saya rasa apa yang berlaku menunjukkan bahawa sangat mustahak, serta-merta, saya cadangkan bahawa Yang Berhormat Menteri keluarkan satu arahan di mana pegawai-pegawai Jabatan Galian membuat satu siasatan di mana rumah-rumah yang dekat lombong dalam satu keadaan mungkin bahaya dan serta-merta menjalankan satu siasatan dan kalau ada berlaku keadaan di mana sebenarnya bahaya bahawa keluarkan satu arahan untuk menghentikan kegiatan mining. Saya rasa tidak pernah ada berlaku dalam sejarah Malaysia di mana ada satu directive "stop mining operations" dikeluarkan sebelum bencana. Ini keluarkan selepas bencana untuk menutup "the stable doors after the horses have bolted". Saya harap untuk menjaga nyawa-nyawa dan harta-harta, satu nation-wide investigation atau nation-wide check diadakan mengenai rumah-rumah dekat lombong sama ada bahaya atau tidak dan soalnya ialah bukan apabila tanah retak kenapa duduk lagi tetapi kenapa syarikat lombong terus membuatkan aktiviti-aktiviti.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan tamat tetapi saya hendak menyebut bahawa sebenarnya invariably, selalunya apabila bencana-bencana berlaku ada banyak publisiti muka depan suratkhbar; jaminan, akan ada siasatan, Menteri-menteri pun melawat tetapi selepas itu perkara sudah siap, semua sudah lupa dan siasatan-siasatan pun dalam "cold storage" sehingga hari ini mengenai bencana lombong di Sungai Kuyoh, Pucong, lebihkurang dua batu sahaja, yang berlaku pada tahun 1976 di mana ada sembilan orang yang meninggal dunia, siasatan pun belum habis, masa itupun heboh-heboh akan ambil tindakan, akan siasat, akan cegah tetapi

sehingga hari ini sudah berlaku lagi satu bencana tidak ada apa-apa laporan pun belum habis. Saya harap bahawa kali ini pihak kerajaan tidak akan mengulangi farce ini supaya boleh diadakan satu siasatan bebas, cekap dalam perkara ini, supaya jangan lagi masa depan timbul lagi satu bencana, sebelum siasatan ini belum habis, siasatan Kampung Kandan belum habis, siasatan Sungai Kuyoh pun belum habis.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengulangi menyeru Yang Berhormat Menteri bahawa dalam perkara ini iaitu satu perkara yang berkaitan dengan kepentingan orang ramai, bukan lagi departmental affair tetapi national affair bahawa satu badan bebas (independent enquiry) terbuka diadakan supaya menjalankan siasatan sedalam-dalamnya boleh dijalankan.

6.01 ptg.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendak terus berucap sekali!

Tuan Lee Kaw: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Petaling. Saya dapat faham dalam Dewan ini dan baca akhbar di mana satu perkara tragedi dan di mana Menteri-menteri, Menteri Besar, pemimpin-pemimpin negara melawat tempat itu. Saya tidak tahu jika tempat itu tidak jadi satu tragedi adakah Menteri-menteri, Menteri Besar dan pemimpin-pemimpin melawat tempat itu. Adakah

Tuan Yang di-Pertua: Itu perkara lain, Kalau hendak melawat banyak tempat hendak dilawati lagi.

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, tragedi ini sudah terjadi dan boleh dikatakan Kementerian berkenaan sehingga hari ini belum "learned their lesson".

Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 60an beberapa kes sudah terjadi: di Perak, di Selangor ini dan lain-lain tempat dan setiap kali kes itu terjadi Kerajaan berjanji akan

siasat dan tindakan akan diambil, tetapi dalam tahun 70an lebih banyak lagi kes seperti itu sudah terjadi. Apakah sebabnya? Adakah Kementerian ini sudah lemah?

Tuan Yang di-Pertua, saya dapat faham dalam akhbar hari ini Menteri berkenaan mengarahkan satu siasatan lagi, tetapi lebih baik pada pandangan saya dan saya mencadangkan di sini iaitu Kementerian berkenaan bukan sahaja membuat satu arahan untuk siasat tetapi siasat semua lombong di mana ada kemungkinan jadi kes yang sama boleh berbangkit di mana Kementerian ini boleh bekerjasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri di mana-mana satu rancangan memindahkan penduduk di situ. Jika tidak, saya fikir di masa akan datang boleh terjadi kes kemalangan seperti ini.

Dalam tahun 1980 bulan Mei (*Dengan izin*): "Two lives were lost in a landslide at a mine in Kuala Lumpur which six days earlier had been declared safe for re-mining by the Mines Department." Ini menunjukkan saya tidak tahu Inspektor-inspektor itu ada menjalankan kerja atau tidak. Ini satu question-mark. Saya harap Kementerian ini boleh siasat kenapa kes ini sudah terjadi, kes ini boleh dikatakan tragedi yang besar. Saya bersimpati kepada keluarga mereka yang kena kemalangan ini. Walaupun Menteri-menteri, Menteri Besar dan pemimpin-pemimpin sudah lawat ke tempat itu dan bersimpati dengan kemalangan itu, tetapi jika sekadar lawatan dan tidak diambil satu preventive action, saya dukacita kerana boleh lagi berlaku kes seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap sekali lagi Kementerian berkenaan boleh mengambil tanggungjawab lebih berat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul atas nama Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang sudah disokong sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

6.04 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkang usul yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu. Saya fikir ini adalah satu lagi

political gimmic yang selalu kita lihat dibawa oleh DAP dalam Dewan ini (*Tepuk*) yang selalu menjadi character, sifat DAP ini menanggung di air keruh, menggunakan human tragedy untuk mencari faedah politik untuk parti mereka. (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa amat terperanjat mendengar tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang mengatakan bahawa beliau telah menerima maklumat-maklumat yang menunjukkan bahawa ada bahagian-bahagian tanah yang retak di tepi-tepi lombong berhampiran dengan rumah-rumah yang telah tertimbus itu sebelum kejadian itu berlaku.

Tuan Lim Kit Siang: Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Beri jalan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Baik.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya kata saya dapat dengar tanah-tanah atau rumah ada retak sebelum bencana berlaku— ini pun ada suratkhbar menyatakan— bahawa selepas bencana kita dapat tahu. Saya dapat makluman bahawa sudah ada retak, bukan sebelum bencana, dan janganlah buat apa tuduhan bahawa ini di "plan" oleh DAP. Itu orang yang sudah bankrupt of idea.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun apa yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu membawa pengertian kepada kita bahawa beliau mempunyai maklumat bahawa kawasan itu tidak selamat untuk diduduki dan perpindahan perlu dilakukan. Soalnya sekarang kenapa baru sekarang selepas 20 orang tertimbus di dalam tanah runtuh baru DAP timbulkan?

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat beri jalan.

Tuan Lim Kit Siang: On a point of order.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sabar! Apa point of order, Peraturan 37?

Tuan Lim Kit Siang: Saya tidak tahu kenapa satu perkara bencana boleh jadi begitu panas selain daripada mereka sudah bankrupt politically.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat sudah bakar, panaslah dia.

Tuan Lim Kit Siang: Fasal 36 (6) Seseorang ahli tidak boleh impute improper motives-khasnya di sini—bukan sahaja impute improper motives, itu fact pun satu lain, saya sudah menjelaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Itu tak boleh apply di sini, impute improper motives terhadap seseorang, kalau terhadap parti sama parti tak apa. Teruskan. (*Tepuk*).

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, dan saya ingin memberi notis kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa selepas ini saya tidak akan mengizinkan beliau mengganggu saya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, apabila beliau dapat maklumat ini mengapa beliau tidak menimbulkan perkara ini baik di Dewan ini atau di luar daripada Dewan ini? Mengapa menunggu selepas 20 orang mati tertimbus dan rumah-rumah terbenam di dalam lumpur baru perkara ini ditimbulkan? Apa yang telah dibuat oleh wakil dari Petaling?

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*) (*Disampuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, semasa bercakap tadi tak ada siapa mengganggu, semua dengar dengan khusuk, tetapi apabila Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu bercakap jangan ganggu.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya menekspek (expect) seorang Ketua Pembangkang menunjukkan contoh yang baik di dalam Dewan ini kepada anak-anak buahnya di dalam partinya. (*Tepuk*). Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengulangi lagi pertanyaan saya mengapa sampai sekarang baru DAP, khasnya wakil dari Petaling mengemukakan hal ini kepada Dewan ini? Mengapa tidak sebelum ini? Apakah sebelum ini Wakil dari Petaling itu sibuk menghadapi soal-soal krisis dalam partinya; memecat orang-orangnya sehingga beliau tidak ada masa untuk mengambil tahu soal-soal, hal-hal yang berlaku di dalam kawasannya sendiri? (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat jangan banyak keluar, (*Ketawa*) tumpukan kepada usul.

Tuan Alias bin Md. Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Kalau DAP, wakil dari Petaling boleh menuduh pihak jabatan-jabatan yang berkenaan lalai, cuai dan sebagainya, maka saya bangun di sini untuk menuduh Wakil dari Petaling sendiri cuai menjaga kawasannya sendiri. (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita tahu rumah-rumah yang terlibat dalam kemalangan itu, keluarga-keluarga yang tinggal di situ sudah diberitahu supaya pindah dan mereka ditawarkan saguhati untuk pindah tetapi ada yang tidak mahu pindah dan mereka yang tidak mahu pindah terlibat di dalam kemalangan hari ini.

Saya syak dan saya bimbang ada sesiapa, mungkin daripada wakil DAP yang sengaja menghalang orang itu daripada pindah dan sengaja melarang mereka itu jangan menerima saguhati yang ditawarkan. Mungkin mereka memberi janji-janji bahawa kalau mereka terpaksa pindah juga mereka patut mendapat ganjaran faedah yang lebih besar. Saya bimbang tujuan DAP adalah supaya melengah-lengahkan orang itu pindah dan menjadikan isu perpindahan itu satu lagi isu politik, apabila Kerajaan dan pihak lombong memaksa orang itu pindah dan Kerajaan menyuruh orang itu pindah, maka yang akan bising sekali di dalam dan di luar Dewan ialah Wakil dari Petaling dan DAP. (*Tepuk*).

Apabila kejadian tragedi ini sudah berlaku maka kedengaranlah apa yang kita dengar sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, Wakil dari Petaling bertanya dan queried tentang lambatnya diadakan mesyuarat-mesyuarat. Saya hairan mengapa beliau timbulkan perkara ini oleh kerana bagi kita dalam saat-saat paling genting seperti itu kerja menyelamatkan nyawa manusia adalah lebih penting daripada mengadakan mesyuarat-mesyuarat. Bagi saya itu adalah satu tindakan yang positif yang telah dilakukan oleh pihak Jabatan-jabatan yang berkenaan termasuk badan-badan sukarela iaitu mengadakan gerakan menyelamatkan dengan segera. Saya ingin tahu

apakah sumbangan DAP kepada usaha-usaha menyelamat, apakah sumbangan Ahli Yang Berhormat dari kawasan Petaling itu sendiri membantu kerja-kerja menyelamat? (*Ketawa*) Di mana? Saya hendak bertanya di mana Pemuda Sosialis DAP pada ketika itu? Adakah DAP menyusun satu badan gerakcepat berusaha membantu serta-merta mangsa-mangsa yang kemalangan itu? Saya tidak dengar apa-apa beritapun di dalam suratkhbar mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, janganlah ada sesiapa yang mengatakan bahawa kami di pihak Kerajaan ini kurang rasa peri kemanusiaannya kalau hendak dibandingkan dengan Ahli dari Petaling dan rakan-rakannya dalam Opposition. Kita di sini tidak kurang rasa kemanusiaan kita terutama dalam menghadapi keadaan-keadaan kecemasan seperti ini, bahkan sebenarnya kita lebih mendahului ahli-ahli DAP dalam soal menyatakan rasa peri kemanusiaan kita. Wakil-wakil daripada Kerajaan, Pemangku Perdana Menteri sendiri pergi, Yang Berhormat Dato Menteri Perusahaan Utama sendiri pergi, Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar Selangor sendiri pergi. Apa lagi hendak? Mereka ini berada di tempat kemalangan itu lebih dahulu daripada usul ini dibawa ke dalam Dewan ini. Ini adalah satu bukti yang nyata bahawa kami di sebelah sini walaupun tidak lebih rasa kemanusiaan, kami sebenarnya tidak kurang rasa kasihan kami kepada kemalangan-kemalangan tersebut (*Tepuk*). Tetapi apa yang diminta oleh DAP dalam Dewan ini ialah supaya Jawatankuasa ditubuhkan. Saya percaya Ahli dari Petaling sedar bahawa sebuah Jawatankuasa sudahpun ditubuhkan, tetapi apa yang diminta oleh DAP di dalam Dewan ini ialah supaya laporan serta-merta dibawa ke dalam Dewan ini. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Petaling, perbuatan membuat laporan serta-merta itu adalah satu perkara yang gopoh-gapah. Kami dalam Dewan sebelah sini tidak menjadi style kami untuk membuat kerja secara gopoh-gapah, itu adalah satu exclusive bagi DAP untuk membuat kerja gopoh-gapah, itu sebabnya partinya berada dalam keadaan kucar-kacir pada masa ini (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, apa yang disebutkan dalam usulnya tadi mengatakan bahawa ini

adalah satu bencana alam yang dibuat oleh manusia, ciptaan manusia. Saya terperanjat mendengar lojik daripada Ahli Yang Berhormat daripada Petaling ini, mungkin beliau memikirkan lombong ini digali oleh manusia dan kemalangan itu berlaku, maka kemalangan itu dinamakan man-made disaster. Kalau lojik ini digunakan maka kapalterbang jatuh pun itu man-made disaster, kapal laut tenggelam pun man-made disaster, kemalangan jalanraya itupun man-made disaster. Bagi kami, kami percaya kepada Tuhan bahawa apa yang berlaku adalah takdir Tuhan, apa juga takdir manusia tidak dapat mengatasi takdir Tuhan. Kita dengar kemalangan-kemalangan yang lebih dahsyat berlaku di United Kingdom dalam lombong-lombong arang batu mereka, walaupun mereka mempunyai segala macam teknologi untuk menjaga keselamatan pekerja-pekerja, tetapi kemalangan berlaku juga. Itu menunjukkan dan itu patut menyedarkan orang-orang DAP bahawasanya Tuhan itu lebih berkuasa daripada manusia, kita hanya boleh berikhtiar, tetapi takdir Tuhan tidak dapat kita tolak dan kita tidak dapat menentang.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang dapat kita buat sekarang? Sebagai akhirnya saya hendak buat apa yang dapat kita sebut sekarang, yang patut kita tolong ialah membantu usaha-usaha memberi pemulihan kehidupan semula kepada orang-orang yang kehilangan nyawa orang-orang yang mereka sayangi dan kehilangan harta-benda. Patutlah pihak DAP kumpulkan duit banyak-banyak, kumpulkan makanan dan pakaian beri sumbangan kepada Jawatankuasa yang ditubuhkan itu (*Tepuk*) dan saya dapat tahu jawatankuasa yang ditubuhkan ini diinisiatif oleh ahli-ahli MCA, bukan ahli-ahli DAP. Walau bagaimanapun saya harap pihak DAP kalaulah mereka itu betul-betul mempunyai rasa kemanusiaan, lupakan dahulu soal parti, saya hendak dengar berapa banyak saudara saya dari Petaling hendak isytiharkan sumbangan kepada tabung yang dibentuk itu (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf tidak dapat memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan Kota Melaka kerana kesuntukan masa. Saya jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

6.18 ptg.

Menteri Perusahaan Utama (Dato Paul Leong Khee Seong) Tuan Yang di-Pertua, saya dengan rasa amat dukacita mengesahkan kepada Dewan bawah satu kejadian tanah runtuh telah berlaku pada sebelah petang 24hb Mac, 1981 di kawasan perlombongan Capitol Mining Sdn Bhd, Batu 8½ Jalan Puchong, Selangor yang dipercayai mengakibatkan mengikut kiraan pihak Polis pagi ini, kematian 7 orang pekerja lombong, 5 orang pekerja kontrak dan 7 orang awam yang tinggal di sekitar kawasan lombong. Izinkan saya menyampaikan ucapan takziah kepada mereka yang telah kehilangan orang-orang yang dikasihi di dalam kemalangan yang menyedihkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, adalah sukar bagi satu usaha menyelamatkan mangsa-mangsa kejadian secara besar-besaran sebaik sahaja kemalangan berlaku kerana keadaan tanah pada ketika itu masih belum stabil dan kemungkinan adalah besar bahawa pekerja-pekerja penyelamat sendiri akan menjadi mangsa tanah runtuh yang boleh berlaku lagi. Pada malam pula bahaya kepada pekerja-pekerja penyelamat akan lebih besar.

Saya sendiri telah melawat kawasan kemalangan pada petang tersebut dan dengan kerjasama yang rapat dari berbagai badan dan organisasi, telah mengarahkan beberapa langkah keselamatan diambil. Langkah keselamatan yang perlu diambil segera ialah pemindahan penduduk kawasan berhampiran dengan kejadian tanah runtuh. Langkah ini nyata terbukti perlu kerana lewat pada sebelah malamnya, sebuah rumah lagi telah jatuh ke dalam lombong. Perhatian telah diberi kepada keperluan-keperluan segera mereka yang telah dipindahkan.

Saya telah mengarahkan supaya kerja-kerja mencari mangsa-mangsa dan apa jua langkah yang perlu diambil bagi membantu mereka yang telah dipindahkan dilakukan dengan seberapa segera yang boleh. Saya juga telah mengarahkan supaya kerja-kerja melombong ditangguhkan dengan serta merta. Semua langkah yang saya nyatakan di atas telah dijalankan dengan seberapa segera oleh semua pihak yang berkenaan dan saya ingin

mengambil peluang ini untuk menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih saya kepada mereka.

Pada keesokan harinya pekerja-pekerja lombong yang masih ada di situ, pegawai-pegawai daripada Jabatan Galian, Kor Jurutera, Polis, Persatuan Bulan Sabit Merah, Jabatan Bomba, Pemangku Perdana Menteri, Menteri Besar dan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor serta Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Selangor, pegawai-pegawai Pejabat Daerah Petaling, beberapa orang Ahli Dewan yang mulia ini dan Dewan Perundangan Negeri Selangor dan dari badan-badan lain telah berada di kawasan tersebut untuk memberi apa-apa bantuan yang diperlukan.

Saya sekali lagi melawat kawasan kemalangan di sebelah petang hari kedua iaitu pada 25hb Mac dan telah mengarahkan supaya tanah di hadapan permukaan runtuh digali dan dibuang untuk mengurangkan kemungkinan tanah runtuh berlaku lagi yang boleh membahayakan pekerja-pekerja yang bertugas mencari mangsa di lantai lombong. Saya memberi keutamaan kepada kerja-kerja mencari mangsa yang telah tertimbus. Saya juga telah melancarkan satu tabung bantuan bencana untuk mengadakan bantuan tambahan kepada mereka yang telah dipindahkan. Tabung ini mendapat sokongan syarikat perlombongan berkenaan iaitu Capitol Mining Sdn Bhd, Dewan Perlombongan Negeri-negeri Tanah Melayu, Dewan Perlombongan Bumiputra, Persatuan Perlombongan Cina Se Tanah Melayu dan Persatuan-persatuan Perlombongan Negeri. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada semua pihak supaya memberi sumbangan kepada tabung ini. Semasa lawatan itu juga, saya telah sempat berhubung dengan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor yang telah sudi menguntukkan satu kawasan bagi menempatkan semula mereka yang telah dipindahkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun mengarahkan Jabatan Galian supaya meneruskan penyiasatan ke atas kejadian ini. Institut Penyelidikan Galian Jabatan ini juga akan menjalankan ujian daya tanah di kawasan tersebut. Penyiasatan-penyiasatan

ini adalah bertujuan untuk menentukan sebab-sebab kejadian berlaku, sama ada undang-undang dan lain-lain peraturan Kerajaan telah dipatuhi atau tidak dan untuk menentukan cara-cara bagaimana kejadian seperti ini boleh dihalang atau dielakkan daripada berlaku. Maklumat awal daripada penyiasatan ini menunjukkan bahawa kerja-kerja melombong telahpun dihentikan, dari segi keselamatan, di muka tanah yang telah runtuh apabila permukaan tersebut berada lebih daripada 30 meter dari rumah-rumah yang telah terlibat. Kerja melombong ini telah dihentikan lebih dari dua bulan yang lalu; kerja-kerja melombong telah dipindahkan ke tempat lain dalam kawasan melombong sementara persiapan dibuat untuk menempatkan semula rumah-rumah yang terlibat itu. Pemeriksaan yang kerap dilakukan, lebih kurang 10 hari sekali, telah dilakukan oleh Merinyu Galian Jabatan Galian, dan pemeriksaan yang terakhir dilakukan 6 hari sebelum berlakunya kejadian. Pemeriksaan yang terakhir itu tidak menampakkan sebarang tanda yang boleh menunjukkan bahawa satu kejadian tanah runtuh akan segera berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat selanjutnya saya ingin memohon izin untuk tidak menyentuh usaha-usaha penyiasatan yang sedang dijalankan sekarang ini kerana sebarang maklumat yang diutarakan sekarang mungkin mempengaruhi penyiasatan-penyiasatan yang semestinya dijalankan tanpa takut atau pilih kasih.

Saya telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menjalankan satu penyiasatan ke atas kejadian ini. Jawatankuasa ini akan diketuai oleh Ketua Setiausaha Kementerian saya dan akan mengandungi wakil-wakil daripada berbagai badan yang mempunyai kepentingan. Badan-badan yang dijangka akan diwakili dalam jawatankuasa ini ialah Jabatan Galian, Jabatan Penyiasatan Kajibumi, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair, Universiti, Institut Kejuruteraan Galian, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, Badan-badan perlombongan dan Badan-badan yang mewakili pekerja-pekerja lombong. Saya mengalu-alukan sebarang cadangan bagi kemungkinannya badan diwakili dalam jawatankuasa ini. Jawatankuasa ini antara lain

dijangka akan membuat perakuan mengenai cara bagaimana kejadian seperti ini boleh dielakkan daripada berlaku di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah sebelum dan selepas berlaku kejadian ini, mengarahkan Jabatan Galian supaya meneruskan kajian ke atas masalah keselamatan lombong-lombong yang dalam, terutama sekali lombong-lombong yang telahpun dikerjakan sebelum itu dan meminta mereka mengemukakan cara-cara yang difikirkan menasabah bagi mengatasi masalah ini. Arahan saya kepada pegawai-pegawai Jabatan tersebut termasuk meneruskan usaha mengetatkan lagi langkah-langkah keselamatan dan penyeliaan ke atas kerja-kerja melombong. Saya juga telah mengulangi seruan saya kepada pegawai-pegawai Jabatan itu, semua pengusaha dan pengurus lombong serta pekerja-pekerja lombong supaya senantiasa mempunyai kesedaran keselamatan dan berjaga-jaga tentang sebarang bahaya dalam operasi-operasi melombong.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menegaskan di sini bahawa di antara bidang mata pencarian hidup manusia, perlombongan adalah merupakan satu pekerjaan yang tidak terlepas dari bahaya, di negara kita atau di lain-lain negara di mana sesuatu kejadian yang berlaku itu tidaklah sama dengan kejadian lain. Seterusnya, saya suka menambah iaitu cara melombong di negara kita memerlukan satu pemahaman dan pengetahuan mengenai daya tanah atau soil mechanics. Malangnya, daya tanah ataupun soil mechanics sebagai satu sains pengajian bukanlah dan mungkin tidak akan menjadi satu ilmu sains yang exact (exact science). Dengan itu, operasi melombong tidaklah dapat dijalankan untuk mencapai taraf keselamatan yang mutlak; apa yang boleh dicapai ialah dengan mengurangkan unsur-unsur bahaya yang terdapat di dalam operasi tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka membuat perbandingan iaitu dalam tempoh 20 tahun yang lalu kejadian kemalangan lombong melibatkan tidak lebih dari 22 kehilangan nyawa tiap-tiap tahun daripada lebih kurang 44,000 orang pekerja dalam industri

perlombongan; ini memberikan kadar kematian sebanyak 0.50 bagi tiap-tiap 1,000 orang pekerja. Bilangan kematian yang paling kurang ialah 14 orang, bersamaan dengan 0.27 kematian bagi tiap-tiap 1,000 pekerja dalam tahun 1970, sementara yang paling tinggi ialah 42 orang, bersamaan dengan 0.76 kematian bagi tiap-tiap 1,000 yang bekerja dalam tahun 1966. Sebaliknya pula, di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat yang mempunyai paras teknologi yang sophisticated di dalam semua bidang, kadar kematian adalah sebanyak 0.67 bagi tiap-tiap 1,000 pekerja seperti terbukti dengan 99 kematian dalam tahun 1978 daripada jumlah pekerja seramai 148,496 orang. Perbandingan ini tidak bermakna bahawa saya berpuas hati dengan kadar kematian yang berlaku di lombong-lombong negeri ini tetapi kadar ini saya anggap tidaklah begitu teruk jika dibandingkan dengan keadaan yang terdapat di Amerika Syarikat dan lain-lain negara. Namun demikian, Kementerian saya dan Jabatan Galian adalah sentiasa berusaha mengurangkan lagi kadar kematian ini bukan sahaja atas dasar peri kemanusiaan tetapi juga dari segi pertimbangan-pertimbangan profesional pegawai-pegawai Jabatan Galian, dan akan terus berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil peluang ini untuk menyatakan penghargaan saya kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang telah menyatakan kebimbangan mereka mengenai kejadian ini dan di atas cadangan-cadangan yang telah dikemukakan. Kementerian saya dan juga jawatankuasa yang telah saya nyatakan di atas akan mengkaji cadangan-cadangan ini dan mengambil tindakan perlu di mana sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, seperti telah saya nyatakan dengan panjang lebar di atas, saya telah mengambil segala langkah yang boleh untuk menjalankan kerja-kerja mencari mangsa dan untuk memberi segala kemudahan kepada keluarga-keluarga mangsa yang dipindahkan dengan secepat mungkin yang boleh. Selain daripada itu saya telahpun mengadakan cara-cara bagaimana kejadian ini boleh dikaji dengan tujuan untuk memperbaiki lagi keselamatan kerja-kerja melombong di masa hadapan. Saya telah menekankan bahawa Kementerian saya

berazam untuk mengelakkan dan mengurangkan kejadian-kejadian seperti ini yang merupakan satu hazard pekerjaan dalam industri perlombongan dan bukanlah satu "bencana ciptaan manusia" seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

Daripada sebab-sebab yang telah saya nyatakan di atas, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengusulkan supaya Dewan ini menolak usul yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab perbahasan ini sudah melewati 6.30 petang, di bawah Peraturan Mesyuarat 18 tidak boleh usul ini dikemukakan kepada Dewan.

Sekarang Dewan berbalik semula kepada urusan perkara yang ketinggalan tadi dan akan digantikan selama 1 jam 2 minit. Sila Yang Berhormat Menteri Kebajikan Am.

RANG UNDANG-UNDANG KANAK-KANAK DAN ORANG MUDA (PINDAAN)

Perbahasan disambung semula

6.33 *ptg.*

Datin Paduka Hajjah Aishah binti Haji Abdul Ghani: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung sedikit jawapan saya bagi menjelaskan satu dua perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan tadi.

Ahli Yang Berhormat dari Panting menimbulkan kebimbangannya berkenaan dengan Undang-undang Anak Angkat (Adoption Ordinance). Di sini suka saya menyatakan Adoption Ordinance ini hanyalah untuk orang-orang bukan Islam. Bagi orang-orang Islam undang-undangnya ialah Registration of Adoption Ordinance, maknanya ialah anak angkat itu hanya didaftarkan sahaja iaitu untuk pendaftaran dan juga untuk pengecualian dari cukai pendapatan tetapi dia tidaklah dibinkan atau dibintikan kepada bapa angkatnya, hendaklah bin dan bintinya ialah Abdullah.

Ahli Yang Berhormat dari Setapak telah membangkitkan pula masalah harta anak yatim. Suka juga saya menerangkan, Tuan Yang di-Pertua bahawa pemilikan harta bagi anak yatim ini adalah diuruskan oleh Pemegang Amanah Raya (Public Trustee) dengan kerjasama dari pihak Kementerian Kebajikan Am yang bertanggungjawab bagi membimbing mereka supaya anak yatim ini tidak disia-siakan. Saya sudah sebutkan tadi saya tidak akan menjawab satu persatu masalah-masalah yang dibangkitkan kerana pandangan-pandangan ini telahpun dirakamkan di mana-mana yang baik kita akan melaksanakan. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyatakan sokongannya terhadap pindaan Akta ini.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 4 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.38 ptg.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu

satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 dibaca kali kedua sekarang.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah bagi menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah. Lembaga ini akan bertanggungjawab bagi memajukan Wilayah Kedah ini luar kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA): Wilayah pembangunan di Negeri Kedah sepertilah juga dengan wilayah-wilayah yang diadakan di Pahang, Johor, Trengganu dan Kelantan.

Strategi Pembangunan Wilayah adalah merupakan satu pendekatan yang bersepadu untuk mengurangkan perkembangan ekonomi yang tidak seimbang di antara negeri-negeri di Malaysia dan juga di antara kawasan-kawasan di dalam negeri-negeri itu sendiri. Strategi ini juga mementingkan keupayaan atau potensi tiap-tiap wilayah untuk menampung pembangunan pertanian dan perindustrian terutamanya di negeri-negeri yang kurang maju untuk menjamin pembangunan wilayah dapat memberi sumbangan kepada pembangunan negara seluruhnya. Matlamat asas pembangunan wilayah ialah agihan yang seimbang bagi pendapatan, kemudahan-kemudahan sosial seperti perumahan, perubatan, bekalan air dan elektrik, persekolahan dan peluang-peluang untuk membolehkan pembangunan sosial dan ekonomi untuk rakyat selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Laporan Rancangan Malaysia Ketiga menunjukkan bahawa Kedah adalah salah sebuah daripada negeri yang masih tercicir. Pada keseluruhannya pendapatan di seluruh Negeri Kedah iaitu di luar MADA adalah tidak bertambah jika dibandingkan dengan pendapatan negara. Pendapatan penduduknya merosot dari 67% kepada 54% dari tahun 1970-78 jika dibandingkan dengan pendapatan purata negara.

Apa yang lebih ketara lagi mengenai keadaan kemiskinan di keseluruhan Negeri Kedah ialah kemiskinan secara relatif bagi kawasan di luar MADA dengan yang tinggal di dalam kawasan MADA. Kemajuan yang dicapai oleh MADA nampaknya telah

membesarkan lagi jurang pendapatan di antara petani-petani kawasan MADA dengan di luar MADA. Pendapatan purata tahunan petani-petani kecil di kawasan MADA ialah \$4,760.00 jika memiliki tanah sendiri dan \$3,810.00 jika menyewa. Ini berbanding dengan \$2,150.00 ke \$3,560.00 bagi tanah sendiri dan \$1,670.00 ke \$2,400.00 jika menyewa di kawasan-kawasan di luar MADA. Patut juga diambil kira bahawa di kawasan luar MADA itu terdapat juga golongan petani miskin yang mempunyai pendapatan lebih rendah dari yang disebut tadi.

Kadar kemiskinan yang tinggi dalam Negeri Kedah berbanding dengan negerinegeri lain ialah disebabkan penggunaan tanah yang kecil, pertambahan penduduk yang cepat, dan juga kekurangan punca pendapatan selain dari pertanian. Dalam keadaan begini adalah nyata betapa perlunya Kerajaan menyediakan rancangan-rancangan pembangunan dan benar-benar melaksanakannya serta mengerakkan petani-petani dengan berkesan.

Kajian Pembangunan Kedah/Perlis telah meramalkan penduduk Kedah akan bertambah dari 992,939 dalam tahun 1970 kepada 1,264,000 dalam tahun 1980 dan 1,626,000 dalam tahun 1990. Pertumbuhan penduduk yang cepat ini membawa kepada pertambahan jumlah gunatenaga yang cepat; dan ini merupakan masalah ekonomi yang berat bagi Negeri Kedah kerana sumber-sumber yang terhad dalam negeri termasuk tanah akan menjadi semakin berkurangan.

Rancangan untuk membuka tanah pertanian yang baru di Kedah amat terhad sejak 1974 lagi. Pada akhir 1980 dianggarkan hanya antara 10,000-12,000 ekar sahaja lagi tanah yang ada. Tanah yang tinggal itu pun adalah berselerak dan sukar untuk dimajukan. Dengan itu Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah akan memperakukan kepada pembangunan 'in situ'.

Oleh itu, pendapatan rakyat di luar kawasan MADA adalah ketara sekali rendahnya daripada penanam padi dan pekerja industri di kawasan yang lebih maju. Separuh dari jumlah pekebun kecil itu hidupnya adalah di bawah garis kemiskinan.

Adalah diperhatikan bahawa negeri Kedah tidak kurang mendapat peruntukan kewangan. Apa yang menjadi masalah kepada Negeri Kedah ialah kurang tenaga pelaksanaan. Misalnya jumlah perbelanjaan sehingga 1979, Negeri itu telah membelanjakan kurang dari 58% daripada peruntukan asal Rancangan Malaysia Ketiga. Kebanyakan Agensi-agensi dan Jabatan-jabatan yang terlibat membelanjakan kurang daripada yang mereka perolehi.

Dengan latar belakang inilah Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah mencadangkan penubuhan satu Lembaga Kemajuan Wilayah meliputi kawasan di luar kawasan MADA bagi mempercepat dan membetulkan kemajuan yang tidak seimbang di Kedah, iaitu antara kawasan MADA dengan kawasan luar MADA.

Tuan Yang di-Pertua, Wilayah yang dicadang dimajukan sebagai Wilayah Pembangunan ini adalah seluas lebih kurang 2,078 juta ekar. Wilayah ini meliputi keseluruhan Daerah Padang Terap, Sik, Baling, Kulim-Bandar Baharu dan Pulau Langkawi dan kawasan luar MADA iaitu sebahagian Daerah Kubang Pasu, Kota Setar, Pendang, Kuala Muda dan Yan.

Berdasarkan kepada pengalaman yang telah diperolehi daripada Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah yang lebih awal seperti DARA, KEJORA, KETENGAH dan KESEDAR, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah ini akan diberi kuasa yang jelas dan positif mengenai semua pelaksanaan pembangunan di Wilayah itu. Di bawah peraturan ini projek boleh disiapkan mengikut jadual dan, jika ada kelambatan, boleh diperbaiki dengan menyusun semula tenaga kerja, alat-alat dan lain-lain dengan secepatnya. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah adalah bertanggungjawab bagi kemajuan satu-satu program atau projek daripada peringkat perancangan awalnya hingga kepada pelaksanaan sepenuhnya.

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah akan dilancarkan dengan geran pelancaran sebanyak \$3 juta bagi membiayai gaji dan pembinaan pejabat serta membeli alat-alat pejabat. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah ini adalah dicadangkan untuk sementara

sahaja bagi tempoh selewat-lewatnya 20 tahun. Selepas itu pentadbiran pembangunan akan dipegang sepenuhnya oleh jentera pentadbiran negeri.

Sebagai Lembaga, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh mengikuti atau "monitor" perkembangan dan kegiatan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah kerana Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga ini akan dibentangkan di Parlimen.

Oleh kerana fungsi dan tugas Lembaga ini besar serta berat dan penting, maka sukalah saya memberitahu sedikit latar belakang kedudukan perkembangan kemajuan bagi Negeri Kedah di luar MADA. Data-data ini adalah hasil daripada satu kajian yang dibuat.

Dalam tahun 1970, seramai 306,000 orang mendapat pekerjaan di Kedah. Dari jumlah itu 71% dalam bidang pertanian, 21.4% dalam bidang perkhidmatan dan perkilangan 2.5%. Walau bagaimanapun, pecahan pekerjaan ini telah berubah dalam tahun 1979 dalam mana dalam bidang pertanian, perikanan dan perhutanan 59.4%, pekhidmatan 24% dan perkilangan 4.6%. Kadar pengangguran telah bertambah dari 3.8% dalam tahun 1970 kepada 10% dalam tahun 1979.

Angka-angka kegunaan tanah dalam tahun 1974 kepada tahun 1977 menunjukkan bahawa dari keseluruhannya kawasan yang ditanam 53% adalah getah, 30% padi, 8% dusun, 4% rumput dan lain-lain tanaman berjumlah 5%. Sebagaimana kebiasaan pekebun-pekebun kecil dalam negeri tersebut adalah bercucuk tanam secara tanaman campuran, iaitu dalam kawasan 1-2 ekar ditanam dengan padi, 3-5 ekar dengan getah dan 1 ekar dusun.

Penubuhan tugas kuasa dan Ahli-ahli Lembaga ini adalah seperti dalam Bahagian II Rang Undang-undang ini. Lembaga ini mempunyai seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, 3 orang wakil Kerajaan Persekutuan, 3 orang wakil Kerajaan Negeri, 3 orang wakil terdiri dari tokoh-tokoh professional yang berkaitan dan ini mempunyai 3 tugas yang besar:

- (1) memaju, menggalak, membantu dan meluaskan pembangunan ekonomi dan

sosial dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah;

- (2) memaju, menggalak, membantu dan mengusahakan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perusahaan dan perdagangan dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah; dan
- (3) mengawal dan menyelaraskan pelaksanaan kegiatan-kegiatan yang tersebut di atas dalam kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah.

Fasal 4 (2) menentukan kuasa dan juga kegiatan-kegiatan yang boleh dijalankan oleh Lembaga ini.

Fasal 8 menentukan bahawa Lembaga ini adalah di bawah arahan Menteri dan Menteri menggunakan kuasanya untuk mengarahkan cara mana modal dan hasil Lembaga ini patut dijalankan. Lembaga adalah diminta menghantarkan kepada Menteri laporan penyata dan maklumat-maklumat yang diperlukan.

Bahagian III Rang Undang-undang ini menentukan tugas Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Pengurus Besar dan Timbalan Pengurus Besar. Lembaga boleh mewujudkan bahagian-bahagian di bawah kawalan seorang Pengerusi. Dia juga diberi kuasa mengambil pegawai-pegawai dan kakitangan bagi menjalankan tugasnya.

Bahagian IV dan V Rang Undang-undang ini menyatakan kemudahan kewangan Lembaga termasuk kuasa untuk memberi pinjaman, meminjam dan melabur. Kuasa-kuasa dan tugas-tugas tambahan boleh diberi kepada Lembaga oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri mengikut kuasa-kuasa (10) Rang Undang-undang ini. Dan jikalau difikirkan perlu Lembaga boleh menubuhkan perbadanan bagi menjalankan projek-projek kerjanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk memperbadankan

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dan untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Kota Setar.

6.51 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepele dua dalam Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Terlebih dahulu saya menyatakan rasa tidak kepuasan hati saya oleh kerana pada hari pelancaran Wilayah Kedah baru-baru ini di Alor Setar saya tidak dapat turut bersama oleh kerana beberapa hal yang tidak dapat dielakkan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang datang dari negeri Kedah tentu sekali berasa amat gembira kerana kalau orang Johor bergembira dengan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara, kalau orang Kelantan bergembira dengan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan, kalau orang Trengganu bergembira dan bermegah dengan Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah dan kalau orang Pahang dia bermegah-megah pula dengan Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara maka sebagai orang negeri Kedah, insya Allah, Tuan Yang di-Pertua, tentu sekali rasa gembira kerana di Kedah pun ada wilayahnya (*Tepuk*).

Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, Wilayah Kedah ini lain dari yang lain. Wilayah di negeri Johor patutlah dipanggil Wilayah kerana dalam satu negeri ada wilayahnya. Tetapi di dalam negeri Kedah ini wilayahnya seluruh negeri Kedah itu menjadi Wilayah Negeri Kedah. Ini masalah yang saya fikir di dalam kepala saya, Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah besar tentulah banyak ragamnya. Kalau rancangan dan cadangan yang baik dari Menteri yang berkenaan ataupun daripada Kerajaan Malaysia ini takut-takut gagal, tetapi saya berdoa supaya jangan gagal.

Tuan Yang di-Pertua, mendengar penerangan dan penjelasan yang telah

diberikan oleh Menteri yang berkenaan baru sebentar tadi saya rasa turut berdukacita kerana negeri Kedah hari ini sebuah negeri yang tercicir jauh di dalam pembangunan dan kalaulah ini ubatnya dan ini kemajuan wilayah ataupun dengan pembentukan Wilayah ini boleh memperbaiki keadaan keciciran dan keadaan kemunduran satu-satu negeri maka sepatutnya wilayah ini telah ditubuhkan satu masa yang lama, bukan sekarang ini, sebagaimana yang telah tertubuh di negeri-negeri yang lain. Mungkin ini, Tuan Yang di-Pertua, bukan kesilapan Menteri yang berkenaan ataupun orang-orang yang bertanggungjawab di pihak Pusat atau di pihak Kuala Lumpur. Bahkan kalau kita hendak bubuh kelemahan-kelemahannya kita letakkan kepada Kerajaan Negeri itu sendiri. Oleh kerana Kerajaan Negeri sendiri tidak mempunyai inisiatif, tidak mempunyai pandangan, tidak mempunyai pengalaman dan tidak mempunyai kewibawaan untuk memperbaiki kedudukan ekonomi anak-anak negeri khususnya negeri Kedah maka inilah jadinya. Walau bagaimanapun, tentulah tidak terlambat sangat. Bukan sahaja Menteri berdukacita saya pun turut berdukacita juga oleh kerana sebagaimana yang saya tahu, peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga bagi negeri Kedah ini diperuntukkan sebanyak tidak kurang daripada \$1,200 juta adalah lebih; bermakna 1.2 billion. Itupun, saya tidak tahulah ini mungkin kesilapan dan kelemahan Kerajaan Negeri Kedah juga, sampai saat sekarang ini baru habis belanja \$600 juta. Dan mengikut apa yang tertulis di dalam buku Rancangan Malaysia Keempat, Negeri Kedah sendiri akan mendapat \$2.3 million untuk Rancangan Malaysia Keempat.

Kalaulah dibiarkan Kerajaan Negeri Kedah tentulah wang ini ditinggalkan begitu sahaja. Oleh sebab itu saya berharap sangatlah supaya Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah ini dengan perantaraan Rang Undang-undang Kemajuan Wilayah Kedah 1981 ini dapat membangunkan semula negeri Kedah ini dan dapat pula rakyat negeri Kedah ini di dalam kehidupannya bertanding dengan rakyat-rakyat negeri lain. Saya tidak ingin melihat dan tidak ingin mendengar lafaz-lafaz dan kalimah-kalimah bahawa "Negeri Kedah mundur" di dalam Dewan yang mulia ini. Sebagai orang Kedah saya berasa tidak

seronok sangat, Tuan Yang di-Pertua, sebagai orang Kedah yang Perdana Menteri pertamanya pun orang negeri Kedah; mungkin Perdana Menteri yang akan datang pun dari negeri Kedah, kita tidak mahu dengar negeri Kedah ini mundur, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Yang Berhormat Menteri dalam kenyataannya yang menyatakan ada perbezaan. Perbezaan memang ketara betul, kalau dibandingkan sekarang inipun dengan orang yang di dalam rancangan MUDA dengan orang-orang yang di luarnya. Bukan sahaja hendak dibandingkan dengan orang-orang Perlis, Perlis samalah dengan negeri Kedah ini, kerana itu saya berharap juga Perlis pun, kalau boleh buatlah satu Wilayah Perlis walaupun negerinya kecil. (*Ketawa*) Kita buat wilayah juga! Pendeknya kita bandingkan pentabiran wilayah di negeri itu biarlah ada perlumbaan. Mungkin dengan perlumbaan itu rakyat jelata akan mendapat kehidupan yang lebih baik.

Saya ingin memesan dan memperingatkan pihak-pihak yang berkenaan khasnya Menteri yang berkenaan, di dalam perlantikan anggota-anggota lembaga ini biarlah benar-benar orang yang mempunyai kelayakan yang betul-betul, sebab di masa sekarang inipun kadangkala kebolehan itu dikebelakangkan dengan kepentingan politik. Dalam masalah ini, saya berharap masalah politik itu tinggalkan di belakang, masalah kejayaan lembaga ini sendiri mesti diutamakan. Jangan sebagaimana benda-benda yang berlaku sekarang ini banyak pensioners yang baharu pencen dibawa ke lembaga, lepas itu dia pun sudah tua, apa yang hendak difikirkan lagi. Kita mestilah cari yang fresh, yang muda-muda keluar daripada universiti. Kalau dia keluar daripada universiti kita hantarkan dia dahulu pergi mencari pengalaman, train dia dahulu untuk mendapatkan pengalaman, baharu bawa dia ke sini. Dengan itu saya rasa lembaga ini akan mendapat kejayaan yang baik dan hasilnya akan bagus dan bertuahlah orang-orang yang datang daripada Kedah. Oleh kerana ada kawan-kawan yang lain yang hendak bercakap, saya rasa biarlah kawan-kawan saya itu dapat peluang, saya sudahlah

percakapan saya ini dengan memberi sokongan yang amat kuat, walaupun saya ini orang PAS (*Tepuk*), tetapi saya beri sokongan yang kuat.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda.

7.02 mlm.

Tuan Haji Hashim bin Endut (Ulu Muda): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dalam Dewan yang mulia ini kerana memberi sokongan ke atas Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah yang dibentangkan pada hari ini oleh Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Tuan Yang di-Pertua, setinggi tahniah kepada Pemangku Perdana Menteri Malaysia, Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad, pada 28hb Februari, 1981 di Alor Setar di mana turut hadir bersama Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah telah mengumumkan penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah dalam usaha Kerajaan meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar terutama rakyat di luar kawasan MADA ketahap yang lebih baik dari segi ekonomi, sosial, pembangunan, industri dan lain-lain infrastruktur. Penubuhan lembaga tersebut yang meliputi seluruh negeri Kedah termasuklah Pulau Langkawi kecuali kawasan-kawasan meliputi MADA adalah telahpun diperkenankan dan ditakzirkan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah sendiri. Kepujian patutlah diberikan kepada Kerajaan Pusat yang telah berjanji tidak akan berpuas hati sebelum rakyat di kawasan ini mendapat faedah sepenuhnya dari segala projek yang dilaksanakan itu.

Negeri Kedah telah diberi peruntukan yang banyak untuk melaksanakan projek-projek pembangunan bagi Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan sebanyak \$1.26 billion telah diluluskan dan dalam Rancangan Malaysia Keempat pula lebih kurang \$2.38 billion akan diperuntukan iaitu merupakan satu pertambahan sebanyak 89% berbanding dengan peruntukan Rancangan Malaysia Ketiga. Dengan adanya peruntukan baharu dan pertambahan peruntukan yang begitu

besar bagi Kedah, jelas sudah jujurnya Kerajaan Pusat untuk membangunkan negeri jelapang padi iaitu Kedah Darulaman.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, apa yang sedang menjadi persoalan berhubung dengan kemajuan pembangunan di negeri Kedah sekarang bukan lagi mengenai peruntukan tetapi ialah daya tenaga (capacity) dan dayausaha (capability) yang ada di negeri Kedah pada masa ini. Kedua-dua daya ini yang terhad adalah menjadi shortfall negeri Kedah dan Kerajaan Pusat patut sangat melihatkan persoalan ini boleh diselesaikan segera, guna bagi menambahkan pemesatan dan kecekapan dalam lapangan ini. Dari data-data yang didapati di negeri Kedah jelas sekali prestasi kemajuan negeri Kedah adalah termasuk dalam golongan negeri yang kedua termundur dan kurang maju di dalam Malaysia. Di antara sebab-sebab yang membawa kepada prestasi begitu rendah ialah negeri Kedah sangat kurang pegawai-pegawai teknikal serta pegawai-pegawai mahir. Kekurangan tenaga kontrekk, kelembapan suasana pelaburan, kurang koordinasi yang cekap dan setengah-setengahnya disebabkan procedure dan peraturan-peraturan atau undang-undang yang lama serta lapok. Kita harus memandangkan perkara ini sebagai satu perkara yang serius dan tidak boleh dibiarkan. Satu langkah tegas mestilah segera dibuat supaya boleh mengatasi dan memperbaiki keadaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya dan seluruh rakyat negeri Kedah yakin dan percaya lembaga ini dapat mengubah struktur hidup masyarakat luar kawasan MADA yang sudah memang lama ditunggu-tunggu oleh mereka. Lembaga yang baharu ditubuhkan ini akan dipertanggungjawab memajukan kawasan-kawasan di luar MADA termasuklah Pulau Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya merujuk kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan dalam Bab 4 iaitu berkenaan dengan tugas-tugas lembaga ialah memaju, menggalakkan, membantu sebagaimana yang diterangkan tadi dan kalaulah perkara ini boleh dijalankan saya yakin dan percaya lembaga ini akan menjadi satu lembaga yang

betul-betul memberi kesan yang baik kepada rakyat keseluruhannya apabila mereka berada di dalam kawasan lembaga ini.

Berkenaan dengan Fasal 5 di dalam Rang Undang-undang ini saya ingin mengesyorkan kepada Menteri yang berkenaan supaya 3 orang wakil Kerajaan Negeri itu hendaklah ditambahkan kerana tenaga-tenaga professional sangat perlu diadakan kerana negeri Kedah memang kurang perkara ini. Dan salah seorang daripada wakil Kerajaan Negeri itu, kalau boleh biarlah Pengarah Tanah sendiri, kerana soal tanah adalah sangat penting dan mustahak di dalam menjayakan lembaga ini. Dan berbangkitlah kepada orang-orang profesional yang dimaksudkan itu mungkin juga kalau boleh ahli-ahli politik mestilah dimasukkan bersama kerana masalah politik tidak kurang pentingnya dalam menjalankan aktiviti-aktiviti di dalam Lembaga ini.

Berhubung dengan Pengurus Besar, saya agak pemilihan Pengurus Besar tidaklah perlu difikirkan di mana-mana pun, memadamkan kepercayaan Menteri sahaja kepada mana-mana pegawai yang dianggap boleh menjelaskan kerja ini ambillah beliau itu bertugas dengan Lembaga dan kuasa-kuasa perlulah diberi dengan begitu luas sekali kepada Pengurus Besar ini kerana Pengurus Besar ini tertakluk kepada.....

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa ucapan kali ini eloklah ditumpukan kepada dasar. Dalam Jawatankuasa nanti kalau hendak ditumpukan pada bab-bab yang tertentu, bolehlah. Saya harap ditumpukan kepada dasar dahulu.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, masalah saya menyentuh berkenaan dasar. Saya minta Pengurus Besar, setengah Lembaga apabila Pengurus Besarnya dilantik kadangkalanya disekat-sekat kuasa-kuasa kepada Pengurus Besar yang mana itu juga menyebabkan kegagalan kepada Lembaga tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, masalah utama yang harus difikirkan oleh Lembaga ini ialah hakikatnya kawasan pertanian di wilayah ini adalah terhad di dalam potensi perluasan

kawasan dan pembahagian sumber tanaman. Hanya dua jenis tanaman sahaja yang mempunyai potensi commercial iaitu getah dan padi. Kemungkinan tanaman kopi diperluaskan nampaknya besar tetapi ianya belum dibuktikan lagi.

Limitation yang tersebut di atas adalah disebabkan oleh tanah-tanah pertanian yang dimiliki dan diusahakan oleh petani-petani kecil adalah tanah-tanah yang kurang subur dan yang susah mendapat bekalan air sepanjang tahun. Oleh itu, di dalam bidang pertanian, Lembaga ini tidak seharusnya menghabiskan masanya cuba menanam dan meluaskan bahan-bahan tanaman yang tidak dibuktikan potensi commercialnya.

Fungsi percubaan mestilah diberi kepada MARDI. Adalah dicadangkan Lembaga ini menumpukan dayausaha kepada kerja-kerja meningkatkan lagi daya pengeluaran padi dan getah sehingga mencapai tahap yang setanding dengan kawasan-kawasan maju.

Pada hakikatnya strategi pembangunan kawasan Lembaga Kemajuan Kedah ini mestilah ditumpukan kepada cara-cara untuk mengendalikan pengaliran kekayaan yang didapati dari nilai-nilai pertambahan ke atas pengeluaran padi dan getah. Dengan lain perkataan, di dalam meningkatkan lagi daya pengeluaran padi dan getah, aktiviti-aktiviti ekonomi memproses dan pemasaran beras dan getah SMR mestilah dipegang oleh petani-petani kecil melalui individu ekonominya sendiri seperti Pertubuhan Peladang.

Saya mencadangkan agar Lembaga ini menubuhkan kilang-kilang padinya sendiri untuk menampung pengeluaran padi dari lebih kurang 140,000 ekar sawah padi di kawasan ini dan beras yang dikeluarkan ini dipasarkan sendiri oleh syarikat kepunyaan petani-petani kecil. Begitu juga getah yang mana saya mencadangkan melalui RISDA atau usaha mengumpulkan susu dan getah kepung oleh syarikat yang dipunyai oleh petani-petani itu sendiri. Agensi-agensi lain seperti LPN dan MARDEC mesti memberi kerjasama rapat kepada Lembaga di dalam hal ini. Selepas kedua-dua strategi ini tercapai maka bolehlah Lembaga menumpukan pula kepada usaha-usaha industri perdagangan yang lain. Tetapi saya ingin menegaskan di

dalam usaha perindustrian dan perdagangan, Lembaga mestilah melibatkan sumber-sumber modal tanah dan tenaga buruh dari masyarakat petani kecil dengan seluas-luasnya. Dengan cara ini barulah penglibatan ekonomi petani-petani kecil ke dalam rangkaian ekonomi negara boleh berlaku.

Di dalam bidang perbandaran pula, Lembaga mestilah menitik-beratkan soal perbandaran bumiputra bukan hanya dengan menyiapkan gerai-gerai kecil untuk berniaga goreng pisang atau asam jawa, tetapi mestilah ditumpukan kepada perniagaan besar seperti bertindak sebagai pemborong besar barang-barang keperluan harian, seperti gula, tepung, gas masak, minyak tanah, minyak diesel dan lain-lain. Untuk menjalankan kerja-kerja yang saya katakan itu, Lembaga mestilah mempunyai pegawai-pegawai profesional yang mahir, janganlah dijadikan Lembaga ini sebagai satu agensi menaruh dan menolak fail semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya berbalik kepada apa yang diragukan oleh Yang Berhormat dari Kota Setar tadi, beliau ada mengatakan rasa tidak puas hati kerana tidak dapat hadir bersama-sama semasa pelancaran di Alor Setar. Perkara itu adalah perkara yang mudah. Mungkin juga beliau tidak hadir kerana tidak dijemput ataupun kerana tidak diminta hadir pada hari tersebut, janganlah kecil hati di atas perkara itu.

Beliau juga ada mengatakan Lembaga ini adalah lain dari yang lain yang mana saya juga bersetuju kerana Lembaga ini adalah lain daripada KEJORA, KETENGAH dan sebagainya kerana Lembaga-lembaga lain itu ditubuh, diberi satu kawasan di mana hutan begitu tebal, boleh dikatakan virgin jungle tetapi di dalam kawasan ini Lembaga akan menumpukan kepada satu kawasan yang mana dipenuhi dengan penduduk-penduduk pada hari ini dan ini membuktikan bahawa Kerajaan Pusat ingin menolong mereka yang berpendapatan rendah sepertimana yang disuarakan oleh Menteri tadi. Walau bagaimanapun, saya yakin dan percaya dengan adanya satu Lembaga yang begitu konkrit keraguan yang disuarakan oleh Wakil Kota Setar tadi tidak patut menjadi keraguan beliau kerana kita percaya Lembaga ini tidak akan menempuhi kegagalan.

Beliau juga ada menuduh bahawa Kerajaan Negeri Kedah sangat lemah, tidak berkewibawaan, tidak cekap dan sebagainya. Sebagai beliau sendiri juga wakil dari Jerlun mengapa perkara ini dibangkit di dalam Dewan yang mulia ini, tidak dibangkitkan oleh beliau semasa di dalam Dewan Undangan Negeri? Ini membuktikan bahawa wakil dari Kota Setar itu hanya mencari publisiti yang murah, menuduh kepada orang yang tidak boleh menjawab tuduhan di dalam Dewan ini. Itu adalah satu perkara yang tidak patut. Mungkin juga wakil dari Kota Setar ini takut dan bimbang kalaulah berjaya Lembaga ini dengan sendirinya perjuangan politik parti beliau akan tergugat di atas kejayaan yang akan dibawakan oleh Kerajaan Barisan Nasional ke dalam Negeri Kedah yang kita kasihi ini. Oleh yang demikian, saya menasihatkan wakil dari Kota Setar itu tidak usahlah ragu, tidak usahlah bimbang kerana kita percaya orang-orang yang hendak menjalankan tugas ini adalah terdiri daripada pakar-pakar, pegawai-pegawai yang profesional dan Menteri yang membawa usul ini dan Menteri yang akan ditanggungjawabkan ini adalah seorang Menteri yang penuh dengan tanggungjawab menjalankan tugasnya.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga yang baru ditubuhkan ini akan bertanggungjawab bagi memajukan kawasan di luar MADA termasuklah sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi kewujudan Lembaga ini diaspirasi oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang telahpun berjaya mempertingkatkan pendapatan rakyat petani di kawasannya kepada satu kadar yang boleh dibanggakan. Dalam masa sepuluh tahun MADA ditugas, pendapatan rakyat petani di kawasan ini telah meningkat lebih dua setengah kali ganda dari masa sebelum MADA dan hasil dari pembangunan pesat di situ maka sektor-sektor ekonomi luar bandar termasuk bahagian industri, perdagangan dan perkhidmatan telah mengalami pertumbuhan yang pesat.

Lembaga baru ini akan menjadi satu pendekatan yang lebih tersusun dan sistematik dapat dijalankan secara berpadu supaya pembangunan di kawasan luar MADA tidak mengalami sebarang masalah seperti

masa-masa yang lalu dari segi kawasan dan gunatenaga rakyat. Kerajaan dan Barisan Nasional optimis penubuhan Lembaga ini akan dapat meningkatkan pendapatan kaum-kaum tani kecil dan pekebun-pekebun kecil secara menyeluruh. Bagaimanapun identiti jabatan dan agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA, RISDA, LPN, JKR, DID, JPT dan lain-lain lagi dalam menjalankan kerja pembangunan yang sedia ada akan dikekalkan. Lembaga akan merancang, menyelaras dan menjalankan projek-projek pembangunan bersama-sama dengan jabatan-jabatan dan agensi-agensi berkenaan mengikut rancangan induk pembangunan kawasan ini.

Segala kerja-kerja akan diselaraskan di antara satu jabatan dengan jabatan yang lain, lebih tepat lagi, dengan izin, "to complement and supplement" sesama sendiri. Lembaga ini diwujudkan lain daripada yang lain seperti mana yang kita semua sedia maklum seperti KEJORA, KETENGAH dan DARA. Disebabkan kawasan ini seperti saya katakan tadi ada diduduki oleh manusia dan negeri Kedah sangat kurang sumber-sumber hasil negeri seperti hutan, bijih dan sebagainya, maka peluang Lembaga ini hendak mencontohi lembaga-lembaga yang lain tak mungkin akan terjadi, sebab itulah dikatakan Lembaga ini wujud lain daripada yang lain.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah mungkin timbul dari segi banyaknya intelek di dalam lembaga ini dan ini mungkin boleh dikatakan intellectualism report yang tidak betul. Kadangkala pegawai-pegawai yang professional ini selalu membayangkan, memberi gambaran kepada Menteri-menteri satu perkara yang sangat baik dan sebagainya. Janganlah mudah kita mendengar daripada laporan-laporan tersebut, maka kita patutlah awasi sama ada laporan-laporan yang dibuat oleh pegawai-pegawai ikhtisas ini adakah benar atau tidak. Pada masa ini kita telah mendengar kejayaan projek-projek pembangunan Kerajaan dilaporkan dari satu masa ke satu masa. Jikalau kita teliti betul-betul ke atas laporan kejayaan ini apa yang ketara ialah pencapaian-pencapaian berikut:

- (1) Peningkatan daya pengeluaran (produktiviti) di kalangan masyarakat

tani yang mengambil bahagian di dalam projek pembangunan.

- (2) Peningkatan pendapatan di kalangan petani-petani ini. Apakah dua petunjuk pembangunan ini cukup untuk menceritakan seluruh perkembangan pembangunan. Dan apakah kedua petunjuk ini betul-betul menunjukkan pembangunan? Tentu sekali jawabnya kepada kedua-dua soalan itu tidak. Pertama sekali ianya tidak cukup, kerana proses pembangunan bukanlah terhenti setakat usaha mengeluarkan bahan-bahan mentah sahaja. Ianya merangkumi keseluruhan aktiviti pengeluaran, memproses dan pemasaran. Kedua aktiviti petani bukan sahaja mengeluarkan bahan-bahan mentah tetapi juga mereka menggunakan bahan-bahan keperluan harian yang mereka mesti membeli. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan supaya laporan-laporan pembangunan mestilah mempunyai petunjuk seperti berikut:

- (1) Peningkatan daya pengeluaran (Produktiviti).
- (2) Peningkatan pendapatan petani.
- (3) Kenaikan kos barang-barang keperluan harian yang digunakan oleh masyarakat tani.
- (4) Peningkatan pendapatan sektor perniagaan yang menjalankan perniagaannya dengan masyarakat tani yang berkenaan.
- (5) Darjah penglibatan sumber-sumber ekonomi tani di dalam sector secondary di dalam kawasan pembangunan yang berkenaan.

Dengan petunjuk-petunjuk ini dapatlah kita melihat apakah peningkatan pendapatan yang didapati oleh petani itu betul-betul masuk ke poketnya untuk disimpan, dilabur dan dijadikan modal yang akan terus membantunya ke arah kejayaan ekonomi dan pelajaran jenerasinya. Apa yang berlaku pada masa ini.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Ulu Muda, duduk sekejap!

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

7.25 mlm.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dipertimbangkan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Shariff bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini telah selesai dipertimbangkan.

RANG UNDANG-UNDANG LEMBAGA KEMAJUAN WILAYAH KEDAH

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan, Yang Berhormat dari Ulu Muda.

Tuan Haji Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku pada masa ini ialah apa yang dinikmati oleh petani habis dihisap keluar oleh aliran-aliran ekonomi yang kekuasaannya dipegang oleh masyarakat lain yang berniaga dengan masyarakat tani. Misalnya segala nikmat subsidi Kerajaan akhirnya dihisap oleh peningkatan upah-upah tenggala, menuai dan kenaikan harga barang-barang keperluan harian dan juga bahan-bahan binaan seperti papan, pasir dan lain-lain lagi. Trektor-trektor dan mesin-mesin menuai adalah dipunyai oleh golongan pemodal yang sebilangan datangnya dari Kuala Lumpur.

Pada masa ini pemodal-pemodal ini telah bersekutu untuk mengenakan harga minima upah menuai pada tahap \$70 satu relung, pada hal harga kos untuk satu relung menuai hanya \$50 sahaja. Ini bermakna untung bersih diambil pada kadar 40% dan ini juga bermakna segala nikmat yang diberi oleh Kerajaan akhirnya didapati oleh orang lain. Oleh itu diharap bapak-bapak Menteri janganlah sekali-kali puas hati dengan laporan-laporan yang tidak lengkap kerana laporan beginilah yang akan melenakan Kerajaan. Mungkin keluhan-keluhan Menteri-menteri mengenai mengapa petani di kawasan pembangunan selalu menentang Kerajaan dijawabnya sendiri oleh apa yang saya telah bentangkan tadi. Maksudnya petani-petani berasa frust melihat kekayaan yang dibawa oleh projek pembangunan yang ditunjukkan kepada mereka, akhirnya mengalir banyak kepada orang lain yang hanya menunggu di luar ladang mereka. Perasaan frust ini boleh dilihat dari keluhan petani yang berbunyi demikian, lebih kurang seperti mana yang dicakapkan di Kedah di mana kita buat rancangan pembangunan MADA dan di dalam kawasan itu sungutan-sungutan macam ini selalu kita dengar: "Kita adalah seperti kerbau di ladang, bergelumang dengan lumpur di tengah panas, orang lain adalah seperti kucing di dapur yang gemuk dan gebu hanya menunggu hasil dari keringat kita."

Ini adalah sebutan-sebutan hasil daripada keluaran laporan-laporan yang dibuat oleh pegawai-pegawai pakar, kadangkalanya laporan-laporan itu perlu disemak dan dikaji semula oleh bapak-bapak Menteri, kalaulah kita berharap laporan itu bertujuan sebagai satu laporan yang lengkap.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu, saya sungguh berpuas hati di atas pelancaran Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah ini dan dengan adanya Lembaga ini kita yakin dan percaya rakyat di dalam kawasan itu akan beroleh menfaat yang banyak dan dengan ini saya sokong sepenuhnya di atas penubuhan Lembaga ini. Terima Kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru.

7.30 mlm.

Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir (Kulim-Bandar Bahru): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah yang dibincangkan. Dengan terlulusnya nanti Rang Undang-undang ini, maka ini akan menempatkan Kedah dalam satu keadaan yang unique di mana hampir keseluruhannya negeri Kedah ini akan dibangunkan oleh dua badan iaitu MADA bagi kawasan-kawasan keseluruhannya seperti Daerah Kubang Pasu, Jerai, Kota Setar dan sebahagian Pendang dan untuk Lembaga ini pula akan meliputi daerah-daerah yang masyhur dari segi kemiskinan iaitu Daerah Baling, Kulim, Bandar Bahru, Sik dan juga Kuala Muda.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun sudah kita telahpun mendengar, kita telahpun melalui peristiwa-peristiwa mogok lapar di mana rakyat di daerah-daerah Baling, Sik, Kulim dan Bandar Bahru yang telahpun menunjuk perasaan kerana mereka benar-benar lapar dan oleh sebab mereka lapar mereka tunjuk perasaan. Jadi sekarang ini telahpun terdapat kestabilan harga getah yang mana hasil dari tunjuk perasan mereka ini sekarang berjuta-juta rakyat di Brazil, di Afrika dan sebagainya sedang menikmati kestabilan harga getah. Namun demikian sebagaimana yang telahpun disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi kadar kemiskinan, taraf hidup rakyat di kawasan ini memanglah paling terendah dalam Malaysia ini dan Kerajaan Federal tidak ada pilihan untuk mengadakan Lembaga ini kerana kalau kita membiarkan kepada keadaan yang ada maka rakyat di kawasan itu akan terus-menerus miskin dan usaha Kerajaan untuk mengurangkan jurang kemiskinan antara yang kaya dengan yang miskin akan terus lambat hendak dicapai. Jadi ini bukanlah salah siapa untuk Kerajaan hendak membiayai projek-projek yang terletaknya di bawah State List, sudah tentulah tidak boleh sebab Kerajaan Negeri Kedah memang miskin; untuk projek-projek yang akan dibiayai kelak yang terletaknya di bawah Federal List pula, sungguhpun begitu banyak peruntukan telah diberi tahun demi tahun, tetapi apa yang kita menghadapi adalah kegagalan sebab soal penyelarasan, soal

kurangnya pegawai, kurangnya kemahiran dan berbagai-bagai dan akibatnya keadaan kemiskinan berterusan di kawasan tersebut.

Kalaulah Kerajaan Negeri hendak mengambil tindakan-tindakan yang tegas untuk hendak melebihi pendapatannya ini akan menjejaskan kedudukan negara pada keseluruhannya dan juga keselamatan negara, kerana negeri Kedah mengisi satu keperluan yang amat penting dari segi keperluan negara iaitu membekalkan beras dan padi kepada rakyat dan kita tahu pendapatan dari satu ekar tanah kalau ditanamkan dengan padi adalah paling rendah jika dibandingkan dengan tanaman-tanaman yang lain. Oleh sebab itu untuk hendak menjaga keselamatan negara, untuk hendak menjaga kesempurnaan negara, untuk hendak mengisikan satu keperluan negara iaitu keperluan padi maka kita terpaksa tanggung satu kaum petani yang begitu besar yang mana akan terus-menerus, walau apa juga kita buat mereka akan tetap miskin. Oleh sebab itu kita terpaksa menanggung pesawah-pesawah padi ini, maka pendapatan revenue Kerajaan kurang, bila revenue Kerajaan kurang bermakna kebolehan Kerajaan Negeri untuk membangunkan negeri Kedah lebih-lebih lagi rakyat di luar kawasan ini tidak akan memperolehi kejayaan. Oleh sebab itu maka sudah tentulah menjadi satu tanggungjawab Kerajaan Federal untuk datang campurtangan dengan mengadakan lembaga ini. Iaitu supaya bukan sahaja dapat mencurahkan duit, tenaga, kemahiran, kepakaran dan sebagainya, tetapi dapat mempercepatkan projek-projek yang akan dilaksanakan.

Sungguhpun Kedah pada keseluruhannya mengalu-alukan penubuhan Lembaga Kemajuan Wilayah ini, tetapi ianya juga membawa satu kebanggaan, sekarangpun sudah terdengar pegawai-pegawai Kerajaan Negeri rasa agak apakah kemungkinannya peranan mereka sebagai pegawai-pegawai dalam State Economic Planning Unit, apakah peranan mereka sebab dahulu misalnya saya ambil satu contoh ada satu Jawatankuasa yang dinamakan Jawatankuasa Pembangunan Lembah Krian iaitu di kawasan pilihanraya saya sendiri untuk membangunkan daerah Bandar Bahru. Jawatankuasa ini telahpun bermesyuarat berkali-kali dan telahpun

membuat berbagai-bagai keputusan tetapi 2-3 bulan yang sudah tidak ada sesuatu mesyuarat. Apabila saya mendesak supaya mesyuarat diadakan supaya segala perancangan kami dapat diteruskan malangnya jawapannya kita terpaksa menunggu kerana kita tidak tahu apakah peranan State Economic Planning Unit, apakah peranan Jawatankuasa Pembangunan Lembah Krian ini kerana kita akan tubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah. Yang kita kluatir selalunya apabila sesuatu Lembaga yang baru ditubuhkan, ia akan memakan masa sekurang-kurangnya setahun untuk mengambil kakitangan yang cekap, untuk membuat pejabat untuk membuat persediaan-persediaan lain. Jadi adakah bermakna dalam masa setahun ini kerja-kerja yang lain tidak akan berjalan, jadi saya mintalah kepada pihak Kementerian supaya perkara penyelarasan ini dapat diselesaikan secepat mungkin, kerana nampak gaya kebanyakan rancangan-rancangan yang dianjurkan oleh State Economic Planning Unit untuk kawasan-kawasan yang sama ini sekarang sudah pun datang kepada satu peringkat standstill, masing-masing menunggu apakah peranan masing-masing dan rakyat pula yang sudah pun begitu lama menunggu-mennunggu kemajuan sekarang berasa agak kecewa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang pihak Kementerian tentu tahu biasanya kalau kita tubuhkan sesuatu Lembaga Pembangunan iaitu adalah untuk membangunkan sesuatu kawasan, hutan-belantara misalnya kawasan-kawasan yang benar-benar tertinggal, tetapi bagi Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah ini adalah satu masalah yang unique, kerana yang akan membangunkan satu daerah yang sudahpun diduduki oleh orang-orang yang begitu ramai dan juga sudahpun mengadakan berbagai-bagai kemudahan. Jadi bukanlah satu perkara seperti Perbadanan-perbadanan yang lain yang mampu mengambil proses biasa untuk dikukuhkan. Tetapi untuk Lembaga ini saya rasa kita tidak ada masa untuk menunggu proses seperti biasa, proses pengambilan kakitangan, proses mengadakan pejabat dan sebagainya. Oleh sebab itu saya mendesak pihak Kementerian supaya mula-mulanya mengadakan suatu perundingan di peringkat

atasan, pegawai-pegawai iaitu di antara Pegawai Persekutuan dan juga Pegawai Negeri untuk mengaturkan rancangan-rancangan transitional ataupun mengadakan peraturan-peraturan transitional supaya segala perancangan-perancangan Kerajaan itu tidak akan tergendala.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan pihak Kementerian iaitu kalaulah kita hendak menjalankan kerja-kerja Lembaga ini, kalau Lembaga ini hendak benar-benar berkesan kita tidak boleh tunggu kepada kakitangan tempatan. Kalau perlu saya ingin mendesak supaya Lembaga ini jangan teragak-agak untuk mengambil pegawai-pegawai dari luar negeri. Kita tahulah kalau sesuatu projek itu lambat dilaksanakan, katalah projek ini dirancang untuk tahun ini, tetapi dilaksanakan dalam tahun hadapan dan bagi tiap-tiap tahun cost increase bagi projek itu adalah lebih kurang 30%. Jadi saya rasakan kita hendak tunggu, hendak mengambil pegawai yang sesuai ataupun kurang kakitangan kita hendak gunakan alasan-alasan yang lama dan lapuk itu maka kemajuan bagi Lembaga ini akan terbantu juga. Jadi dari awal-awal lagi saya mendesak dan menyarankan kepada pihak Kementerian dan pihak Lembaga ini supaya ambillah pegawai-pegawai dari luar negeri untuk memulakan Lembaga ini kerana kalau kita hendak bergantung kepada pegawai-pegawai tempatan, maka sudah tentu ini akan mengambil masa.

Ketiganya, saya ingin juga menyarankan supaya pihak Lembaga ini mengadakan bahagian-bahagian tertentu khasnya saya ingin menyarankan supaya ia mengadakan satu Bahagian Pembangunan Perumahan. Saya sukacita bahawa dalam Rang Undang-undang ini akan memberi kuasa kepada Lembaga ini untuk meminjam wang dari bank-bank swasta, badan-badan kewangan yang lain dengan izin Menteri Kewangan. Saya rasa dengan adanya kuasa ini sudah tentulah kita dapat membangunkan kawasan ini dengan kejayaan yang lebih lagi kalau daripada mengharapkan sepenuhnya dari Kerajaan Persekutuan.

Begitu juga saya ingin menyarankan supaya Lembaga ini menubuhkan satu Bahagian Pembangunan Infrastruktur. Kalaulah kita

lihat di kawasan daerah, Baling, Kulim, Bandar Bahru, Sik khasnya masalah utama adalah masalah infrastruktur, masalah jalan, parit dan sebagainya. Kadang-kadang setengah-setengah daerah atau kawasan itu kita rasa sejak merdeka masih macam itu juga sungguhpun kita telah merdeka 20 tahun lebih tetapi ada setengah-setengah kawasan kalau kita tidak lihat dengan mata kepala kita sendiri kita tidak akan tahu tetapi memang terdapat setengah kawasan memang ketinggalan sangat. Jadi saya rasa soal pembangunan infrastruktur adalah paling penting iaitu soal jalan-jalan kampung, jalan tar ataupun soal-soal pamaritan dan sebagainya. Dan satu lagi hampir ke semua kawasan-kawasan (areas) pertaniannya adalah masalah pamaritan. Kalau kita pergi ke Baling, Kulim atau di Bandar Bahru masalah utama di samping soal-soal jalan tadi, masalah hendak membangunkan sawah-sawah padi mereka adalah masalah pamaritan. Saya rasa kalau masalah jalan dan masalah pamaritan dapat diselesaikan untuk kawasan ini hampir 50% dari masalah rakyat di situ dapat diatasi.

Selain daripada itu soal-soal hendak membangun, meningkatkan penghidupan mereka itu dengan adanya New Growth Centres mungkin dari segi rancangan-rancangan perumahan; itu bolehlah difikirkan kemudian, tetapi yang utama yang harus didahulukan dengan adanya pegawai-pegawai dari luar negeri iaitu soal infrastruktur, jalan kampung dan sebagainya dan juga soal pamaritan.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahajalah sedikit sebanyak pandangan saya dan saya menyokong Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Jerai dan selepas itu Yang Berhormat Menteri akan menjawab.

7.42 mlm.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang di-Pertua, saya begitu gembira sekali pada hari ini yang pertamanya kerana Wakil dari Kota Setar telah menyokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, 1981 ini kerana yang saya tahu di Kedah kerap kali dalam ceramah-ceramah yang dibuat oleh parti Pembangkang hanya

mengecam Kerajaan, sebab banyak buat pembangunan-pembangunan dan telah melupakan akidah-akidah Islamiah tetapi sekarang jelas bahawa perancangan-perancangan dan pembangunan yang dibuat oleh Kerajaan adalah sah di segi nilai-nilai Islam dan dengan itu Alhamdulillah kita bersyukur ke hadrat Allah, kepada Tuhan mendorong kenyataan ini dapat diterima.

Yang keduanya, Tuan Yang di-Pertua, saya begitu gembira sekali kerana Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah yang ditunggu-tunggu ini telahpun dapat dibentangkan di Dewan ini yang mana ianya mempunyai tujuan-tujuan dan tugas-tugas yang begitu bernilai dan inilah satu-satunya harapan yang begitu tinggi, jika dikatakan tinggi gunung tinggi lagi harapan kita terhadap pencapaian matlamat dan tujuannya yang sebenar dalam segi penilaian ataupun di segi konsep pembangunan ekonomi khususnya kepada negeri Kedah dan rakyat yang ada di negeri Kedah.

Tuan Yang di-Pertua, sejak daripada pemodal-pemodal luar masuk ke negeri Kedah bermula daripada tahun 1909 iaitu semasa penjajah British mula campur tangan dalam Kerajaan Negeri Kedah, di sini telah bermula rangkaian ekonomi kolonial ini wujud di negeri Kedah dan kesan daripada rangkaian ekonomi kolonial inilah membawanya sehingga sekarang ini dan sehingga pada hari ini wujudnya satu Lembaga yang akan berusaha menyelesaikan masalah yang wujud daripada zaman penjajahan dahulu sehingga sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, apabila penjajah masuk ke negeri Kedah dan campur tangan di dalam ekonomi negeri Kedah, tanah-tanah yang elok-elok, tanah-tanah yang baik-baik dijadikan estet-estet kepunyaan pihak penjajah dan pemodal-pemodal luar dan hanya tinggal tanah-tanah pertanian di pinggir-pinggir dan di lembah-lembah yang ada untuk anak negeri dan demikian juga yang ada tinggal sedikit sebanyak di pinggir-pinggiran yang boleh untuk tujuan berdusun, bertanam padi ataupun sedikit sebanyak berkebun kecil. Daripada inilah asalunya wujud kedudukan penekanan ekonomi terhadap penduduk-penduduk di negeri Kedah dan kepada negeri Kedah sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kesannya begini apa yang dibawa oleh penjajah kepada Kedah oleh kerana diperlukan bahan-bahan makanan untuk industri-industri, untuk kalangan-kalangan di sektor yang lain dan dengan itu sebahagian besar rakyat negeri Kedah diarahkan hanya untuk bertani supaya mengeluarkan bahan makanan dan hasil bagi keperluan di sektor industri dan di sektor-sektor yang lain. Dan kesannya daripada kedudukan ini bererti penduduk-penduduk di negeri Kedah adalah hanya tinggal di pinggir ekonomi negara.

Apa yang saya katakan begini ialah kerana apabila di Kedah merupakan negeri pertanian yang mana kata Yang Berhormat Dato Menteri tadi untuk tanah getah 53% dan 30% untuk tanaman padi dan 8% untuk dusun, maka inilah tugas rakyat Kedah hanya sebagai tenaga mengeluarkan bahan-bahan mentah daripada sektor yang tersebut khasnya sektor pertanian ini, dan bahan-bahan mentah ini dieksploitasikan oleh pihak penjajah menerusi orang-orang lain yang berpusat di Pulau Pinang, di Ipoh dan di tempat-tempat lain termasuk di Kuala Lumpur sendiri. Kesan juga daripada sini hanya meninggalkan bahawa rakyat negeri Kedah sebahagian besarnya di sektor pertanian ini sebagai tenaga mengeluarkan hasil untuk kepentingan orang lain.

Saya berkata begini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana daripada kajian yang dibuat oleh pihak FAO yang berpusat di Rome dalam kajian The Muda Study, Volume I telah menunjukkan bahawa nilai hasil pengeluaran mentah dan juga mengikut nilai hasil pertambahan daripada memproses ataupun pemerosesan bagi getah 72% berbanding dengan selebihnya ialah hasil daripada pengeluaran ataupun pihak yang mengeluarkan. Begitu juga padi 67% hasil pertambahan daripada penilaian atas pemerosesan berbanding dengan pengeluaran asalnya. Jadi dengan kerana adanya industri dan perusahaan-perusahaan di luar daripada 2/3 itu tidak wujud dalam negeri Kedah dan tidak mendatangkan faedah apa-apa pun kepada rakyat negeri Kedah selain daripada tenaga kerja mengeluarkan bahan-bahan mentah itu sahaja.

Satu lagi beban yang diterima oleh rakyat Kedah yang menjadi miskin ialah keperluan bahan-bahan pengguna ataupun barang-barang keperluan juga alirannya daripada pusat-pusat industri yang ada di Pulau Pinang, di Kuala Lumpur, di Ipoh dan sebagainya masuk ke Kedah yang sekali lagi dengan keadaan inflasi menekan di atas hasil pengeluaran yang begitu sedikit yang dicapai oleh rakyat di Kedah.

Di sinilah yang menjadikan negeri Kedah ini miskin dan yang menjadikan rakyat negeri Kedah juga pendapatannya rendah menurut per kapita pendapatan rakyat dalam negeri Kedah itu sendiri. Daripada latarbelakang ini, inilah yang saya katakan tadi bahawa saya sungguh gembira sekali dengan adanya Akta Lembaga yang dibentangkan ini dengan harapan satu-satunya Lembaga ini akan dapat berusaha mengembalikan semula pengaliran-pengaliran dan kebocoran ekonomi hasil daripada negeri Kedah sendiri ke luar daripada negeri Kedah dan supaya dapat dikembalikan kepada negeri Kedah untuk dapat dinikmati oleh rakyat negeri Kedah. Tetapi sayangnya juga apabila saya dapati dengan adanya Lembaga ini sebahagian orang tidak menyetujuinya, kononnya disebabkan kemungkinan kuasa-kuasa mereka akan luput dengan adanya Lembaga ini. Tetapi mereka ini hanya memikirkan kepentingan kuasa-kuasa diri sendiri, tidak memikirkan kepentingan penderitaan rakyat pada keseluruhan dan penderitaan negeri Kedah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut hasil yang didapati daripada tanah getah yang ditanam getah kira-kira 53% sepertimana kata Yang Berhormat Dato Menteri tadi, nilai setahun kira-kira \$230 juta hasil getah dan padi daripada 30% guna tanah terdapat sebanyak \$370 juta setahun yang mana jumlah nilai pengeluaran kasar sejumlah \$600 juta kira-kira setahun. Sedangkan daripada nilai-nilai ini tiga kali ganda pertambahannya kepada pengeluaran hasil padi yang tidak memberi faedah kepada Kedah yang saya katakan tadi merupakan kebocoran ekonomi keluar daripada sektor pertanian negeri Kedah sendiri dan begitu juga kira-kira dua kali ganda daripada hasil pengeluaran mentah getah juga pertambahan itu adalah di luar daripada pendapatan yang dapat

dikembalikan kepada penduduk-penduduk Kedah dan negeri Kedah sendiri yang mana pertambahan ini kemungkinan akan meningkat sehingga kira-kira \$1,570 juta setahun yang boleh dieksplotasikan.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang sampailah masanya usaha-usaha untuk mengembalikan kebocoran dan pengaliran keluar hasil-hasil yang dapat menampung pertambahan dan pendapatan ekonomi kepada sektor pertanian dan juga negeri Kedah ini. Apa yang menjadi persoalan sekarang ini apakah cabaran ini akan dapat dipertanggungjawabkan oleh Lembaga ini dengan sebaik-baiknya. Ini satu persoalan yang timbul. Seperti saya katakan tadi bahawa saya sendiri dan juga rakyat negeri Kedah menyetujui bahawa inilah satu-satunya harapan untuk dapat dikembalikan dan sekiranya ini gagal kemungkinan tidak memberi apa-apa erti di dalam penubuhan Lembaga ini dan dengan ini bertitah satu tugas dan beban yang begitu berat kepada Lembaga ini untuk menyelesaikan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi dan dalam mengendalikan peranan dan tugas ini saya percaya juga tentulah banyak rintangan-rintangan lain dan masalah-masalah lain yang akan dihadapi kerana seperti rakan saya dari Kulim Bandar Bahru mengatakan tadi bahawa Lembaga Wilayah Kedah ini bukan merupakan sebagai satu-satunya Lembaga yang ada di negeri lain kerana Lembaga-lembaga yang ada di negeri lain, wilayahnya merupakan satu wilayah baru yang dibangunkan tetapi di Kedah merupakan wilayah yang telah diduduki turun temurun dan mempunyai berbagai-bagai masalah (problem) yang terpaksa dihadapi dan perlu diatasi. Di sini perlulah tindakan sama ada agresif ataupun tidak haruslah dengan penuh tatacara supaya menghadapi keadaan-keadaan ini tidak akan menambah keruncingan daripada suasana yang ada baik pun di dalam bidang ekonomi, pembangunan dan politik di negeri Kedah itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, menurut daripada tugas-tugas Lembaga yang diberikan ini kedapatan banyak peranan dan tugas dan di antaranya salah satu yang saya sebutkan tadi ialah untuk dapat berusaha mengembalikan nilai-nilai ekonomi yang kebocoran ataupun dialirkan ke luar daripada negeri Kedah ini dan dengan ini sukalah saya mencadangkan

supaya Lembaga yang ditubuhkan ini agar dapat benar-benar merupakan satu Lembaga yang akan menjamin pertambahan penduduk yang akan bertambah dalam masa 10 tahun yang akan datang. Menurut perangkaan yang kita dapati kemungkinan pertambahan dan tenaga manusia akan bertambah meningkat sehingga 100,000 manusia dalam jangka masa 10 tahun dan perancangan yang akan diwujudkan menerusi Lembaga ini seharusnya akan dapat mewujudkan juga peluang-peluang bagi menempatkan tenaga manusia yang akan terdapat dalam masa 10 tahun yang saya sebutkan tadi. Sungguhpun kita mempunyai perancangan, misalnya dalam tenaga-tenaga yang ada dialirkan ke luar dan mungkin juga akan dialirkan ke rancangan-rancangan FELDA dan sebagainya tetapi yang pentingnya jika sekiranya tenaga itu dialirkan ke luar kemungkinan perancangan yang seharusnya penggunaan tenaga di negeri Kedah itu sendiri juga akan menimbulkan masalah. Dengan itu saya rasa lebih baik sekiranya tenaga-tenaga ini dipusatkan juga di Kedah dengan mewujudkan kemudahan-kemudahan untuk menampung keperluan tenaga-tenaga ini.

Keduanya, saya suka menarik perhatian pihak Kerajaan Pusat supaya semestinya menunaikan segala janji-janji di dalam fungsi-fungsi yang dicatitkan di dalam Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah itu. Kalau sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan dan akan berjalan dan kemudiannya Kerajaan Pusat tidak bertanggungjawab sepenuhnya di atas fungsi-fungsi kegiatan yang akan dilaksanakan kemungkinan tidak juga akan memberi apa-apa erti kerana seperti yang saya katakan tadi bahawa oleh kerana Lembaga ini akan bertanggungjawab terus kepada Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah dan juga bergantung kepada Kerajaan Pusat maka peranan Kerajaan Pusat kepada Lembaga ini adalah merupakan satu tanggungjawab yang mesti dipikul dan bukan hanya melahirkan anak, lepas itu anak tidak dijaga dan tidak dibela.

Ketiganya, saya suka mencadangkan supaya Lembaga ini diberi sepenuh-penuh kemudahan dan kemudahan yang banyak ini mestilah melibatkan dari dalam berbagai aktiviti ekonomi pemerosesan dan

pengeluaran bahan-bahan barang-barang pengguna yang lahir daripada bahan-bahan mentah yang terdapat di dalam negeri Kedah itu sendiri yang mana ini, seperti yang tercatat di dalam Akta Seksyen 25 Lembaga ini bahawa sebarang pelaburan yang diberi kepada Lembaga ini adalah di bawah kuasa Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan dan dengan ini saya harap kedua-dua Menteri ini akan bertanggungjawab dan jangan pula esok berdolak-dalik apabila sesuatu pelaksanaan berjalan dan menimbulkan masalah kerana daripada kesan ini akan berlaku masalah tidak akan berjayanya matlamat dan tujuan yang sebenarnya di dalam tujuan penubuhan Lembaga ini sendiri.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin sentuh di dalam Akta ini ialah mengenai perkara perlantikan Ahli-ahli Lembaga ini sendiri kerana pada hari semalam telah banyak perkara-perkara dibincangkan dan dikeluarkan di Dewan ini tentang pandangan dan pendapat mengenai peranan Ahli-ahli Lembaga. Dari senarai dalam Akta ini apa yang diharapkan ialah supaya Ahli-ahli Lembaga yang dilantik ini walaupun dari mana kalangannya biarlah terdiri daripada mereka yang betul-betul akan melaksanakan dengan penuh tanggungjawab dan kesedaran dari apa yang saya sebutkan asas kedudukan yang wujudnya Lembaga ini di Kedah. Dan jangan pula perlantikan hanya dinilai di segi kemungkinan kawan rakan, dinilai di segi kemungkinan untuk menampung satu peluang rezeki kepada mereka yang dicadang untuk dilantik tetapi mestilah dinilai dari segi kemampuan dan tenaga kemungkinan yang dapat diberikan.

Saya bercakap ini bukan saya jaki kemungkinan kalau dilantik orang lain atau sebagainya tetapi inilah harapan kita kerana di situ juga letaknya amanah dan tanggungjawab kerana Tuhan sendiri berfirman di dalam Al-Quran: Kalau sekiranya kita letak amanah dan tugas tanggungjawab tidak kena pada tempatnya, tunggulah kehancurannya. Ini merupakan sebagai satu peringatan agar ianya akan dapat berjalan dengan baik dan apabila ianya dapat berjalan dengan baik, tujuan dan matlamat kita akan dapat dicapai dan insya Allah, Allah subhanahu wa taala sendiri akan

merestui bersama-sama kita sekiranya kita ikhlas, jujur dan bertanggungjawab serta amanah dalam melaksanakannya.

Dengan ini, saya menyokong Rang Undang-undang Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah, 1981 ini.

Tuan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Menteri menjawab.

8.02 *mlm.*

Dato' Shariff Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kota Setar, Ulu Muda, Kulim-Bandar Bahru dan Jerai yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan Rang Undang-undang menubuhkan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah ini.

Saya sangat berbesar hati mendengarkan semua pihak telah menzahirkan hasrat mereka betapa perlunya Lembaga ini ditubuhkan, sama ada daripada pihak menyokong parti saya sendiri ataupun daripada parti Pembangkang yang ada di Kedah, iaitu daripada Kota Setar. Sokongan seperti ini sangat perlu memandangkan usaha kita ialah ditujukan kepada pembangunan masyarakat yang ada di seluruh negeri Kedah berikutan dengan wujudnya perbezaan pendapatan antara mereka (masyarakat) yang ada dalam kawasan MADA dan dengan luar MADA. Jadi memanglah kena pada tempatnya bagi kita menjayakan projek-projek ini mengelakkan daripada mencampur-adukkan dengan soal politik kita masing-masing. Saya yakin sokongan ataupun perutusan yang diberikan oleh mereka di Dewan ini akan sampai ke bawah supaya pengikut-pengikut kita juga bersama-sama menyokong dan memberikan kerjasama kepada usaha-usaha bagi memajukan projek kita ini.

Menyentuh soal Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar nampaknya beliau bimbang sedikit apabila beliau mengatakan seluruh negeri Kedah nampaknya berada dalam Lembaga, satu daripadanya Lembaga MADA dan satu daripada Lembaga yang baru ini. Kita tak boleh mengambil sikap demikian kerana penubuhan Lembaga ini kena dihitung dari segi luas kawasannya. Beliau membandingkan

dengan Johor, Kelantan, Trengganu, Pahang iaitu sebahagian daripada negeri itu sahaja berada di bawah Lembaga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti saya kata dalam ucapan tadi jumlah ekar yang masuk dalam Lembaga Kedah ini lebih kurang 2 juta ekar sahaja dan jumlah ini tidak berapa besar bezanya, hatta ada yang kecil daripada jumlah ekar Lembaga-lembaga yang lain. Misalnya DARA di Pahang 1.6 juta ekar, KEJORA di Johor 0.75 juta ekar, KETENGAH di Trengganu 1.9 juta ekar dan KESEDAR di Kelantan (negeri jiran Kedah) 2.3 juta ekar. Tetapi oleh kerana negeri Kedah ini agak dibandingkan dengan negeri-negeri yang disebutkan tadi itu adalah kecil, maka nampaklah seluruh Lembaga ini meliputi seluruh negeri Kedah tetapi tak bolehlah kita hitung demikian kerana kalau kita bahagi-bahagikan pula maka akan timbullah lagi perbezaan pendapatan hidup antara mereka di luar MADA dengan mereka dalam MADA dan ini akan meruncingkan lagi keadaan kita di sebelah utara sana.

Satu lagi beliau mengatakan agar Lembaga ini sudah seharusnya ditubuhkan begitu awal tetapi ini memerlukan kajian yang mendalam, lebih-lebih lagi seperti yang diketahuinya seluruh negeri Kedah ini pada umumnya akan masuk di bawah Lembaga dan memerlukan kajian yang lebih awal, tetapi kepada beliau saya katakan biarlah lambat asalkan selamat dan perlu kita membuat kajian dengan lebih mendalam.

Satu perkara yang sangat menarik perbincangan kita ialah yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kulim-Bandar Bahru, di samping menyokong dan memberikan pendapat serta idea-idea barunya beliau menzahirkan kebimbangan pegawai-pegawai yang ada di negeri Kedah seolah-olah dengan penubuhan Lembaga ini maka timbullah vacuum bekerja antara mereka itu. Saya telah banyak membincangkan perkara ini dan Kabinet sendiri telah membincangkan soal lapisan kerja ini tetapi tak sepatutnya pegawai-pegawai kita di sana berasa bimbang kerana tugas Lembaga ini ialah untuk menampung kerja-kerja yang tak mampu dipikul oleh agensi-agensi yang lain. Mengikut caranya apabila Budget hendak dibuat maka ada

satu Standing Committee untuk mengallocation ataupun memberikan budgetnya, dari situ akan ditimbang kemampuan satu-satu agensi setakat mana dia boleh buat. Bagi yang tak boleh buat itu dari segi pembangunannya akan diserahkan kepada Lembaga ini dan pada pendapat saya bukan mereka ini akan kurang kerja kerana dengan penambahan peruntukan kita \$2 billion lebih dalam Rancangan Malaysia Keempat ini yang saya bimbang kerana masing-masing memang membuat kerja yang lebih, bukan tak ada kerja, tetapi saya harapkan di kalangan pegawai-pegawai ini janganlah menimbulkan keraguan yang tidak berasas dan waktu inipun saya telah mengarahkan Ketua Setiausaha Kementerian ini merundingkan dengan pegawai-pegawai negeri Kedah dan semasa menguruskan Bil ini Ketua Setiausaha Negara sendiri mempengerusikan satu committee kecil untuk menyaksikan supaya tidak ada duplication dan tidak ada jabatan-jabatan yang tak bekerja, terutama sekali dari segi peruntukan. Tetapi asas penubuhan Lembaga ini ialah untuk mempercepatkan kerja-kerja yang tak mampu dipikul oleh agensi-agensi yang lain dan kita kena berlari sedikit memandangkan kemajuan-kemajuan (developments) negeri Kedah ini agak ketinggalan sedikit.

Saya harap kepada pegawai-pegawai demikian janganlah menimbulkan keraguan yang tidak berasas dan memang menjadi hasrat kita menubuhkan Lembaga ini jika kekurangan pegawai yang ada di negara kita yang memerlukan pegawai-pegawai profesional dan sebagainya ada kemungkinan kita menimbang mengambil pegawai daripada mana-mana juga kerana tujuan utama kita hendak mencepatkan pembangunan kawasan Kedah di luar MADA ini supaya dapat membawa pendapatan mereka itu kalau tidakpun seimbang, hampir-hampir seimbang dengan pendapatan mereka dalam kawasan MADA.

Saya sendiri telah berunding dengan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Besar Kedah berhubung dengan pengambilan-pengambilan ini dan menyusun kerja-kerjanya dan bagi saudara-saudara atau wakil-wakil rakyat yang ada di Kedah ini diberi peluang untuk monitor kerja-kerja yang ada ini dan tugas utama kita ialah hendak

mengadakan infrastructure yang selengkapnya sebelum kita memajukan satu-satu projek yang ada di Kedah itu.

Jadi barangkali dua perkara yang besar sangat yang saya suka terangkan, yang lain-lain itu daripada yang lain, dapat saya simpulkan hasrat mereka itu yang ditimbulkan oleh wakil Jerai, Ulu Muda; serupalah juga dengan hasrat Kerajaan kita terutama sekali Kerajaan Negeri Kedah yang dipimpin oleh Dato' Syed Nahar yang berkehendakkan sangat kepada satu jentera pembangunan supaya dapat mempercepatkan pembangunan negeri Kedah bukan sahaja dapat memperseimbangkan di antara rakyat di kawasan MADA dengan luar MADA tetapi juga dapat memperseimbangkan pendapat rakyat dengan negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, barangkali tidak ada apa yang saya hendak sebutkan panjang lagi melainkan saya mengucapkan terima kasih kepada sokongan dan juga kerjasama yang diberi dan saya harap teguran-teguran ini akan dapat sampai kepada saya lebih-lebih lagi apabila kita melaksanakan projek ini di peringkat bawah. Di situlah selalunya kadang-kadang berlaku keciciran. Saya sangat mengalu-alukan sebarang teguran dan criticism daripada peringkat bawah kerana adalah mustahil bagi diri saya sendiri hendak mengikuti segala projek-projek yang ada di peringkat bawah. Saya harap kepada wakil-wakil rakyat sama ada di peringkat Parlimen ataupun di peringkat negeri tidak berlelah menunjukkan kelemahan-kelemahan, short-falls, yang ada dalam pelaksanaan kita ini kerana walau bagaimana cantik sekalipun planningnya di peringkat bawah, jika implementornya tidak berjalan dengan begitu seimbang maka hasil untuk diterima oleh rakyat pun tidak seimbang.

Saya sekali lagi berharap kepada wakil-wakil rakyat dapat mengikuti perkembangan dan memberitahu pihak berkuasa dan saya sendiri supaya kita dapat memperbetulkan sebelum keadaan itu menjadi runcing. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah bagi diputuskan oleh Majlis bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 35 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual Pertama dan Kedua diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 4.30 petang esok, hari Jumaat, 27hb Mac, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.15 malam.